



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 48

Isnin

7 Disember 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2021

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Kepala B.27 (Halaman 21)
Kepala B.28 (Halaman 50)
Kepala B.30 (Halaman 84)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2021

Jawatankuasa:-

Kepala P.27 (Halaman 21)
Kepala P.28 (Halaman 50)
Kepala P.30 (Halaman 84)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 84)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 7 Disember 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan status projek-projek infrastruktur luar bandar di bawah kementerian iaitu projek-projek jalan luar bandar, bekalan elektrik dan bekalan air khususnya di kawasan Parlimen Hulu Rajang dan amnya di negeri Sarawak.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Untuk Rancangan Malaysia Ke-11, untuk negeri Sarawak, daripada tahun 2016 hingga 2020 dalam Rancangan Malaysia Ke-11, ada sejumlah 15 projek untuk bekalan air luar bandar yang mana lima telah pun siap, dalam pembinaan sejumlah lima, tiada dalam perolehan, satu dalam reka bentuk dan empat dalam lantikan perunding.

Daripada sebanyak 15 itu Tuan Yang di-Pertua, enam berada di Hulu Rajang dengan tiga projek pada tahun 2016 yang mana satu sudah siap manakala dua dalam pembinaan. Pada tahun 2017, satu projek sedang dalam pembinaan. Pada tahun 2018 tiada dan pada tahun 2019 terdapat dua projek, satu dalam pembinaan yang mana saya nyatakan tadi dalam Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu BELB di Hulu Rajang yang mana empat dalam pembinaan dan satu sudah siap.

Bagi bekalan air luar bandar, untuk negeri Sarawak, sebanyak 40 projek dan sedang akan dilaksanakan dengan kos keseluruhan berjumlah RM2.4 bilion. Daripada sejumlah 40 projek ini, 11 telah siap, 13 dalam peringkat pelaksanaan, 16 dalam reka bentuk. Sementara jalan luar bandar, di Hulu Rajang, tahun 2017 terdapat projek naik taraf jalan ke lot pertanian penempatan semula Bakun, Sungai Asap. Saya sudah sampai Sungai Asap di Sarawak. Dalam reka bentuk adalah projek sejumlah RM9 juta bagi rumah Jalan Juntan ke Jalan Melukut yang sejauh 60 kilometer sedang dalam pelantikan perunding.

Jalan balak, penempatan semula ke Tegulang Fasa 5 di Kapit yang dalam reka bentuk dengan sebanyak RM61 juta. Ada dua lagi iaitu, jalan balak semula ke Metalon fasa 6 dengan sebanyak RM112 juta di peringkat perunding. Satu lagi jalan akses ke SK Lubuk Bayang, Klinik Nanga Sekarok dalam reka bentuk dengan sebanyak RM48 juta. Semua sekali sebanyak RM290 juta Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bukan sekadar menjawab tetapi telah meninjau sendiri ke kawasan Parlimen Hulu Rajang. Yang Berhormat Menteri, saya mohon supaya dapat dinyatakan atau supaya menjamin pembangunan di seluruh negeri Sarawak Yang Berhormat Menteri supaya dilaksanakan kesamarataan daripada Belanjawan 2021. Saya mohon satu lagi jaringan jalan raya iaitu dari Nanga Mujong, Nanga Tiau ke Daerah Bukit Mabong, Sungai Tunoh sejauh 70 kilometer supaya dimasukkan dalam senarai Rancangan Malaysia Ke-12. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, nak jamin ini, saya tidak berani nak jamin. Kerajaan PH, Kerajaan BN, lepas ini mungkin ada pilihan raya, *wallahualam bissawab*. Akan tetapi, apa yang telah dan sedang dibuat oleh Kerajaan Pusat PN dengan Kerajaan Negeri Sarawak yang mana PN juga, kita ada jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pusat dan juga Timbalan Ketua Menteri, Yang Berhormat Douglas Unggah yang lama juga dekat Pusat.

Jawatankuasa ini bergerak untuk memastikan kita ada jawatankuasa kerja dan jawatankuasa teknikal yang mana semua Yang Berhormat Menteri-menteri di peringkat negeri Sarawak turut hadir dalam mesyuarat tersebut dan dihadiri dengan semua Ketua-ketua Jabatan di peringkat Pusat.

Saya yakin dengan adanya kerjasama ini, kita akan pastikan segala perkara yang tidak dapat diselesaikan sebagai contoh Jalan Bukit Mabong ini, kita akan masukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Kalau tidak dapat *Rolling Plan 1*, mungkin kita masuk dalam *Rolling Plan 2*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah pendekatan Kerajaan Pusat dalam memastikan pembekalan Rumah Mampu Milik (RMM) kepada semua negeri termasuk Pulau Pinang adalah mencukupi memandangkan program PR1MA sudah tidak diteruskan sekarang. Perincian pampasan yang dibayar kepada para pemaju yang tidak dapat meneruskan projek PR1MA disebabkan kepelbagaian faktor.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah.* Terima kasih Yang Amat

Berhormat Tanjong. *[Ketawa]* Terima kasih. Jadi, untuk makluman Yang Amat Berhormat Tanjong, ketika ini perancangan untuk rumah mampu milik untuk seluruh negara, kita telah— dalam perancangan setakat dari tahun 2018 sehingga sekarang, 30 Jun 2020, kita telah merancang sebanyak 546,755 unit rumah, yang mana 193,337 buah dalam pembinaan dan yang telah siap sebanyak 55,496 dan dalam perancangan lagi adalah sejumlah 327,922.

■1010

Jadi, ini adalah untuk memastikan bahawa *this is* peringkat Pusat, negeri dan juga swasta, kita kumpulkan. Untuk makluman kepada Yang Berhormat Tanjong, isu tentang rumah mampu milik ini *insya-Allah* kita akan dapat laksanakan. Setakat ini, dua tahun yang lepas dari tahun 2018 sampai tahun 2020, kita telah mencapai hampir 200,000 unit rumah, yang mana sebanyak 55,000 sudah siap, 150,000 unit itu adalah dalam pembinaan sekarang dan *insya-Allah* akan siap peringkat berperingkat dari mula tahun 2021.

Jadi untuk PR1MA, memang PR1MA kita telah membuat program rasionalisasi yang mana pada tahun 2016 sudah tidak ada peruntukan yang diberikan kepada PR1MA. Oleh kerana itu, KPKT yang sekarang PR1MA di bawah *purview of*, dengan izin, KPKT telah membuat program rasionalisasi yang mana kita telah mengikut arahan dari tahun 2018 ketika itu untuk projek-projek yang di bawah 15 peratus kita *review* balik dan kita hentikan projek-projek ini.

Untuk projek yang lebih daripada itu kita teruskan pembinaan. Sebanyak 92 projek yang ada di bawah PR1MA, yang mana 32 projek kita hentikan dan yang lebih itu kita teruskan ikut peringkat berperingkat dan kita membuat perancangan ataupun model yang berbeza. Sama ada kita *migrate the programme* kepada rumah-rumah PPR yang juga di bawah KPKT, sama ada kita buat *joint venture* dan kita tukar *business model*, itu dalam eksais kita sekarang dalam PR1MA. Untuk memastikan bahawa tanah-tanah yang baik akan lebih produktif, tanah-tanah yang kurang baik kita akan hentikan perbincangan ataupun kita sedia berbincang untuk memberikan pampasan, terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, sehingga kini berapa bilion ringgit telah dibelanjakan bagi Program PR1MA? Berapa lagi bilion ringgit perlu dibelanjakan demi menyelesaikan segala beban hutang dan tanggungjawab kepada pemaju dan pembeli perumahan PR1MA? Kementerian mana yang akan membiayainya?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tanjong, ketika ini kita ada sebanyak 17 *out of* 32, dengan izin, 17 yang telah kita memberikan pampasan berdasarkan daripada pra-pembangunan, kos kerja dan faedah

atas kelewatan dan sebagainya sebanyak RM172 juta, yang lain itu masih dalam perundingan.

Jadi, yang ini pun juga kita berjaya untuk menurunkan dalam 30 peratus daripada tuntutan. *So, we have spent RM172 million* untuk 17 keping tanah. Jadi, untuk yang lain-lain kita tidak minta lagi peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk menguruskan hutang dan pembiayaan seterusnya.

So, kita cut loses, kita jual rumah yang ada, kita *cover up* balik yang hutang dan *insya-Allah* pada tahun 2023 kita mampu akan memastikan bahawa segala hutang PR1MA dapat dibayar dan kita akan menggunakan *productive lands* untuk membuat rumah-rumah baharu dan membuat *migration program* dan juga bekerjasama dengan JPN di bawah KPKT, SPNB dan sebagainya.

Hal ini kerana ketiga-tiga agensi perumahan atau empat agensi perumahan telah ditaruh di bawah KPKT - PPAM, SPNB, JPN dan juga PR1MA, maka memudahkan kami untuk *cross business model to maximize whatever we have and cut losses and bring back the money. Insya-Allah*, terima kasih.

3. Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan bilangan graduan yang telah menyertai Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Kementerian Pengajian Tinggi–Career Advancement Programme (KPT-CAP) dan nyatakan bidang kursus serta bilangan syarikat yang menyokong program ini serta nyatakan bilangan graduan yang dijangka mendapat pekerjaan selepas menamatkan program ini.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam membangkitkan persoalan berkenaan dengan pelaksanaan Program KPT-CAP yang ada hubung kait dengan isu kebolehpasaran graduan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebagai langkah rangsangan untuk menangani situasi ekonomi semasa dan meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. Terdapat 40 inisiatif bernilai RM35 bilion di bawah PENJANA. Daripada jumlah ini KPT telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi tujuan untuk mempertingkatkan kebolehpasaran graduan di bawah, dengan izin, program *career advancement* ataupun PENJANA KPT-CAP.

Sehingga 3 Disember 2020, sebanyak 87 program telah diluluskan untuk dilaksanakan, melibatkan sinergi dengan 154 buah syarikat penyedia latihan dan syarikat yang mengeluarkan, dengan izin, *letter of commitment* sebagai jaminan penempatan pekerjaan kepada graduan selepas latihan. Berdasarkan bilangan program yang telah diluluskan tersebut, seramai 7,596 orang graduan akan mendapat

manfaat daripadanya dan daripada jumlah itu, pecahan mengikut kluster ataupun bidang program adalah seperti berikut:

- (i) kluster *Place and Train* - sejumlah 6,296 orang graduan dijangka akan mendapat penempatan pekerjaan sebaik sahaja berjaya menamatkan latihan;
- (ii) kluster keusahawanan - seramai 1,010 orang graduan yang berjaya menamatkan latihan akan ditawarkan pembiayaan perniagaan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan; dan
- (iii) kluster gig ekonomi - seramai 290 orang peserta akan dibimbing untuk menjana pendapatan sendiri secara *freelancing* sebaik sahaja menamatkan latihan.

Sebagai menyokong pelaksanaan Program KPT-CAP ini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil inisiatif membangunkan satu portal bagi memudahkan graduan dan bakal graduan mendapatkan maklumat mengenai pekerjaan dan latihan iaitu *Graduates Reference Hub for Employment and Training* (GREaT), dengan izin. Portal ini merupakan hab maklumat kebolehpasaran graduan yang memberi pelbagai informasi mengenai pekerjaan, keusahawanan, peluang melanjutkan pengajian, pembiayaan, latihan peningkatan kemahiran serta pelbagai tips kerjaya kepada graduan.

GREaT juga merupakan platform kepada graduan untuk mengemukakan cadangan atau idea kepada kerajaan bagi membantu graduan meningkatkan kebolehpasaran mereka. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan sebentar tadi dan terima kasih kerana memberi perhatian yang serius kepada graduan-graduan di seluruh Malaysia. Dalam kajian telah menganggarkan 2.4 juta orang akan kehilangan pekerjaan dan graduan dijangka amat sukar untuk mendapat pekerjaan sepanjang tahun 2020 hingga tahun 2021.

Soalan tambahan saya, apakah langkah kerajaan bagi memastikan kualiti dan kebolehpasaran graduan serta ketidakpadanan pekerjaan di antara permintaan oleh industri dan pengeluaran graduan oleh institut pengajian tinggi pada masa kini dapat diatasi, khususnya dalam keadaan pandemik COVID-19 ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam atas soalan tambahan itu. Untuk tangani isu kebolehpasaran graduan, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi. Memang ini yang menjadi isu yang cukup besar selepas pandemik COVID-19 ini. Beberapa langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian. Pertama, seperti yang disebutkan tadi

dengan pelaksanaan KPT-CAP dan yang kedua ialah untuk *still relevant* dan *competitive* dalam dunia kebolehpasaran sekarang ini.

Maka, kita menggubalkan program ataupun dasar di bawah IR4.0. Kementerian juga dalam rancangan untuk melaksanakan KPT-PACE. Seterusnya, pihak IPTS sendiri, kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi membantu graduan daripada IPTS. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, ada juga beberapa program bantuan kewangan seperti yang telah diperkenalkan kepada pihak pelajar.

Seterusnya, ada juga program pelaksanaan pekerjaan dengan PERKESO iaitu Program Portal *MyFuture Jobs* dan juga hari ini kita melalui perhatian khusus tentang perkara ini berkenaan dengan pelaksanaan Program Pembangunan Keusahawanan yang dilaksanakan oleh pihak KPT.

■1020

Terakhir di bawah program pelaksanaan ini ada dua program yang dilaksanakan. Satu dengan TEKUN Nasional iaitu dengan KPT-MEDAC Siswapreneur dan satu lagi dengan agensi PUNB. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kota Raja] minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah kedudukan hutang semasa negara dan nisbah hutang negara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahr bin Abdullah]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Untuk makluman Yang Berhormat, hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir September 2020 mencatat RM874.3 bilion atau 60.7 peratus daripada KDNK negara.

Namun, berdasarkan pengiraan had statutori di bawah Akta 275 dan Akta 637 nisbah hutang Kerajaan Persekutuan yang merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) baru mencatat 56.6 peratus daripada KDNK iaitu kurang daripada had 60 peratus yang baharu yang telah ditetapkan di bawah Akta 830, Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19).

Yang Berhormat, dengan mengambil kira semua tanggungan sedia ada, secara keseluruhan pendedahan hutang dan liabiliti kerajaan dianggarkan berjumlah RM1,257 bilion atau 87.3 peratus daripada KDNK pada akhir September 2020.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, kerajaan komited untuk memastikan pembiayaan semula hutang Kerajaan Persekutuan dilaksanakan secara teratur mengikut jadual. Dalam situasi krisis pandemik COVID-19 yang masih berlarutan ini, kerajaan akan memberi tumpuan bersungguh-sungguh

terhadap pemulihan ekonomi terutamanya bagi memelihara kesihatan rakyat dan menyokong aktiviti perniagaan. Setelah ekonomi kembali pulih Yang Berhormat, kerajaan akan kembali melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dalam usaha memastikan paras pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan kekal terkawal dan terurus.

Langkah tersebut termasuklah memperluaskan asas hasil, memperkukuhkan pentadbiran dan pematuhan cukai serta meningkatkan kecekapan perbelanjaan bagi mengawal paras defisit fiskal kerajaan.

Oleh hal yang demikian Yang Berhormat, keperluan pinjaman kerajaan akan dapat dikurangkan dan seterusnya ini akan mengawal pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berikutan penurunan kredit daripada *Fitch ratings* terhadap Malaysia daripada A - kepada BBB+ akibat daripada ketidakstabilan Kerajaan Malaysia sekarang. Apakah untuk menambahkan pendapatan maka kerajaan mencadangkan semula untuk dikenakan GST kepada rakyat pada tahun depan. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini memanglah persoalan yang amat penting untuk Kementerian Kewangan memberi sedikit penjelasan di Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Yang Berhormat, semasa Bajet 2020 diumumkan pada tahun 2019 kita hanya menganggarkan ketika itu harga minyak USD60 per barrel tetapi apa yang berlaku disebabkan pandemik COVID-19, harga minyak berada dalam paras USD40 dan defisit semasa kita menganggarkan Bajet 2020 berada dalam kiraan, jangkaan kita pada tahun 2020 sepatutnya 3.2 peratus defisit fiskal dan ketika kita mengumumkan Bajet 2020 pada tahun 2019 iaitu defisit fiskal kita 3.4 peratus.

Akan tetapi berbalik kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, krisis ini bukanlah merupakan krisis yang disebabkan oleh faktor dalaman atau *fundamental economy* dalam negara. Apa yang telah kita wujudkan, apa yang telah kita lihat prestasi-prestasi peningkatan daripada elemen-elemen, ia bukan sebenarnya menunjukkan penurunan daripada A - kepada BBB+ yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi bukan disebabkan faktor ekonomi dalaman.

Ini kerana banyak penunjuk. Sebagai contoh kedudukan Malaysia di antara negara yang paling kompetitif di rantau ini menduduki tempat kedua belas dalam Laporan *Doing Business*. Akan tetapi berbalik kepada persoalan Yang Berhormat sama ada kita akan melaksanakan GST atau tidak, Yang Berhormat untuk makluman Yang Berhormat kita di Kementerian Kewangan sedang mengkaji pelbagai elemen kerana di saat ini, di kala ini kita memberi tumpuan kepada tiga perkara iaitu menjaga kesihatan rakyat, menjaga kelangsungan ekonomi dan kita hendak memastikan ketahanan

ekonomi dan bukanlah memperkenalkan semula GST itu merupakan kita punya opsi yang terkini.

Kita akan mengkaji kesemua. Itu sebabnya Yang Berhormat dapat lihat dalam belanjawan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita banyak memberi tumpuan kepada langkah-langkah lain seperti mana kita mempertingkatkan penguatkuasaan MATF atau *multi-agency task force* bagi kita mengurangkan ketirisan hasil negara. Ini kerana ini juga dapat menyumbang kepada hasil negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, akhirnya kita juga sedang melaksanakan *way forward* langkah pembaharuan struktur seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi memang kita sedang merangka bagaimana kita ingin memperluaskan hasil negara dan kita juga akan melaksanakan lebih tingginya *governance*. Ini kerana bagi kita yang penting adalah *governance*.

Itu sebabnya Yang Berhormat Menteri Kewangan amat komited untuk kita menggubal satu akta yang dinamakan Akta Tanggungjawab Fiskal untuk menambah baik pengurusan dan pelaburan fiskal. Terima kasih Yang Berhormat.

5. Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan kesinambungan tulisan jawi yang ditiadakan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia sedangkan kursus-kursus berkaitan jawi disediakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi.

Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kemahiran membaca dan menulis jawi di sekolah menengah masih diberikan penekanan melalui pengajaran dan pembelajaran (PDP) Pendidikan Islam.

Penggunaan tulisan jawi dalam buku teks mata pelajaran Pendidikan Islam dari tingkatan satu hingga tingkatan lima juga bertujuan mengukuhkan kemahiran murid dalam penguasaan jawi. Sehingga kini, kemahiran membaca dan menulis jawi masih lagi diuji dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Selain mata pelajaran Pendidikan Islam, mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah menggunakan jawi sepenuhnya termasuk dalam soalan peperiksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, elemen pengukuhan jawi di kalangan murid dilaksanakan melalui aktiviti pengayaan seperti membina Modul Pemulihan Jawi dengan lebih mudah dan menarik untuk murid yang kurang menguasai jawi. Ada sekolah yang melaksanakan Kem Pemulihan Jawi bagi murid sekolah menengah.

Selain itu, terdapat juga sekolah yang menganjurkan aktiviti kokurikulum bagi menanam minat murid dalam jawi. Kementerian Pendidikan Malaysia yakin bahawa pendekatan yang digunakan setakat ini mampu mengekalkan kesinambungan tulisan jawi pada peringkat sekolah menengah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum bahawa kerajaan telah memperkenalkan tulisan jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah pada tahun 2019 dan perkara ini mendapat tentangan pelbagai pihak.

Pada saya, pembelajaran tulisan jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tidak menjejaskan identiti etnik seseorang murid yang mempelajarinya. Kami mendapat maklumat, hanya 2.9 peratus daripada keseluruhan sekolah jenis kebangsaan (SJK) bersetuju untuk melaksanakan penggunaan tulisan jawi untuk murid tahun empat pada tahun 2020. Bagi SJK Cina 2.77 peratus daripada 1,299 buah sekolah bersetuju dengan pelaksanaan tersebut manakala bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil hanya 0.2 peratus daripada 525 buah sekolah bersetuju dengan pelaksanaan tersebut.

Sehubungan itu, saya ingin mengetahui Tuan Yang di-Pertua, apakah KPM akan meneruskan pembelajaran tulisan jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Adakah jumlah muka surat pembelajaran tulisan jawi dalam buku teks Bahasa Melayu kekal pada tiga muka surat bagi tahun 2021. Sekian.

Tuan Muslimin bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai. Masih dalam tulisan jawi tetapi ada sedikit tersasar daripada soalan asal. Walau bagaimanapun saya hendak berkongsi bahawa kami di Kementerian Pendidikan Malaysia, kami mengikut keputusan Jemaah Menteri bertarikh pada 14 Ogos 2019 yang memutuskan supaya pengenalan tulisan jawi itu tetap diteruskan di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan.

■1030

Ini keputusan yang telah dibuat oleh Jemaah Menteri dan kami di KPM. Pada dasarnya, kita mengikut sahaja apa arahan yang telah dikemukakan oleh Jemaah Menteri.

Jadi, untuk makluman sahabat saya Yang Berhormat Jerai, sebenarnya tulisan jawi sebagaimana yang dimomokkan – kita bukannya mengajar pelajar-pelajar kita menulis, bukan mengajar pelajar-pelajar kita membaca berkaitan dengan tulisan jawi. Kita hanya dalam proses pengecaman. Kita tidak ajar mereka tentang alif, ba, ta, 30 huruf termasuk mencantumkan antara vokal dan konsonan dalam tulisan jawi tetapi kita hanya memberi pengecaman. Contohnya, saya hendak bagi contoh dalam duit kita ada tulisan jawi di belakang. Jadi proses pengecaman kalau kita lihat tuan-tuan dan puan-puan, dalam tulisan jawi yang kita kenalkan pada tahap ‘dua tahun empat’ bermula

tahun 2020 adalah hanya pengecaman. Contohnya, dalam duit kita ini ada ditulis Bank Negara Malaysia dan Ringgit Malaysia dalam tulisan jawi. Jadi, ia adalah proses pengecaman yang perlu mereka pelajari.

Jadi, sahabat saya Yang Berhormat Jerai dan rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain, kami di KPM menghormati keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri bertarikh pada 14 Ogos 2019 dan pada kami tulisan jawi adalah sebahagian daripada seni bahasa dan kita mahukan rakyat kita memperkayakan lagi warisan dan kita mengharapkan pengetahuan mengenai seni warisan dan sejarah bahasa Melayu ini akan terus kita berikan kepada pelajar-pelajar kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

6. Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan status terkini penyediaan vaksin COVID-19 bagi Malaysia, dan bilakah ia dijangka akan mula diberi kepada rakyat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar] : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali soalan yang telah menyentuh isu sama pada hari ini daripada Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kuala Kedah serta soalan daripada Yang Berhormat Hang Tuah Jaya dan Yang Berhormat Hulu Selangor pada 15 Disember.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah diumumkan sebelum ini, Malaysia meletakkan sasaran 70 peratus daripada keseluruhan populasi negara bagi pembentukan Imuniti Kelompok (Herd Immunity) di bawah Pelan Vaksinasi Kebangsaan bagi penyakit COVID-19. Sehingga kini, Malaysia telah menandatangani dua perjanjian yang memberi jaminan bekalan vaksin sebanyak 30 peratus daripada jumlah populasi negara. Perjanjian pertama adalah bersama *COVAX facility* melalui *Optional Purchase Agreement* yang ditandatangani pada 23 November yang lalu yang menjamin bekalan vaksin sebanyak 10 peratus populasi negara. Manakala, perjanjian kedua pula adalah perjanjian pembelian awal dengan syarikat *Pharmaceutical Pfizer* yang di meterai pada 24 November bagi mendapatkan bekalan vaksin sebanyak 20 peratus daripada populasi negara. Bagi mencapai baki sasaran sebanyak 40 peratus lagi, kerajaan masih dalam proses perbincangan dan rundingan bersama syarikat-syarikat *pharmaceutical* pembangun vaksin COVID-19 yang lain.

Bagi tujuan vaksinasi kepada rakyat pula, kerajaan menyasarkan tempoh suku tahun pertama 2021 bagi memperoleh wajaran pertama bekalan vaksin COVID-19. Suka ditegaskan kerajaan tidak akan berkompromi dalam soal keselamatan dan

keberkesanan sesuatu vaksin. Keputusan akhir bagi penggunaan sesuatu vaksin di Malaysia hanya akan dibuat selepas melalui proses pendaftaran dan kelulusan daripada bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di bawah Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan soalan tambahan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Pada 4 Disember yang lalu, *news Wire - Reuters* telah menyatakan ada masalah rantai bekalan bagi syarikat *Pharmaceutical Pfizer* untuk menyediakan jumlah yang diperlukan, *target* mereka bagi tahun 2020 vaksinnya. Kita lihat di sini dalam perkiraan kerajaan, syarikat Pfizer akan menyediakan 20 peratus daripada keperluan. Apakah perancangan kerajaan sekiranya masalah rantai bekalan Pfizer ini berlanjutan masuk ke tahun 2021, kesannya dan apakah persediaan pihak kerajaan memandangkan perbezaan vaksin ini bukan sahaja sukar untuk rakyat Malaysia faham tetapi dari segi *condition* dengan izin seperti *transport* dan sebagainya. Apakah perancangan pihak kerajaan dan apakah jangkaan kos tambahan selain daripada RM3 bilion yang pernah disebutkan sebelum ini. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya pun sedia maklum tentang berita berkenaan dengan masalah bekalan rantai syarikat *Pharmaceutical Pfizer*. Namun yang demikian, dalam laporan media yang sama menyatakan bahawa masalah tersebut hanya berkesan kepada bekalan untuk tahun 2020. Setahu saya, apa yang dimaklumkan kepada kita oleh syarikat Pfizer ini tidak memberi kesan kepada bekalan mereka untuk tahun hadapan iaitu bekalan untuk kerajaan Malaysia. Namun demikian, sekiranya berlaku apa-apa gangguan kepada rantai bekalan ataupun *supply chain*, itulah sebabnya negara Malaysia seperti mana negara-negara yang lain kita mengambil pendekatan untuk memperoleh portfolio vaksin. Bukan daripada satu syarikat tetapi daripada pelbagai syarikat untuk memastikan bahawa kita dapat bekalan yang cukup. Kalau kita hanya dapat daripada satu syarikat, mungkin itu akan membuka kita kepada risiko untuk kurang menerima vaksin yang cukup.

Berkenaan dengan kos-kos sampingan iaitu kos penyediaan logistik dan sebagainya. Ada perjanjian seperti mana dengan Pfizer di mana kos yang kita bayar bagi satu dos vaksin itu meliputi kos *transport* ataupun kos pengangkutan yang akan dibayar ataupun ditanggung oleh Pfizer sendiri. Itu bergantung pada perjanjian dengan syarikat-syarikat yang berbeza-beza. Kos akhir kita sedang meneliti kerana sudah pasti bukan hanya kos *transport* tetapi kos simpanan ataupun *storage* yang akan kita halusi dan kita akan maklumkan apabila kita dapat kepastian. Terima kasih.

7. Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk Skim Pinjaman Rumah Panjang dari Kerajaan Persekutuan untuk Sarawak bagi tahun 2020; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan dana tersebut memandangkan pertambahan permintaan dari masyarakat rumah panjang Sarawak untuk skim pinjaman tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:

Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Betong. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2020 Kementerian Kewangan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM10 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi tujuan membantu membiayai program Skim Pinjaman Rumah Panjang Sarawak. Sehingga kini, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM152.5 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak di bawah program ini dan sebanyak 8,915 pintu rumah panjang telah berjaya dibina dan dibaik pulih.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebarang keperluan pada masa hadapan untuk meningkatkan peruntukan yang disediakan kepada program Skim Pinjaman Rumah Panjang Sarawak adalah bergantung pada kemampuan dan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Namun demikian Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan menyambut baik sekiranya Kerajaan Negeri Sarawak turut sama membantu menyumbang dana bagi program skim pinjaman ini memandangkan ia merupakan salah satu projek Infrastruktur dan Pembangunan Sosio Ekonomi yang memberi manfaat secara langsung kepada penduduk negeri Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terim kasih. Soalan tambahan.

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berapakah bilangan rumah panjang yang telah dibina atau dibaik pulih di kawasan Parlimen Betong bagi tahun 2020 dengan menggunakan Skim Pinjaman Rumah Panjang dan memandangkan penduduk luar bandar di Sarawak yang tinggal di rumah panjang mengalami kesukaran untuk mendapat pinjaman dari institusi kewangan. Adakah kerajaan berhasrat untuk menyediakan peruntukan ini sebagai program tahunan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Betong. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Betong,

saya telah sampai ke Betong kira-kira empat bulan yang lepas. Saya sudah melihat kawasan Betong, lima jam dari bandar Kuching. Saya yakin apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Betong amat tepat dan amat menjadi satu keperluan yang asas. Itu sebabnya pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC) telah meluluskan pinjaman berjumlah RM10.1 juta dengan sasaran pembinaan baharu dan pembaikan semula kepada 340 pintu rumah panjang di seluruh negeri Sarawak.

Jadi, daripada jumlah tersebut Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM414 ribu pinjaman telah diluluskan bagi tujuan pembinaan dan pembaikan yang melibatkan sebanyak 15 pintu rumah panjang di Sungai Pelandok Paku Sepauh di Parlimen Betong. Untuk makluman Yang Berhormat, geran yang kerajaan beri bermula tahun 2006 merupakan satu geran, bukanlah satu pinjaman.

■1040

Itu sebabnya Yang Berhormat, kita mengambil kira keadaan dan kedudukan kewangan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2021, kerajaan telah mengumumkan dalam Belanjawan tempoh hari sebanyak RM10 juta diperuntukkan bagi negeri Sarawak dan RM10 juta bagi negeri Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, pinjaman yang kita kenakan atau— Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan berbentuk geran dan kerajaan negerilah yang memberi pinjaman kepada mereka yang mempunyai gaji di antara RM650 ke RM3,000. Untuk makluman Yang Berhormat, pinjaman yang dikenakan itu kadar faedahnya lebih kurang tiga peratus atau lebih kurang RM65 ke RM70 sahaja bulanan yang mereka perlu bayar. *Insyallah* Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat, Kementerian Kewangan akan pertimbangkan untuk tahun-tahun berikutnya. Terima kasih Yang Berhormat.

8. Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan status terkini penyerahan Sabah Elektrik Sdn. Bhd. (SESB) dari Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Sabah dan sama ada Laporan Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) untuk Semenanjung Malaysia dan Sabah akan diterbitkan kepada orang awam.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Tuan Ali anak Biju]: Selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bakri.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan komited untuk meneruskan penyerahan kuasa pembekalan elektrik dan Sabah Electricity (SESB) kepada Kerajaan Negeri Sabah dan akan memulakan rundingan setelah mendapat hala tuju terkini mengenai penyerahan ini daripada pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah yang

baharu. Bagi tujuan rundingan, jawatankuasa pemandu dan jawatankuasa teknikal akan ditubuhkan.

Proses penyerahan ini dijangka akan mengambil masa yang panjang kerana ia melibatkan aspek-aspek perundangan, kewangan dan teknikal kepada Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Sabah. Dari aspek perundangan, beberapa tindakan perlu dilaksanakan sebelum pemberian kuasa perundangan berkenaan pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah dilaksanakan melalui pewartaan perintah di bawah Perkara '94C' Perlembagaan Persekutuan.

Antaranya, pindaan kepada Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 dan Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 oleh Kerajaan Persekutuan, penggubalan undang-undang negeri berhubung bekalan elektrik Sabah, penentuan pemakaian akta-akta persekutuan berkaitan bekalan elektrik Sabah.

Dari aspek kewangan, beberapa perkara perlu diberikan perhatian terutamanya mengenai kemapanan SESB dalam menyediakan bekalan elektrik yang berdaya harap kepada rakyat Sabah. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri Sabah perlu mengambil alih tanggungjawab memastikan kemapanan SESB setelah penyerahan dilaksanakan.

Sebagai contoh, pada masa ini, Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan subsidi tahunan kepada SESB sekitar RM700 juta setahun. Tanggungjawab ini perlu diambil alih oleh Kerajaan Negeri Sabah apabila kuasa pembekalan elektrik diserahkan kelak.

Daripada aspek teknikal pula, Kerajaan Negeri Sabah perlu bersedia dengan penubuhan badan kawal selia baharu untuk mengambil alih fungsi-fungsi pengawalseliaan industri bekalan elektrik di Sabah daripada Suruhanjaya Tenaga dan fungsi-fungsi Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) sebelum perintah di bawah Perkara 95C Perlembagaan Persekutuan diwartakan.

Oleh itu, penyerahan kuasa pembekalan elektrik Sabah dan SESB hanya akan dilaksanakan setelah semua ini iaitu setelah isu dasar, ekonomi, teknikal dan operasi serta jangka kerja perundangan dimuktamadkan. Kerajaan Persekutuan menjangkakan proses penyerahan akan mengambil masa sekurang-kurangnya lima tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk soalan yang kedua, kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga meneruskan amalan untuk menerbitkan Pelan Pembangunan Penjanaan yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik Tarif (JPPPET) Semenanjung dan Sabah kepada orang awam selepas ia diluluskan oleh Jemaah Menteri. Sekian, terima kasih.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sekarang sudah bulan Disember ya. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli perlu membuat beberapa keputusan yang di antaranya, yang pertama adalah di mana

sama ada kerajaan telah membuat keputusan untuk tarif asas yang berasaskan *incentive pays regulation for regulatory period* nombor tiga. Kedua adalah *Net Energy Metering* yang akan tamat Disember juga. So, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah keputusan akan diambil dan pengumuman perlu dibuat secepat mungkin?

Tuan Ali anak Biju: Terima kasih Yang Berhormat Bakri atas soalan tambahan. Kementerian menjangkakan bahawa Pelan Pembangunan Penjanaaan Semenanjung bagi tahun 2020 ini akan dapat dipamerkan di dalam laman sesawang Suruhanjaya Tenaga pada bulan Januari atau Februari 2021. Sekian, terima kasih.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah salah faham soalan saya. Soalan saya adalah berkenaan dengan *regulatory period* nombor tiga iaitu di dalam perancangan kita, Januari kita akan *start regulatory period* nombor tiga. Bilakah pengumuman akan dibuat? Sebab pemain-pemain industri sedang menunggu. Dan juga dengan *Net Energy Metering* juga. Ini semua berkaitan dengan perancangan *electricity* yang seperti JPPPET itu.

Tuan Ali anak Biju: Soalan asal tadi adalah berkenaan dengan penyerahan kuasa kepada Sabah. Jadi untuk soalan tambahan, saya akan menjawab dalam bentuk bertulis.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sangat penting untuk industri elektrik dan juga pemain-pemain industri. Mereka perlu tahu apakah tarif asas elektrik mereka sebab Disember mereka buat perancangan untuk *business* mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Pihak kementerian...

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Dan juga *Net Energy Metering* juga. Kalau boleh kita adakan satu tarikh sasaran di mana pengumuman akan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, diminta menjawab secara bertulis secepat mungkin ya. Terima kasih.

9. Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah usaha kementerian merebut peluang masa krisis seperti sekarang untuk memanfaatkan teknologi dari segi kreatif dan inovatif.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, pandemik yang melanda dunia telah memaksa kita semua untuk memanfaatkan teknologi dalam kehidupan seharian. Menyedari kepentingan tersebut, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam aspek menggalakkan inovasi serta pembangunan teknologi melibatkan pemegang taruh seperti penyelidik syarikat *entrepreneur*, syarikat pemula dan usahawan.

Pada bulan Ogos yang lepas, inisiatif *National Technology and Innovation Sandbox* telah dilancarkan dengan dana sebanyak RM100 juta sebagai perancangan dasar berorientasikan solusi bagi mempercepatkan penciptaan, penerimaan dan pengkomersialan teknologi tinggi dan inovasi tempatan. Manakala pada September pula, MOSTI telah memperkenalkan *Social Impact Matching Grant* berjumlah RM10 juta bagi menyokong perusahaan dan inovasi sosial dalam membawa penyelesaian kepada masyarakat serta seterusnya disusuli program *MYHackathon* yang memberi fokus menambah baik sistem penyampaian kerajaan berasaskan digital.

Inisiatif-inisiatif ini adalah platform untuk mengetengahkan hasil inovasi dengan memberi ruang kepada rakyat, belia, syarikat pemula (*start-up*), penyelidik (*researchers*) dan syarikat untuk bersama-sama mencipta penyelesaian inovatif antaranya dalam bidang kesihatan, pertanian, pembuatan dan perkhidmatan kerajaan.

Hasilnya, terdapat beberapa penyelesaian berasaskan teknologi yang telah dibiayai untuk pembangunan atau telah diaplikasikan seperti *IOT emergency mechanical ventilator, semi-ventilator, IOT platform with thermal vision for assisted living*, kubikel saringan COVID-19, *farm assisted robot for multioperation* dan robot penghantaran MCK 19 yang digunakan di hospital-hospital.

Selain itu, kerajaan juga telah menubuhkan Pasukan Petugas Ekonomi Digital yang dipengerusikan secara bersama antara Menteri Komunikasi dan Multimedia dan Menteri MOSTI. Menerusi DETF ini, sebanyak 15 *workstream* diwujudkan yang merentasi pelbagai kementerian dan agensi bagi tujuan menyelaraskan pelaksanaan pelbagai inisiatif ekonomi digital terutamanya inisiatif bagi memacu pemulihan ekonomi yang telah terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 berpandukan teras utama Pelan Jana Ekonomi Negara (PENJANA).

Terima kasih.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Kita sedia maklum bahawa apabila bercakap tentang sains dan teknologi, izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan STEM iaitu sains dan teknologi, kejuruteraan dan matematik. Saya difahamkan bahawa bidang ini bukanlah di bawah bidang MOSTI. Namun, MOSTI juga sebagai salah satu pihak yang berkepentingan dalam pembangunan STEM, terutama sekali pada zaman COVID-19 ini.

■1050

Soalan saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan bagaimana MOSTI dapat memainkan peranan dalam memastikan pembangunan komponen ini demi melahirkan generasi muda yang mempunyai kemahiran tinggi serta dalam menyelesaikan masalah kompleks ini?

Apakah usaha kerajaan dalam melonjakkan negara mendepani cabaran Industri 4.0 ini serta melahirkan modal insan yang mahir di dalam bidang teknologi ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Libaran atas soalan yang sangat-sangat penting ini yang mana penyediaan bakat dalam bidang STEM ini dikongsi bukan hanya oleh MOSTI tetapi dengan kementerian-kementerian lain termasuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain juga.

Namun demikian, di bawah MOSTI kita ada pembudayaan STI ataupun pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi dan program utama kita dalam hal ini adalah Minggu Sains Negara yang kita buat secara besar-besaran. Tahun ini kita terpaksa buat secara maya. Namun demikian, dijalankan juga di mana di bawah program ini kita ada Program Reka Bentuk Pembangunan Model-model Sains, *Virtual Science Challenge*, *National Space Challenge* dan jumlah penyertaan pada tahun ini adalah sebanyak 1 juta. Jumlah penglibatan yang direkodkan adalah melalui 'view' *engagement* adalah sebanyak 2.7 juta yang terdiri daripada pelajar sekolah, pelajar pusat pengajian tinggi, pendidik, saintis dan sebagainya.

Selain daripada itu, dalam belanjawan 2021 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan telah diumumkan dua program baharu iaitu yang pertamanya '*Malaysian Techlympics*'. Ini adalah pertandingan berskala nasional yang akan dijalankan di mana belia, remaja, pelajar-pelajar dan penyelidik akan turut menyertai pertandingan berasaskan teknologi dan aplikasi seperti IoT Robotic, Drone and Artificial Intelligent (AI).

Juga pengumuman iaitu Ruang Reka iaitu *Science Space* yang akan kita tubuhkan di kawasan-kawasan luar bandar, kawasan-kawasan pinggir bandar untuk meningkatkan lagi minat orang muda terutamanya kepada STEM. Terima kasih.

10. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebab-sebab KPKT melantik Ahli Majlis Tempatan dan Ketua Kampung Baru Cina, apabila kedua-dua pelantikan secara undang-undang dibuat oleh pihak berkuasa negeri.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah* terima kasih Yang Berhormat Selayang.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Selayang, KPKT tidak ada membuat lantikan Ahli Majlis Tempatan, jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat Selayang, KPKT melantik Pegawai Kemajuan Perkampungan (PKP) dan Pegawai Kemajuan

Perkampungan ini adalah menjalankan tugas penyelarasan untuk kesemua sebanyak 613 Kampung Baru Cina di seluruh negara.

So, program-program yang diselaraskan oleh PKP termasuk adalah program-program dan permohonan-permohonan yang dibuat oleh Ketua Kampung Baru Cina seluruh negara mengikut zon masing-masing – mereka mempunyai zon masing-masing dan adalah untuk menyelaraskan permohonan seperti:

- (i) Permohonan Pembangunan Fizikal,
- (ii) Permohonan Baik Pulih Rumah,
- (iii) Program Geran Bantuan Khas untuk penduduk-penduduk khususnya di Kampung-kampung Baru Cina ini.

PKP ini menyelaraskan dari segi permohonan peruntukan dan sebagainya untuk mendapat kelulusan di peringkat KPKT. So, jadi kerana peruntukan ini adalah daripada KPKT. Jadi kebanyakan daripada program-program yang telah dilaksanakan adalah program infrastruktur termasuk jalan, parti, longkang, tiang lampu, laluan pejalan kaki, tembok dan dataran. Kemudahan sosial ekonomi ini dari segi pembangunan fizikal.

Dari segi Program Bantuan Baik Pulih Rumah adalah untuk membaik pulih rumah seperti bumbung, atap, siling, tingkap, pintu, paip air, *electrical*, tandas, bilik mandi, tangga, dapur, ini dari kategori Baik Pulih Rumah.

Satu lagi adalah untuk pengurusan geran khas melalui Bank Simpanan Nasional untuk pinjaman peribadi. Jadi, ini adalah lantikan PKP yang dibuat oleh KPKT boleh disamakan macam kalau kampung tradisi ada Ketua Kampung Tradisi dan ada penghulu. Jadi, PKP ini adakah seperti penghulu untuk Kampung-kampung Baru Cina. Terima kasih.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Soalan tambahan saya ialah mengapa peruntukan ini tidak boleh disalurkan kepada Ketua Kampung yang telah dilantik oleh pihak berkuasa negeri? Juga, tentang apa yang dipanggil Ahli Majlis Persekutuan, mengapa juga ini telah dilantik di mana kita juga ada ahli majlis yang telah dilantik oleh pihak berkuasa negeri. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Ini lagi saya hendak menekankan KPKT tidak melantik Ahli Majlis Tempatan, tidak ada *such post* Yang Berhormat Selayang. Jadi peruntukan tadi memang setiap Ketua Kampung diberikan peruntukan sebanyak RM100,000 untuk membuat permohonan untuk permohonan fizikal dan juga pembaikan rumah.

Akan tetapi salurannya memang permohonan datang daripada Ketua Kampung. Cuma, penyelarassannya dibuat oleh Pegawai Kemajuan Perkampungan (PKP) itu sahaja, so jadi itulah penjelasan saya. Terima kasih.

11. **Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan :-

- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh kementerian untuk menggiatkan lagi pemasaran produk-produk usahawan desa; dan
- (b) bagaimanakah kementerian akan memastikan usaha yang dilaksanakan akan menerima sambutan daripada pembeli dan pengguna seiring dengan keadaan ekonomi pada masa kini.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Hj Abdul Rahman bin Mohamad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit.

Kementerian sentiasa berusaha membantu usahawan untuk meningkatkan pemasaran melalui beberapa program menggunakan pelbagai medium.

Pertamanya, adalah secara dalam talian ataupun *online* yang mana kementerian telah melaksanakan inisiatif perkongsian strategi melalui platform Desamall@KPLB. Program ini membantu usahawan luar bandar memasarkan produk mereka secara *online* melalui platform e-dagang seperti Lazada, Shopee, eBay, Play Store Mall dan GrabMart.

Sehingga 30 September 2020, seramai 1,748 orang usahawan luar bandar telah dilatih dan sebanyak 21,698 Stock Keeping Unit (SKU) telah dimuat naikkan ke dalam platform disertai oleh Desamall@KPLB.

Seterusnya kementerian juga telah menganjurkan juga Karnival Usahawan Desa secara dalam talian pada bulan November dan Disember 2020 eKUD@KPLB. Ini bertujuan mewujudkan kesedaran pembeli berkenaan produk usahawan luar bandar yang boleh dibeli secara *online*.

Pada masa yang sama usahawan melalui premis perniagaan fizikal yang juga tetap diteruskan. Satu *outlet* perniagaan khusus untuk produk usahawan luar bandar iaitu Rural Business Outlet (RBO), KPLB mula beroperasi di Anggerik Mall, Shah Alam pada 2 November 2020. Lebih 500 jenis produk dari kluster makanan, kesejahteraan, fesyen, kraf boleh didapati oleh orang ramai di bawah satu bumbung.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian membantu pemasaran usahawan dengan membuka akses pasaran dan mewujudkan kesedaran pembeli secara berterusan. Namun demikian, adalah menjadi tanggungjawab usahawan sendiri supaya peningkatan kesedaran ini diambil peluang sepenuhnya untuk meningkatkan jualan dan mendapatkan pelanggan setia melalui produk yang berkualiti tinggi serta memenuhi kehendak pembeli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Memang kita akui bahawa usahawan-usahawan kita di luar bandar telah pun mempunyai produk-produk tertentu dan pada masa yang sama dalam bentuk pasaran mereka memang KPLB telah pun memberikan bentuk-bentuk kemudahan, begitu juga dengan jabatan ataupun agensi-agensi yang lain dan termasuklah juga khususnya *online* apatah lagi di dalam COVID-19 ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri antara kaedah untuk memastikan produk usahawan desa ataupun kampung mempunyai kualiti dan konsisten adalah dengan menggunakan mesin bagi pengeluaran produk mereka.

Jadi, bagaimanakah KPLB membantu para usahawan untuk beralih kepada penggunaan mesin agar kualiti, masa dan juga pendapatan mereka akan terus meningkat dan juga bertambah. Terima kasih.

Dato' Sri Hj Abdul Rahman bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit.

■1100

Sememangnya soalan ini amat menarik sekali kerana di Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) ini sendiri sebenarnya telah kita laksanakan program melalui mesin ini. Antaranya, Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) berbentuk geran perbadanan. Di mana kita ahli-ahli perniagaan ini menyediakan 30 peratus daripada modalnya dan 70 peratus KPLB akan bantu iaitu melalui aspek pembelian mesin, pembaikan premis dan latihan.

Ini sebenarnya yang kita lakukan dan telah ramai yang dapat menikmatinya. Umpamanya pada tahun 2019, seramai 26 orang usahawan menerima bantuan geran sebanyak RM2.02 juta. Geran ini kita bantu lagi melalui lebih ramai kerana disebabkan oleh COVID-19 ini, usahawan ini kita bantu yang nilainya sedikit rendah iaitu sebanyak RM10,000. Akan tetapi kita dapat membantu lebih ramai yang berjumlah sekarang ini seramai 79 orang dan sebanyak RM822,218 yang telah kita bantu.

Melalui ini, kita dapat juga memberi pinjaman melalui Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) bagi tujuan pembelian mesin. Antara kaedah-kaedah ini, kita mempunyai kualiti yang konsisten dan menggunakan mesin untuk memastikan KPLB itu sendiri dapat membantu usahawan-usahawan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Parit sebentar tadi. Terima kasih Yang Berhormat Parit.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan Anggaran Pembangunan 2021 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kelima]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Padang Serai minta panjangkan masa sedikit sebab kita lama sangat tidak dapat bahas.

Tuan Pengerusi: Kita telah tetapkan masa dan saya akan beri seperti biasalah. Akan tetapi Yang Berhormat Padang Serai, itu keputusan *Chief Whip* sebenarnya, bukan keputusan saya. Maaf ya.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tiap-tiap hari kita datang, tak berpeluang bagi bahas. Hanya lima minit, itu pun tidak dapat. Di kawasan rakyat banyak marah, bukan tidak nampak.

Tuan Pengerusi: Saya cuba. Ya, itu terserah kepada *Chief Whip*.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sebagai pembahas pertama, saya ingin menjemput Yang Berhormat Kota Raja. Oh, maaf-maaf...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Butiran 020000...

Tuan Pengerusi: Maaf Yang Berhormat, saya belum sebut Kepala berapa.

Kepala B.27 [Jadual] –

Kepala P.27 [Anggaran Pembangunan 2021] –

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk di bahas sekarang. Saya menjemput Yang Berhormat Kota Raja. Maaf.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Ingat sudah jemput tadi. **[Ketawa]**

Tuan Pengerusi: **[Ketawa]**

11.03 pg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Butiran 024000 – Pembangunan Infrastruktur Jalan dan Pembangunan Industri Pembinaan. Soalan saya dijawab secara bertulis, soal keadaan jalan-jalan raya menuju ke Pelabuhan Klang, di mana didapati 30 peratus kenderaan yang melalui jalan raya itu membawa muatan yang lebih.

Saya ingin mencadangkan bahawa memang telah dilakukan tetapi dititikberatkan jenis *asphalt*, jenis tar atau batu yang digunakan, sekurang-kurangnya 20 kilometer radius keliling Pelabuhan Klang dan menuju ke Pelabuhan Klang. Ini kerana kenderaan-kenderaan berat ini memang bila dia tergelincir sedikit sahaja daripada bahu jalan dia akan merosakkan kenderaan dan akan merosakkan jalan itu sendiri.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Bila berlaku kesesakan selalunya pemandu menggunakan *Waze* ataupun *Google*, mereka mencari jalan pintas untuk menuju ke destinasi mereka. Oleh itu, mereka menggunakan jalan-jalan taman, jalan-jalan perumahan yang tidak sesuai langsung dengan kenderaan berat melintasi di kawasan tersebut.

Oleh itu pihak kementerian hendaklah membuat kajian menyeluruh. Bukan saya hendak minta ia disiapkan minggu hadapan atau tahun hadapan, akan tetapi kajian jangka panjang terutama di bawah RMKe-12 supaya peruntukan diberi secukupnya untuk membuat kajian. Supaya tidaklah berlaku pembaikan jalan itu terlalu kerap dilakukan dan menyebabkan berlaku kesesakan yang dahsyat nak menuju kepada Pelabuhan Klang. Sama ada ianya daripada arah Klang, arah Kota Raja atau arah yang menuju ke Pelabuhan Klang daripada Banting.

Ketiga-tiga saluran itu mempunyai kenderaan yang begitu banyak dan yang besar dan ia berbahaya kepada orang ramai di kawasan itu. Oleh itu, jalan yang standard yang digunakan perlu dibuat, sekurang-kurangnya saya sebut ataupun mengikut kajian pihak jurutera-jurutera di sana.

Saya sebut, sekurang-kurangnya 20 kilometer di sekitar Pelabuhan Klang itu mempunyai jalan yang baik dan konkrit untuk perjalanan yang lebih licin. Ini kerana Pelabuhan Klang saya sebut tadi kerana sekarang ini pembangunan dunia sedang menuju kepada *East* atau Timur, maka Pelabuhan Klang akan menjadi pelabuhan utama pada masa yang akan datang dan sedang menyaingi Singapura itu sendiri.

Oleh itu, kos-kos yang ditanggung sekarang dalam hal kerosakan jalan itu kalau digunakan kos itu pun untuk hal penyelidikan kita dapat kurangkan kerosakan pada

masa yang akan datang. Penguatkuasaan juga perlu ditekankan sekarang, supaya mereka yang menggunakan *Waze*, yang menggunakan *Google Maps* ini mencari jalan pintas untuk sampai ke destinasi. Mereka masuk jalan-jalan kampung yang langsung tidak sesuai dengan kenderaan seperti kontena dan sebagainya. Mengganggu taman-taman dan berbahaya kepada lalu lintas di kawasan tersebut.

Oleh itu dapat menjadi perhatian sebab Pelabuhan Klang adalah nadi kepada pembangunan ataupun ekonomi negara sekarang dan juga pada masa yang akan datang. Itulah pandangan saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tanjong Manis, lima minit. Tak ada Yang Berhormat Tanjong Manis? Saya jemput Yang Berhormat Jerantut.

11.07 pg.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Kerja Raya.

Saya pergi terus kepada Butiran 020000 – Pembangunan Infrastruktur Jalan dan Pembangunan Industri Pembinaan. Saya hendak fokus kepada Butiran 020200 – Cawangan Jalan. Saya ingin bertanya kepada KKR, apakah ada pecahan daripada peruntukan untuk menyelenggarakan jalan ini yang diberi kepada syarikat konsesi untuk diberi terus kepada syarikat kontraktor kelas G1. Ini kerana kita dapati ada amalan daripada syarikat-syarikat konsesi ini melaksanakan sendiri projek yang sepatutnya diserahkan kepada kelas G1.

Jadi kalau ada pengkhususan, ini baik untuk mengawal agar syarikat-syarikat kontraktor kelas G1 yang ramai di daerah-daerah ini mendapat pembelaan daripada kerajaan. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah kerajaan bersedia daripada peruntukannya kalau tidak semua, sebahagian daripadanya diagihkan terus kepada JKR daerah.

Ini lebih baik dan menguntungkan kepada kerajaan dan juga kepada pihak kontraktor pelaksana. Ini kerana sebagaimana sekarang ini kita tahu apabila satu-satu peruntukan yang diturunkan kepada daerah-daerah, katalah syarikat konsesi A mendapat RM10 juta untuk penyelenggaraan jalan daerah. Mereka akan mengambil keuntungan purata sebanyak 15 peratus ke 25 peratus. Kalau sebanyak 20 peratus diambil, kos hanya tinggal RM8 juta.

Kemudian syarikat pelaksana iaitu kelas G1, ambil lagi 15 peratus hingga 25 peratus, kita ambil purata 20 peratus. Ambil lagi 20 peratus iaitu RM1.6 juta, yang tinggal

kepada projek itu sebenarnya lebih kurang RM6.4 juta sahaja. Jadi rakyat daripada RM10 juta tadi tu banyak sangat ketirisan dalam perjalanan.

■1110

Mengapa tidak kalau kerajaan bagi terus kepada JKR daerah. Kalau tak semua mungkin sebahagian. Ini lebih baik, lebih menjimatkan dan lebih menguntungkan kerajaan.

Perkara yang kedua saya hendak bertanya kepada Kementerian Kerja Raya di bawah Kepala 050000 – Program Khusus iaitu butiran pecahannya ialah 051100 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia (Bukan Pavemen). Saya hendak tanya berapakah had muatan ketahanan jalan raya yang ada di seluruh Malaysia ini? Ini kerana, kita dapati sekarang ini berlubang, tampal hari ini esok lusa pecah balik kemudian tampal. Kita lihat lori-lori pun membawa muatan yang agak berat kerana saiz lorinya yang berbeza. Jadi, kalau kita tentukan had muatannya sekian daya tahan ia, maka lori atau kenderaan yang melebihi muatan itu seharusnya tidak dibenarkan melalui jalan-jalan ini. Ini kerana, jalan yang berlubang ini dilalui oleh kenderaan besar tak apalah, tak ada masalah tetapi bagi kenderaan kecil, bagi rakyat yang pakai Proton, yang pakai Perodua ini, mereka melanggar jalan ini, melambung habis menyebabkan kos membaik pulih kenderaan mereka lebih tinggi.

Jadi, kalau kita tentukan had muatan dan pastikan tidak ada kenderaan yang melebihi muatan yang ditentukan atas ketahanan jalan, itu lebih baik dan lebih menguntungkan. Dalam jangka masa yang sama ia lebih menguntungkan kepada kerajaan kerana kos pembaikpuliannya dapat diijamatkan.

Saya juga ingin bertanya kepada KKR, baru-baru ini kita mendapati Kabinet telah bersetuju untuk membina jalan raya kita ini daripada campuran getah *cup lump* dan aspal ataupun dinamakan *rubberized road* dengan izin. Berapa panjangkah agaknya dari jalan-jalan yang telah diperuntukkan ini untuk menggunakan campuran yang saya nyatakan tadi? Ini kerana, kalau ini dapat kita tingkatkan, sekali gus ia akan meningkatkan kemampuan Kementerian Kerja Raya membina jalan yang lebih tahan dan juga akan meningkatkan penggunaan getah asli yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil di seluruh Malaysia. Dengan secara tidak langsung ia meningkatkan harga getah ini.

Jadi, dengan harapan bila jalan raya kita ini tahan lama, dapat diijamatkan daripada segi kosnya kita lebih boleh menumpukan kepada jalan-jalan yang perlu diperbaiki lagi. Banyak lagi jalan-jalan, misalnya di kawasan Parlimen Jerantut sendiri jalan kalau kita tengok Jalan Jerantut-Temerloh berlubang teruk juga serta jalan-jalan Kuala Krau ke Bandar Tun Razak. Ini menyusahkan kepada rakyat. Jadi, dengan harapan peruntukan yang ada ini dapat diteruskan kepada rakyat daripada kita membazir dalam peringkat pelaksanaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Merbok, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Setiu.

11.13 pg.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk terus kepada Butiran 050800 dan 051000 berkenaan pembaikan dan penyelenggaraan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia dan juga penyelenggaraan di Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang mana di bawah kedua-dua butiran tersebut telah ditiadakan peruntukan iaitu kosong.

Saya ingin merujuk kepada Laporan Audit 2018 Siri 13 yang telah menemukan bahawa pemeriksaan cerun telah tujuh tahun tidak dilakukan akibat kekurangan peruntukan. Kemudian, dalam Laporan Audit juga telah menemukan kerja-kerja pembaikan cerun hanya dijalankan terhadap sebanyak 497 cerun daripada sejumlah 988 cerun yang telah runtuh dan dimohon peruntukan. Manakala bagi kerja pencegahan cerun hanya sebanyak 56 cerun iaitu 5.9 peratus berbanding sejumlah 946 cerun yang disasarkan.

Kemudian laporan semakan audit juga telah mendapati sebuah syarikat 301524-V telah dilantik secara rundingan terus bagi tempoh tiga tahun bermula 1 November 2017 sehingga 31 Oktober 2020. Skop kerja bagi kontraktor utama ini adalah melaksanakan pembaikan dan kos kontraktor ini berjumlah RM900 juta. Namun, kos sebenar adalah berdasarkan keperluan kerja semasa. Persoalan saya adalah pihak audit juga mendapati kontraktor tersebut tidak berkeupayaan untuk melaksanakan kerja pencegahan cerun seperti mana yang telah dirancang dan ia tidak mempunyai kapasiti untuk melaksanakan skop kerja tersebut.

Soalan saya, adakah kementerian akan mengkaji semula prestasi kontraktor tersebut melainkan yang dilantik dari aspek skop kontrak memandangkan kapasiti kontraktor bagi kerja pembaikan dan pencegahan itu akan berakhir tempohnya pada hujung tahun 2020. Seterusnya, saya ingin merujuk Butiran 08250 – Kajian Perlindungan/ Pembaikan Cerun-cerun juga. CKC pada masa ini masih menggunakan data cerun yang dikemas kini pada tahun 2010. Jadi, adakah dengan jumlah di bawah butiran tersebut, ia termasuk di dalam kajian ini – yang dimasukkan di dalam butiran tersebut.

Seterusnya saya merujuk kepada Butiran 31000 – Pembinaan Jalan dan Jambatan sebanyak RM384,610,600 juta. Adakah di bawah butiran ini termasuk dengan pembinaan Jambatan Jeti Sembeling. Seterusnya, Butiran 51000 – Pelbagai Pembinaan dan Butiran 90000 – Lain-lain Pembinaan. Apakah – saya ingin

mendapatkan perincian di bawah butiran-butiran tersebut dan kepada siapakah penerima peruntukan tersebut kerana jumlahnya agak tinggi.

Akhir sekali, Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baharu (Projek Baharu). Saya ingin menambah seperti apa Yang Berhormat Jerantut sebut, adakah di bawah peruntukan ini termasuk dengan jalan-jalan baharu yang menggunakan getah beku iaitu CMA? Apakah akan ada peruntukan membina jalan raya menggunakan getah beku secara berskala besar yang pastinya akan menstabilkan harga getah kerana sekiranya jalan raya ini menggunakan getah beku maka permintaan terhadap getah akan meningkat.

Ini kerana, dalam kajian menunjukkan satu kilometer jalan raya memerlukan lebih kurang 4 tan getah skrap. Jadi, sekiranya tiada di bawah butiran ini, adakah ada di mana-mana butiran dalam peruntukan KKR yang meletakkan getah beku ataupun CMA ini sebagai salah satu bahan turapan jalan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiu.

11.16 pg.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, alhamdulillah [Membaca selawat].* Tuan Pengerusi, merujuk kepada Butiran 030600 – Cawangan Kerja Keselamatan. Terdapat kajian yang mana pembahagi keluli di lebuhraya boleh menyebabkan sesuatu kemalangan menjadi lebih teruk malah boleh menyebabkan kemalangan maut disebabkan pembahagi tersebut tidak dapat menyerap hentakan.

Oleh itu, kesesuaian pembahagi jalan mestilah dikaji semula untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan meminimumkan kecederaan kepada mangsa kemalangan. Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, saya mencadangkan agar kajian yang menyeluruh dijalankan ke atas penggunaan pembahagi jalan beroda (*rolling barrier*) seperti mana yang digunakan di negara dengan peratusan kemalangan yang rendah seperti Sweden dan United Kingdom.

Kedua, Butiran 050500 – Penyelenggaraan dan Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Jalan Persekutuan. Merujuk kepada butiran ini, saya ingin menyentuh berkenaan kualiti infrastruktur jalan raya terutama melibatkan isu lampu jalan. Tidak dinafikan pelbagai langkah penguatkuasaan dilaksanakan oleh PDRM bagi mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya lebih-lebih lagi pada musim perayaan. Namun begitu, masalah berkaitan dengan infrastruktur perlu diberi keutamaan terutamanya lampu jalan yang tidak berfungsi malah terdapat juga jalan raya yang tidak mempunyai tiang lampu. Sebagai contoh di kawasan Parlimen Setiu, jalan dari Telaga

Papan ke Bukit Putera yang sering mengundang kemalangan maut disebabkan jalan yang gelap.

Butiran yang seterusnya ialah 051200 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Merujuk kepada butiran ini, penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia, saya memohon agar peruntukan ini dikaji semula. Hal ini kerana, isu kemalangan disebabkan jalan rosak, jalan pecah dan berlubang bukannya satu isu baharu. Pemantauan berterusan amat diperlukan dan peruntukan bagi jalan daerah juga tidak mencukupi sedangkan terdapat banyak jalan raya yang rosak terutamanya ketika musim banjir.

Fenomena 'air termenung' atau air banjir yang bertakung disebabkan ketinggian jalan raya yang rendah, isu ini perlu diselesaikan segera dengan menaikkan aras jalan raya yang rendah lebih-lebih lagi ketika ini Terengganu dilanda musim tengkujuh.

Butiran 050300 – Pertandingan Kemahiran. Berdasarkan butiran ini peruntukan dalam Belanjawan 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 30 peratus daripada peruntukan tahun 2020. Justeru saya mohon penjelasan kepada pihak kementerian secara lebih jelas mengenai pertandingan kemahiran ini dan apakah keperluan dan manfaat kepada rakyat sehingga ia memerlukan peruntukan hampir RM2 juta.

■1120

Butiran 050800 – Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Tuan Pengerusi, cerun di sepanjang jalan raya yang tidak diselenggara dengan baik merupakan antara faktor penyumbang kepada kemalangan maut di negara ini. Namun, berdasarkan Butiran 050800 - Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia, tiada sebarang peruntukan diberikan untuk tujuan tersebut dalam Belanjawan 2021 berbanding RM140 juta yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2020.

Justeru, saya mohon penjelasan daripada kerajaan tentang sebab apa peruntukan ini dihapuskan dalam Belanjawan 2021 ini? Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuaran, kemudian diikuti dengan Yang Berhormat Pasir Puteh.

11.21 pg.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya telah menghantar usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) Tuan Pengerusi, tetapi ditolak. Jadi, saya mohon supaya diberi masa lebih lima minit untuk menjelaskan semuanya. Boleh Tuan Pengerusi? Oleh sebab saya telah menghantar

sebanyak dua usul tetapi telah ditolak. Jadi, saya perlu jelaskan kenapa usul itu saya hantar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan dahulu lima minit, perlu tambahan masa nanti saya akan...

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas bagi Bajet 2021 di peringkat jawatankuasa bagi Maksud P.27 – Kementerian Kerja Raya, merujuk kepada Butiran 90000 – Lain-lain Pembinaan; Jalan Raya dan Jambatan Semenanjung dengan peruntukan sebanyak RM1,029,145,700 bersama-sama Butiran 05100 – Jalan-jalan Besar di Sabah; Jalan Raya dan Jambatan di Sabah dengan peruntukan RM100. Juga Butiran 08270 – Memulihkan Jalan; ataupun di bawah Jalan raya dan Jambatan di Sabah juga dengan peruntukan RM100 serta Butiran 09260 – Naik Taraf Jalan-jalan (II); di bawah Jalan Raya dan Jambatan di Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM1,500,200.

Tuan Pengerusi, saya telah menghantar notis usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) pada hari Khamis kepada Setiausaha Dewan Rakyat untuk dibangkitkan pada hari ini iaitu cadangan agar Kementerian Kewangan memotong sebanyak RM1 bilion daripada RM3,699,029,800 bagi Maksud P.27 – Kementerian Kerja Raya untuk Jalan Raya dan Jambatan Semenanjung, di bawah Butiran 90000 - Lain-lain Pembinaan, yang telah dicadangkan supaya diberi peruntukan sebanyak RM1,029,145,700.

Pada masa yang sama, saya juga telah menghantar notis usul untuk memperuntukkan semula RM1 bilion tersebut ke kementerian yang sama iaitu Kementerian Kerja Raya bagi maksud P.27 dan memasukkan sebanyak RM500 juta ke Butiran 05100 – Jalan-jalan Besar di Sabah; dan selebihnya sebanyak RM500 juta ke Butiran 09260 – Naik Taraf Jalan-jalan (II); iaitu di bawah Jalan Raya dan Jambatan di Sarawak. Akan tetapi kedua-dua usul ini telah ditolak Tuan Pengerusi, atas alasan teknikal.

Saya membuat cadangan ini setelah membuat kajian terhadap keadaan semasa jalan-jalan persekutuan di Sabah. Bahawa daripada 23,718 kilometer jalan persekutuan di Sabah, hanya 11,857 kilometer ataupun 50 peratus sahaja yang berturap berbanding dengan 81 peratus berturap di Semenanjung dan 64 peratus di Sarawak. Selain itu, apabila kita melihat keadaan jalan-jalan persekutuan di Sabah, sebanyak 307 kilometer jalan berturap adalah dalam keadaan yang teruk dan 306 kilometer sangat teruk dan tidak boleh lagi diselenggara ataupun *unmaintainable*.

Kerja-kerja seperti *resurfacing* atau *preservation treatment*, *minor rehabilitation* dan *major rehabilitation* memerlukan peruntukan sejumlah RM969 juta iaitu RM228 juta *resurfacing*, RM336 juta *minor rehabilitation* dan RM325 juta *major rehabilitation*. Terdapat dua jalan persekutuan di Sabah yang berkeadaan demikian iaitu Jalan Teluk

Telupid Batu 32 dan Jalan Kalabakan–Sapulut yang sudah diisytiharkan oleh JKR Sabah sebagai jalan raya yang tidak lagi boleh diselenggara ataupun *unmaintainable road*. Semua struktur jalan-jalan ini sudah rosak teruk dan perlu dibina semula.

Sepatutnya Kementerian Kewangan memberi keutamaan dalam pengagihan peruntukan kepada dua batang jalan ini untuk pembinaan semula. Tuan Pengerusi, cuba bayangkan, apabila JKR Sabah boleh– apakah JKR Sabah boleh buat atau lakukan untuk menangani, khususnya untuk memulihkan 617 kilometer jalan persekutuan di Sabah pada tahun hadapan iaitu tahun 2021 dengan peruntukan hanya RM100 sahaja?

Jika JKR Sabah tidak berbuat apa, tentunya jalan raya tersebut akan bertambah teruk dan mungkin juga langsung tidak boleh dilalui, terutama sekali Jalan Kalabakan–Sapulut dan Jalan Telupid Batu 32. Besar kemungkinan kemalangan jalan raya di kedua-dua jalan tersebut akan bertambah. Oleh sebab keadaan sangat mendesak tersebut, maka saya minta sebanyak RM1 bilion daripada Butiran Lain-lain Pembinaan di Semenanjung itu dipotong dan dipindahkan ke Sabah dan Sarawak.

Barangkali juga Kementerian Kewangan akan menyatakan Sabah dan Sarawak telah diberikan peruntukan untuk pakej Projek Pan Borneo. Akan tetapi Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa daripada 23 pakej Projek Pan Borneo yang tinggal, saya difahamkan hanya dua pakej yang telah disenaraikan untuk pelaksanaan pada tahun 2021 ataupun disenaraikan tetapi belum *confirm* mahu dilaksanakan ataupun tidak.

Tidak ada kepastian, tidak ada komitmen, selebihnya hanya 21 pakej yang langsung tidak dipedulikan oleh Kementerian Kewangan, tidak diluluskan. Oleh sebab itu, janganlah cuba-cuba bangkitkan isu peruntukan Projek Pan Borneo sekiranya tidak ada komitmen untuk melaksanakan dengan memberikan peruntukan yang mencukupi dan pasti dilaksanakan. Jangan main umum sampai 100 kali tetapi akhirnya tiada peruntukan yang diberikan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini tentang projek-projek lebuhraya di Sabah. Saya difahamkan bahawa daripada 26 projek yang dicadangkan, hanya 15 senarai yang diluluskan tetapi belum pasti mahu dilaksanakan atau tidak, khususnya tahun hadapan. Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya nyatakan awal tadi tentang keadaan Jalan Telupid Batu 32 di mana terdapat banyak lubang yang mengakibatkan banyak kemalangan.

Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat Libaran, Yang Berhormat Kinabatangan tentunya lebih arif dengan keadaan jalan ini kerana jalan ini terletak di kawasan mereka. Yang Berhormat Beluran tentunya juga gembira kerana saya bangkit di Dewan mulia ini, seterusnya menyokong usul saya untuk memotong sebanyak RM1 bilion daripada Butiran Lain-lain Pembinaan di Semenanjung.

Begitu juga dengan Jalan Kalabakan–Sapulut, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Pensiangan, Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Tawau tentunya menyokong usul saya ini. Ini adalah kerana kedua-dua jalan ini bukan sahaja perlu *rehabilitated*, malah perlu dibina semula. Kepada rakan-rakan daripada Semenanjung, saya mohon sokongan. Jangan hanya cakap bersimpati dengan keadaan infrastruktur di Sabah...

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...kena memandangkan ke Borneo tetapi sokonglah dengan komitmen bahawa Sabah mahu maju...

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Boleh bagi laluan?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Boleh Yang Berhormat Tuaran?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Daripada siapa?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Libaran.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Libaran, Libaran.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya ingat saya mahu beri Yang Berhormat Libaran sebab ini kawasan dia, Tuan Pengerusi, sila.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Saya tanya, bila Kerajaan Warisan dahulu, semasa Kerajaan Warisan itu, adakah kerajaan dahulu kenal pasti bahawa jalan ini memang sudah rosak dan perlu diperbaiki? Apakah yang telah dirancang oleh kerajaan yang terdahulu di negeri Sabah mengenai dengan jalan ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Libaran. Sila Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, terima kasih. Saya tidak ingin mempolitikkan isu ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Tuaran rumuskan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya. Saya sudah rumuskan. Saya tidak ingin mempolitikkan isu ini. Isunya ialah bahawa jalan raya ini teruk dan kita sama-sama berjuang supaya ia dibina semula Yang Berhormat Libaran, jangan politikkan. *[Tepuk]* Kita mahu selesaikan masalah. Jadi, kepada rakan-rakan daripada Semenanjung, saya mohon sokongan sebab janganlah kita cuma memandangkan ke Borneo tetapi berilah komitmen bahawa peruntukan yang ada, duit Kerajaan Persekutuan yang ada hendaklah kita agih-agihkan kepada keutamaan yang paling...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh saya bertanya?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan, silakan. Menteri JKR.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Tuaran, saya– kita menyedari bahawa jalan-jalan di Sabah ini memang teruk dan perlu dibaik pulih, *diupgrade* dan sebagainya. Akan tetapi apakah dengan cadangan memotong RM1 bilion itu akan mempertingkatkan lagi kualiti jalan raya ini? Saya tanya ya.

■1130

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sila Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat Kinabatangan, sebenarnya kalau RM500 juta ini kita masukkan untuk membina semula jalan Telupid, Batu 23 yang melalui jalan ke kawasan Yang Berhormat, tentunya selesai. Barangkali juga jalan Kalabakan ke Sapulut juga selesai dibina semula.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Jangan bimbang Yang Berhormat. Pan Borneo kita jalankan tahun depan, semua 20 pakej.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Itulah janjinya Yang Berhormat tetapi saya sudah nyatakan tadi...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bukan janji. Saya jadi Menteri sana. Saya tahu apa saya buat...

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Okey, tolong. Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Saya sokong Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat, pastikan semua yang telah disenaraikan itu, disebabkan ada 23 pakej semuanya, setakat ini baru dua pakej yang diberikan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang sebab banyak masalah politik Yang Berhormat. Akan tetapi *I will be there, I know what to do.*

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Jangan kita lagi berpolitik, kita semua perjuangkan sebab Sabah maju, Malaysia pun makmur. Ini yang pasti kita buat dan kita ini jangan terlalu banyak berpolitik. Kita mahu supaya negara kita ini maju bersama.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sabah di bawah kerajaan baharu Sabah, Sabah tetap maju daripada negeri yang lain.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya minta Yang Berhormat Tuaran, saya beri satu minit untuk rumuskan. Satu minit.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Sebab itu Tuan Pengerusi... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Switch on the microphone, switch on.*

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Sebab itulah Tuan Pengerusi, saya telah menghantar usul itu kerana jelas. Saya merasakan – sebagai Ahli Parlimen, sebagai orang Sabah saya merasa terhina apabila peruntukan RM100 diperuntukkan untuk memulihkan jalan-jalan di Sabah. RM100 untuk jalan-jalan besar di Sabah. Saya merasa terhina dan Yang Berhormat Kinabatangan juga saya rasa merasa terhina. Dia ini Menteri Kerja Raya Sabah, mana boleh.

Oleh sebab itulah saya mengatakan potong RM1 bilion dari Semenanjung itu dan bagi kepada Sabah RM500 juta. Kalau tidak Tuan Pengerusi, di Sabah ini sampai bila? Kita main cakap saja, kita mahu buat... *[Tidak jelas] "Pandang Ke Borneo"* tetapi kita tidak pernah laksanakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Puteh. Lima minit.

11.32 pg.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin terus merujuk kepada Butiran 010200 – Dasar dan Pengurusan Korporat. Dalam peruntukan yang diberikan, walaupun sedikit berkurangan berbanding dengan tahun 2020, saya menaruh satu harapan supaya agihan untuk pembangunan terutamanya infrastruktur jalan, bangunan di bawah seliaan JKR ini diagihkan secara baik dan tersusun terutamanya bagi negeri Kelantan Darul Naim.

Saya bimbang takut-takut unjuran kewangan yang diuntukkan oleh JKR ini terikat dengan peruntukan-peruntukan yang telah dibelanjakan sebelum daripada ini dalam situasi negeri Kelantan sekian lama dianaktirikan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya mengharapkan apabila terbentuknya pakatan yang kukuh, yang kuat ini maka peruntukan yang disediakan kepada negeri Kelantan ini diharap dapat ditambah kerana ia perlu dilihat, jalan-jalan di negeri Kelantan ini terlalu dianaktirikan.

Saya di Parlimen Pasir Puteh, kalau kita lihat, daripada permulaan keluar dari negeri Terengganu masuk ke negeri Kelantan, dalam jarak kurang daripada 10 kilometer, di sana ada tujuh jambatan yang lebih sempit daripada jalan. Kesempitan ini, kalau berlakulah selisih di antara dua buah kenderaan yang besar, dia akan berlaku

kemalangan yang dahsyat dan sebelum daripada ini, sudah berlaku kemalangan demi kemalangan. Saya telah menyebut di dalam Dewan yang mulia ini, ini kali ketiga saya sebutkan di mana jambatan ini perlu dibesarkan segera, dibuat jambatan yang baharu supaya arus kereta yang berjalan itu dapat berjalan dengan teratur, dengan baik.

Kedua iaitu di bawah Butiran 030000 – Pembinaan Infrastruktur Bangunan. Dalam isu ini, saya ingin menyentuh tugas dan tanggungjawab di bawah JKR berkenaan dengan pembangunan hospital di bawah Butiran 030500 – Cawangan Kerja Kesihatan. Walaupun ia berkenaan dengan infrastruktur namun saya ingin menyinggung di sini berkenaan dengan keperluan mewujudkan sebuah hospital bertaraf pakar di kawasan Pasir Puteh kerana keperluan ini sangat mendesak. Rakyat di Pasir Puteh ini terpaksa pergi ke Kota Bharu atau pergi ke Kuala Krai, jarak yang begitu jauh. Mungkin kerajaan tidak terasa kerana bebanan ini dipikul oleh rakyat.

Namun kos, sama ada kos keluarga yang hendak melawat, begitu juga kos bagi pesakit yang menanggung pergi ulang-alik daripada Pasir Puteh ke hospital-hospital pakar yang ada di Terengganu ataupun di Kelantan, ia adalah satu jarak yang begitu jauh. Saya kira kawasan Pasir Puteh ini adalah kawasan yang sesuai untuk dibina sebuah hospital bagi menampung penduduk-penduduk sekitar dan saya minta JKR ini cuba bincang dengan Kementerian Kesihatan untuk menjayakan program-program ini.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada Butiran 051200 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Saya rasa sudah tiba masa dari Terengganu, Terengganu ini dia dua *lane* untuk satu hala. Masuk Kelantan, jadi satu *lane*. Jalan dari Semenanjung, waima hendak masuk ke Kelantan ataupun hendak pergi ke Thailand, pelancong-pelancong yang hendak ke Thailand, dia akan nampak sangat ketara. Keluar dari negeri Terengganu, masuk negeri Kelantan, jalannya sempit, jalannya tidak diuruskan dengan baik. Saya kira pihak JKR dapat melihat satu peruntukan untuk dibaiki dan ditambah supaya jadi dua *lane* satu hala. dari sempadan di Bukit Yong ataupun sempadan di Kuala Besut itu, masuk ke negeri Kelantan Darul Naim.

Terakhir ialah Butiran 02800 – Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan. Dalam isu ini, saya tengok terutamanya dalam daerah Pasir Puteh, jambatan-jambatan bukan sahaja lebih kecil daripada jalan, sistem perparitan juga ia jadi kecil, menyebabkan berlakunya banjir apabila aliran air ini tersekat pada jambatan-jambatan yang ada di hampir seluruh, bukan sahaja di Pasir Puteh bahkan di negeri Kelantan secara keseluruhannya.

Jadi sejumlah peruntukan, saya sangat mengharapkan, merayu kepada pihak Menteri, mudah-mudahan. Hah lihat! Kelantan ini nasib dia sama dengan Sabah dan Sarawak...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Supaya dilihat dengan baik dan teratur. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kalabakan, diikuti oleh Yang Berhormat Bukit Gantang. Menteri akan menjawab 11.50 pagi.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Beruas boleh beri peluang atau tidak? Sudah banyak kali.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Taiping?

11.39 pg.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Taiping ya.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sesungguhnya saya harus bersetuju dengan Yang Berhormat Tuanan lah. Sabah ini selalu dianaktirikan. Mudah-mudahan, Yang Berhormat Kinabatangan yang sudah menyatakan bahawa 23 projek Pan Borneo akan dimulakan tahun depan menjadi kenyataan. Janganlah dijanji, dijanji, selalu tidak dipenuhi. Saya mulakan ucapan perbahasan saya dengan Butiran 050000...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Pengerusi, saya tidak pernah berjanji. Saya bukan macam pemimpin mereka suka berjanji.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya kata, saya kotakan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Mudah-mudahan. Akan tetapi malangnya jalan Tawau-Kalabakan dan Sapulut tidak ada dalam Pan Borneo. Malangnya itulah. Saya mulakan ucapan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak apa lah. Bahas sahajalah.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Dengan Butiran 050900 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan. Tuan Pengerusi, dalam Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 2 yang telah dikeluarkan April lalu, ada dilaporkan berkenaan kelemahan pengurusan projek penyelenggaraan jalan raya berturap di negeri Sabah.

■1140

Mengikut indeks keadaan jalan raya atau *road condition index*, sebanyak 55.3 peratus daripada jalan berturap negeri Sabah berada di bawah skala tiga dan skala

empat. Skala tiga adalah sederhana, skala empat adalah teruk. Indeks tersebut membuktikan bahawa jalan berturap di negeri Sabah memerlukan perhatian yang lebih daripada aspek penyelenggaraan berkala khususnya jalan-jalan di Parlimen Kalabakan yang turut merangkumi jalan penghubung di Tawau.

Berkenaan hal ini, saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan. Pertama, apakah sebenarnya cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pihak Kementerian Kerja Raya Persekutuan dalam soal pengurusan dan pengendalian projek kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan berturap di Sabah?

Kedua, adakah kementerian telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan kajian atau maklum balas daripada JKR negeri Sabah berkenaan kelemahan pengurusan kerja-kerja penyelenggaraan jalan berturap negeri Sabah seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2018 tersebut? Jika tidak, apakah usaha terancang kementerian bagi memastikan segala aspek pelaksanaan dalam kerja-kerja penyelenggaraan jalan persekutuan dan negeri di Sabah dapat diberi perhatian seimbang oleh KKR biarpun hal ehwal jalan negeri Sabah merupakan tanggungjawab JKR Sabah?

Ketiga, apakah pemantauan projek atau *works monitoring* yang akan diberi pembaharuan serta penambahbaikan bagi memastikan aspek-aspek seperti pengurusan bajet dan penjadualan projek dapat dikendalikan dengan lebih terurus bagi mengelakkan daripada berlakunya kelewatan dan penangguhan kerja-kerja penyelenggaraan jalan berturap khususnya di Parlimen Kalabakan?

Keempat, dengan adanya pemisahan skop tanggungjawab antara KKR dan JKR negeri Sabah dalam hal ehwal jalan persekutuan, bagaimana KKR dapat menjamin setiap pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan persekutuan benar-benar diuruskan mengikut piawai, perancangan dan bajet asal oleh KKR persekutuan?

Kelima, berapakah anggaran peruntukan yang akan dikhususkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan berturap di Kalabakan dan Tawau yang tertangguh sehingga hari ini? Bilakah kerja-kerja penyelenggaraan akan dimulakan semula?

Tuan Pengerusi, selanjutnya saya ingin menyentuh Butiran 08230 – Pembinaan Jambatan, Butiran 08260 – Naik Taraf dan Memulihkan Jalan dan Butiran 08270 – Memulihkan Jalan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, jambatan adalah penghubung logistik yang sangat penting untuk penduduk-penduduk kampung untuk bergerak lebih-lebih lagi bagi anak-anak dan cikgu-cikgu sekolah. Saya menyambut baik kenaikan berganda bagi peruntukan untuk butiran ini.

Saya minta Yang Berhormat Menteri memperincikan, pertama, apakah kelainan daripada aspek bahan binaan serta teknologi binaan yang diguna pakai dalam setiap kerja-kerja pembinaan jambatan di kawasan-kawasan di Sabah bagi menjadikan setiap

jambatan yang akan dibina pada tahun 2021 bersifat stabil dan selamat untuk semua jenis kenderaan termasuk yang berbasikal?

Kedua, apakah bentuk koordinasi pengurusan projek pembinaan jambatan antara KKR dengan JKR Sabah dalam mengenal pasti jambatan-jambatan usang serta jambatan-jambatan rosak yang boleh dilaksanakan kerja pembinaan semula khususnya di kawasan-kawasan luar bandar?

Ketiga, adakah projek pembinaan jambatan yang akan diperuntukkan menerusi butiran ini akan merangkumi pembinaan jambatan dua lorong atau *two-lane bridge* bagi memudahkan pergerakan pergi dan balik orang-orang kampung khususnya yang berkereta dan bermotosikal?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, minta rumuskan, Yang Berhormat.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Ketiga, daripada 25 Parlimen di Sabah, berapakah Parlimen yang akan difokuskan untuk peruntukan menaik taraf jalan dan apakah faktor-faktor fizikal yang akan dinilai bagi tujuan tersebut?

Keempat, adakah kementerian berhasrat untuk menaik taraf jalan-jalan yang sedia ada di kawasan-kawasan perindustrian di Sabah bagi mewujudkan *dedicated road* atau laluan khas untuk pergerakan lori-lori besar yang selama ini menjadi punca kepada kerosakan jalan awam? Jika ya, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan kawasan-kawasan yang terlibat dan anggaran kos bagi setiap satu kerja menaik taraf.

Saya juga ingin menyentuh satu projek besar di Kalabakan. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan dengan serius terhadap pembinaan kompleks CIQ Serudong-Simanggis, lebuh raya 40 kilometer dan perumahan kerajaan. Projek ini boleh dianggap perintis dalam usaha kerajaan untuk menjayakan pembangunan seimbang antara wilayah di Malaysia. Penyambungan jaringan jalan raya antara wilayah-wilayah Sabah, Sarawak dan Kalimantan yang mempunyai penduduk lebih kurang 25 juta jiwa sesungguhnya dapat mewujudkan sosioekonomi yang baik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Gantang, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Taiping.

11.45pg.

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mintalah, Tuan Pengerusi, sebelum penggulungan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selepas ini, selepas ini.

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]: Salam sejahtera.

Tuan Pengerusi, pertamanya, saya ingin menyentuh peruntukan perbelanjaan bagi tahun 2021 bagi Kod 30000 daripada RM6.207 bilion kepada RM6.019 bilion di mana pengurangan sebanyak RM188 juta. Apakah pengurangan ini akan menjejaskan projek-projek yang telah pun disenaraikan sebelum ini ataupun melengkapkan dan menyiapkan projek-projek yang telah pun dilaksanakan?

Adakah pengurangan ini akan menjejaskan pembangunan Projek Lebu Raya Pantai Barat (WCE) yang bermula dari Banting, Selangor ke Changkat Jering dan laluan keluar yang terakhir di Perak dalam Parlimen Bukit Gantang? Projek ini telah pun lewat dilaksanakan. Kesannya, berlaku banjir kilat, banjir lumpur dan gangguan kepada penduduk dalam lalu lintas.

Adakah dalam bajet ini Kementerian Kerja Raya mempunyai tarikh kebolehsiahan projek dan pelan kebolehsiahan berfasa akibat peruntukan bajet pembangunan yang dikurangkan? Maklumat ini penting bagi jangkaan lonjakan pembangunan sosioekonomi setempat dan langkah-langkah persiapan. Apabila adanya kemudahsampaian atau *accessibility*, dengan izin, pastinya sesebuah kawasan itu akan membangun bagi sepanjang laluan keluar Selangor hingga ke Perak yang menghubungkan bandar-bandar atau pekan-pekan kecil.

Seterusnya, Butiran 050200 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Jambatan di mana bajet yang diperuntukkan pada tahun hadapan kekal sebanyak RM4 juta seperti mana Bajet 2020. Saya merasakan bajet ini tidak mencukupi kerana banyak jalan perlu diselenggarakan dan juga jambatan-jambatan akibat cuaca hujan sepanjang tahun.

Dalam kawasan Parlimen Bukit Gantang, di Jalan Persekutuan FT60 dari Pekan Terung menuju ke Beruas, laluan ini banyak digunakan oleh kenderaan berat dan di sini juga terdapat saluran-saliran sungai yang banyak, sebagai contoh Sungai Temelok dan Sungai Rotan. Keadaan jambatan dilihat sempit dan perlu penyelenggaraan khususnya seperti pengadang jambatan dan tanda-tanda jambatan sempit agar kemalangan jiwa tidak berlaku terutamanya pada waktu malam dalam keadaan jalan yang bengkok.

Seterusnya, yang terakhir yang saya hendak sentuh ialah Butiran 051200 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia daripada RM280 juta dinaikkan kepada RM309 juta.

Pertamanya, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada keprihatinan Kementerian Kerja Raya yang bertindak pantas atas aduan mengenai laluan FT60 Batu Hampar, Changkat Jering dan Larut, Matang dalam Parlimen Bukit Gantang. Kerja-karya penyelenggaraan dan penurapan semula telah dibuat. Namun begitu, masih ada

kerosakan yang perlu diselenggarakan segera. Di antaranya saya hendak sebutkan di sini, yang pertama, jalan Estet Alaga Air Terjun; yang kedua, jalan Batu 56 Jalan Kuala Kangsar dari simpang Changkat Jering iaitu Jalan Persekutuan 1; yang ketiga, jalan Simpang Halt, Taiping menuju ke Bagan Serai dan Air Putih menuju ke Simpang Taiping, Jalan Persekutuan 1; yang keempat, jalan Jelutong, Bukit Gantang menuju ke Bukit Berapit, Padang Rengas, Jalan Persekutuan 1. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Taiping.

11.49 pg.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan kepada Taiping berhubung peringkat Jawatankuasa KKR.

■1150

Butiran 050800 – Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Peruntukan dikurangkan daripada RM140 juta pada tahun 2020 kepada kosong pada tahun 2021. Minta penjelasan kenapa tiada langsung peruntukan untuk tahun depan? Ini membimbangkan saya kerana cerun tepi jalan persekutuan, Bukit Larut, Taiping telah mengalami runtuh tanah dan ditutup kepada pelawat sejak 9 November 2019 sehingga sekarang.

Tuan Pengerusi, meneliti jawapan sidang Kamar Khas yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air pada 5 Ogos tahun ini. Dimaklumkan berdasarkan peruntukan yang terhad dan terdapat lokasi-lokasi lain yang lebih kritikal dan memerlukan pembaikan segera, hanya empat lokasi dilaksanakan pembaikan cerun menggunakan kaedah *tie back wall* di laluan A275, Jalan Bukit Larut, Daerah Larut, Matang dan Selama dengan kos arahan kerja berjumlah RM2.3 juta dan dijangka siap pada 10 Disember, dua tiga hari yang akan datang.

Tuan Pengerusi, kini mengikut maklumat yang saya terima, masih terdapat sekurang-kurangnya empat lokasi runtuh cerun yang masih menunggu peruntukan dari kementerian. Oleh itu, Taiping memohon jasa baik Menteri mengambil berat tentang perkara ini dan memperuntukkan jumlah yang mencukupi untuk menyelesaikan masalah runtuh cerun di Bukit Larut, Taiping.

Tuan Pengerusi, Pusat Peranginan Bukit Larut, merupakan antara lambang ikon Bandar Warisan Taiping yang telah memenangi Anugerah Top 3 Destinasi Lestari Terbaik Dunia 2018. Adalah penting demi mengekalkan kelestarian dan daya tarikan pusat peranginan tersebut, kerjasama dan sokongan daripada pihak Kementerian Kerja Raya amat diperlukan.

Diikuti Butiran 040300 – Cawangan Kejuruteraan Cerun. Dengan peruntukan sebanyak RM7.4 juta. Saya minta penjelasan Menteri tentang tugas cawangan ini

terhadap pemantauan cerun-cerun jalan persekutuan khasnya jadual kerja pemantauan di Jalan Persekutuan Bukit Larut, Taiping.

Tuan Pengerusi, selain daripada masalah runtuh cerun, Jalan Persekutuan Bukit Larut, Taiping iaitu laluan A275, juga perlu dinaik taraf demi keselesaan dan keselamatan para pengunjung. Sementara menunggu kerja penyelenggaraan runtuh cerun, Taiping memohon supaya di bawah Butiran 051200 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Sebahagian daripada RM309 juta diperuntukkan kepada Jalan Persekutuan Bukit Larut dalam Bajet 2021.

Seterusnya, Butiran 050100 – Bertugas ke Luar Negara, untuk tahun 2020. Berdepan dengan pandemik COVID-19, saya ingin bertanya berapakah tugas ke luar negara telah ditangguhkan dan berapakah jumlah daripada RM975,000 masih belum terpakai?

Tuan Pengerusi, akhir sekali Butiran 051200 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Di bawah program penyelenggaraan jalan, saya terpanggil membangkitkan keadaan garisan putih jalan raya yang kurang memuaskan di banyak kawasan termasuk juga di Lebuhraya PLUS. Masalah ini akan menjadi lebih kritikal pada waktu malam, khasnya hari hujan. Banyak aduan telah saya terima mengenai isu ini dan saya memohon jasa baik kementerian memantau dengan lebih ketat dan serius terhadap isu ini demi keselamatan pengguna jalan raya.

Sekian sahaja, Taiping menunggu penjelasan dan berita baik daripada Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta sikit Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Saya bagi peluang terakhir kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Lima minit.

11.50 pg.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai minta. Padang Serai...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Butiran...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak sempat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Negeri Kedah langsung tiada dari tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak sempat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Butiran 990200 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Seluruh Malaysia (Berkala Pavemen) di seluruh

Malaysia dan juga Butiran 00700 – Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan seluruh Malaysia.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa rakyat Sabah agak terkilang sedikit lah, dengan bajet yang dibentangkan lalu iaitu berhubung dengan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Sabah. Walaupun saudara kita, Yang Berhormat Tuaran telah menyatakan – Itu saya setuju bahawa jalan raya di Sabah ini, memang teruk. Lebih-lebih lagi, teruk lagi diterukkan oleh Kerajaan Warisan dahulu. Mereka tidak melakukan apa-apa untuk mempertingkatkan kualiti jalan ini.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat, jangan berpolitik Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Terima kasih Barisan Nasional, berapa puluh tahun memerintah negeri Sabah! *[Dewan riuh]*

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Tarik balik salahkan Warisan, tarik balik. Buatlah sesuatu! Buatlah sesuatu! Buatlah... *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah, kita sudah rancang. Kita sudah rancang, duduklah.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat, teruskan. Jangan politikkan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita sudah rancang, duduklah. Yang Berhormat bercakap, saya dengar.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Barisan Nasional memerintah Sabah 25 tahun, apa dia *bikin?*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Eh! Yang Berhormat, *this is my floor, you sit down! You have no right.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: *I will sit down.*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You shut up!*
[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya. Yang Berhormat Kinabatangan, itu saya punya *call, now is your floor.* Baik, teruskan.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, bahawa Kerajaan Negeri Sabah berhasrat untuk melihat Lebuhraya Pan Borneo di Sabah menjadi realiti. Akan tetapi, kalau peruntukan hanya RM460 juta untuk satu pakej, ini bukan realiti, ini memang *nightmare.*

Seorang Ahli: Tragedi, tragedi. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: So, saya – kita berhasrat kerajaan membenarkan Kerajaan Negeri Sabah untuk menjalankan seluruh Pakej Pan Borneo secara PFI.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Saya sokong!

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab ini penting untuk memastikan rakyat Sabah menikmati lebuhraya yang baik, seperti yang dinikmati di negeri-negeri yang lain. Saya meminta kementerian dan Menteri bawa dengan Kabinet, putuskan bahawa rakyat Sabah benar-benar dahagakan pembangunan jalan raya, lebuhraya yang baik.

Setakat ini, Pan Borneo di Sabah cuma mencapai 20 lebih peratus, di Sarawak sudah 65 peratus. *Soft loan*, sukuk yang dicadangkan dibatalkan oleh Pakatan Harapan, disokong oleh Warisan. Ini masalah kita.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cuba jawab, kalau ada sana. Siapa yang batalkan sukuk?

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Awak lawak kah? Buat lawak kah?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Shah Alam, *you shut up!* *You* tiada buat apa-apa, jadi gila sahajalah kau.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: *Review, price review. Price review, Dato'.* Waktu Warisan *price review.*

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Berpuluh tahun, berpuluh tahun BN.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kau gila jawatan. Sudah kalah, kalahlah.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: ...*Review*, diubah katanya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You are loser. You loss*, biar *loser*. Jangan banyak cakap, kalau mahu berdiri, tanya. Kalau mahu berdebat dengan saya, *any time* boleh debat dengan saya. Jangan cakap temberang sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kinabatangan, sebut butiran mana? Sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Butirannya Yang Berhormat Shah Alam temberang. Jadi itulah... [*Dewan riuh*]

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Dia merepek, Tuan Pengerusi. *I don't know what he is talking about.* Butiran pun tidak tahu.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Eh! *You shut up!* [*Dewan riuh*] Saya mahu minta kepada Menteri...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dia bertaburan, bertaburan. Bukan butiran, bertaburan.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Tuan Pengerusi, jangan buang masa lah Tuan Pengerusi. Buang masa sahaja.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Sepang, nanti jatuh, susah lagi. Sediakan sana kesihatan, nanti jatuh Yang Berhormat. Mati kita. Tuan Pengerusi... *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bertaburan lah *you* ni...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Seronok juga lawak jenaka pagi ini...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya mahu minta untuk memastikan bahawa...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Berbutir-butir, butir-butir... *[Ketawa]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Eh! Apa ini? Salah makan ubat barangkali Yang Berhormat Shah Alam ini. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruslah Yang Berhormat, teruslah.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Untuk memastikan...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Yang tak makan ubat macam kamulah yang gila. *[Ketawa]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Untuk memastikan bahawa rakyat Sabah juga menikmati pembangunan lebuh raya yang seimbang, Pan Borneo ini dirancang untuk memberi kesenangan kepada seluruh rakyat negeri Sabah.

Akan tetapi, nampak gayanya tahun 2040 pun tidak selesai kalau satu tahun, satu pakej, satu tahun, satu pakej. Ini alamat karam. Jadi, sebab itu saya mahu minta selaku wakil rakyat dari Sabah. Memohon supaya kerajaan mempertimbangkan untuk memberikan kelonggaran kepada negeri Sabah melaksanakan seluruh pakej Pan Borneo di Sabah secara PFI. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

■1200

Tuan Baru Bian [Selangau]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Selangau Tuan Pengerusi. Boleh merayu?

Seorang Ahli: Penting ini JKR.

Tuan Baru Bian [Selangau]: Seorang pun dari Sarawak tidak ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi tidak?

Seorang Ahli: Kasi lah.

Tuan Baru Bian [Selangau]: *Four minutes.* Empat minit saja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya sudah maklum tadi untuk mencelah tapi sekarang saya telah hendak memberikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Seorang Ahli: Tolong lah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta maaf. Boleh mencelah saja.

12.03 tgh.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Daripada Kota Raja, Jerantut, Merbok, Setiu, Tuaran, Pasir Puteh, Kalabakan yang telah mengambil bahagian dalam beberapa perkara inilah termasuklah Taiping, Bukit Gantang dan juga Kinabatangan.

Saya terus menjawab pada persoalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Raja, untuk Rancangan Malaysia Ke-12, kita akan melaksanakan dua kajian berhubung kait dengan turapan baru dan struktur asas jalan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Sememangnya kita sedar bila peningkatan jumlah trafik dan kenderaan yang lebih besar di mana 'aksel-aksel' kenderaan diluluskan untuk ditingkatkan oleh Kementerian Pengangkutan. Kita kena mengkaji semula, pertama sekali keadaan jalan kita, kaedah-kaedah dan bahan-bahan yang digunakan dan termasuk juga jambatan. Ramai menyentuh berhubung kait dengan penyelenggaraan dan juga keadaan jambatan kita. Perkara ini memang sedang kita buat termasuklah penambahbaikan jalan-jalan dan jambatan-jambatan yang perlu kita naik taraf supaya ianya dapat menampung keadaan kenderaan yang makin besar, makin berat dan sebagainya.

Pada masa yang sama, kita juga telah bekerjasama melalui kajian kita untuk mengadakan apa yang dikatakan *way emotion* di mana kita boleh mendapat keadaan sebenar kenderaan yang lalu di jalan dengan teknologi yang terkini. Kalau sekarang ini kalau kita melihat JPJ, kalau kenderaan berat dia terpaksa masuk ke pusat timbangan. Sekarang ini sudah tidak perlu. Telah diluluskan sebanyak RM50 juta kepada Kementerian Pengangkutan yang mana timbangan ini akan berada di jalan raya yang akan dapat mengukur berat laluan di jalan raya. Dengan itu kita akan dapat data yang

lebih tepat dan kita boleh membuat perancangan yang lebih baik pada masa akan datang.

Untuk kawasan Kota Raja, sebenarnya terutamanya di Pelabuhan Klang, untuk 2002 sebanyak RM49 juta telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan jalan-jalan di sekitar Pelabuhan Klang. Jalan terlibat ialah FT181, FT180, FT103, FT20, FT02 dan juga FT3218 iaitu Jalan Batu Unjur. Skop-skop dikerjakan ialah kerja-kerja *pavement* dan bukan *pavement*. *Alhamdulillah* syarikat konsesi yang telah dilantik telah menyiapkan kerja-kerja ini dalam bulan Oktober yang lalu.

Untuk masa depan ini, 2021 kita sudah pun meluluskan dan mendapat peruntukan untuk menambah baik projek Pulau Indah *Ring Road* fasa yang ketiga. Hal ini akan dinaik taraf dan *insya-Allah* dengan adanya jalan ini ianya akan dapat memperbaiki jajaran kawasan di sepanjang Pelabuhan Klang sebab kita sedar bahawa kawasan ini adalah amat penting sebabkan merupakan nadi utama dari segi ekonomi negara kita.

Saya beralih pada Yang Berhormat Jerantut. Yang Berhormat Jerantut ada bertanya berhubung kait dengan Kelas G1. Adakah program khusus untuk mereka? Untuk makluman kita mendapat peruntukan khas iaitu projek PRIHATIN dan juga projek PENJANA yang mana diperuntukkan khas kepada G1 dan G4. Untuk G1 dan G4 ini di bawah projek PENJANA dan juga PRIHATIN, jawatankuasa dilantik yang mana ianya dibagi terus kepada G1 dan G4. Manakala syarikat konsesi pula di bawah peruntukan sedia ada, mereka akan menguruskan projek mereka dan ada juga sebahagiannya akan diserahkan untuk G1 dan G4.

Untuk Yang Berhormat Merbok. Boleh kata saya akan menyentuh secara umum. Ramai yang menyentuh berhubung kait dengan penyelenggaraan jalan dan saya sedar ini merupakan satu isu yang agak besar. Oleh sebab itu kita memberi komitmen di bawah Kementerian Kerja Raya. Salah satu komitmen kita ialah untuk *zero pothole*.

Zero pothole ini, *alhamdulillah* setakat ini kita memberi kuasa kepada JD untuk membuat dan menyemak segala kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi bagi memastikan semua lubang kalau berlaku di jalan persekutuan, mesti ditutup dalam tempoh 24 jam. Tutupan, turapan sementara dan turapan kekal akan dilaksanakan selepas itu. Ini untuk memastikan tiada berlaku kemalangan ataupun keselamatan pengguna jalan raya akan dapat kita jamin.

Ada permintaan khusus. Saya akan menjawab secara bertulis apa-apa peruntukan yang diminta secara khusus untuk kawasan-kawasan ataupun projek-projek setempat. Untuk penyelenggaraan cerun, sebenarnya memang betul kata Yang Berhormat Merbok tadi ada sebuah syarikat yang telah dilantik dan tempoh lantikan mereka berakhir 31 Oktober 2020. Tapi sebenarnya projek yang mereka yang telah dilantik untuk tempoh tiga tahun *plus* dua tahun.

Setakat ini kita telah sambungkan seperti mana yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk tempoh satu tahun lagi dengan syarat mereka akan hanya dapat disambung untuk tempoh dua tahun sekiranya mereka dapat mencapai tahap sehingga markahnya 80 peratus. Tadi ada teguran daripada Audit, kita mengakui dan sebab itulah kita mencari jalan bagaimana kita hendak pastikan supaya ianya dapat ditambah baik. Oleh sebab itu kita hanya lanjutkan hanya untuk tempoh setahun, bukan dua tahun seperti mana yang diperuntukkan dalam perjanjian.

Untuk makluman juga, Yang Berhormat Merbok tadi ada menyebut berhubung kait dengan cerun di Sandakan-Tawau dan juga jalan Kinabalu-Sandakan. *Insyallah* kita, dua-dua jalan ini sebenarnya sudah diluluskan dengan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Pertama, dalam *rolling* pertama 2021 nanti. Rancangan Malaysia Ke-12 akan dilaksanakan iaitu kilometer 58.6 dan juga kilometer 147.9 Jalan Kota Kinabalu-Sandakan. Yang Berhormat Tuaran, mungkin ada salah faham sikit bila mengatakan Sabah hanya mendapat peruntukan RM100. Keseluruhan peruntukan untuk Sabah untuk 2021 ialah RM1 bilion untuk Pan Borneo Sabah. Tiap-tiap tahun akan dapat RM1 bilion.

Satu lagi ialah peruntukan yang dikatakan untuk...

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat, penjelasan sikit.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Biarlah, saya belum jawab. Macam mana hendak minta penjelasan. Biar saya jawab dulu.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tapi saya merujuk butiran....

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Biar saya jawab dahulu.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...itu Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Biar saya jawab dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Tuaran.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Bagi penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Tuaran, bagilah Yang Berhormat Menteri jawab dulu. Silakan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ahli Parlimen Tuaran menyatakan hanya diperuntukkan token sebanyak RM100. Untuk makluman Ahli Parlimen Tuaran, di bawah Butiran 05100, maksud pembangunan 27, Kementerian Kerja Raya dalam buku cadangan Belanjawan 2021, memang RM100 ini diperuntukkan. Tapi ini khusus sebenarnya hanya untuk satu projek iaitu menaik taraf jalan dari Donggongan ke Papar (SPUR) Fasa 2 dan 3 yang mana projek ini setakat ini baru mencapai 90 peratus disebabkan ada *variation order*.

Bila *variation order* ianya dijangka tidak akan dapat siap pada 31 Disember 2020. Oleh sebab itu kita kena peruntukkan RM100 itu supaya tahun depan bila diluluskan oleh MOF *the variation order*, peruntukan itu akan dapat disalurkan untuk membayar apa-apa saja bayaran. Maknanya akan ada peruntukan tambahan untuk menyiapkan spesifik projek ini.

Manakala untuk keseluruhan jalan Sabah, kalau kita melihat peruntukan di bawah Butiran 05100, Jalan-jalan Besar di Sabah, sebanyak RM1.18 bilion sebenarnya diperuntukkan. Yang Berhormat boleh melihat Butiran 82000, RM1 bilion adalah untuk Pan Borneo dan RM100 juta pula dicadangkan untuk jalan, butiran lain di negeri Sabah. Antaranya ialah Butiran Membina Jalan-jalan Baru di bawah perkara Butiran 08230, Menaik taraf Jalan-jalan – 08260, Program Penggantian Jambatan Sempit dan Usang - 02800 dan Program Pembaikan Cerun - 08250.

■1210

Untuk penyelenggaraan di negeri Sabah, diperuntukkan sebanyak RM80 juta pada tahun akan datang. Ini untuk bekalan *pavement* dan juga kerja-kerja bukan *pavement*. Jadi, itulah respons saya Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat mohon penjelasan, sebanyak RM80 juta itu tidak dinyatakan dalam mana-mana butiran dan dalam anggaran ini tidak ada. Jadi, di mana letaknya RM80 juta itu?

Keduanya, daripada segi memulihkan jalan, maknanya ini untuk *resurfacing*, untuk *rehabilitate* jalan raya dan sebagainya. Jelas di sini, peruntukan sebanyak RM100 dalam Butiran 08270 – Memulihkan Jalan. Jadi, ini yang penjelasan yang kita minta ini. Kenapa RM100? Bolehkah Yang Berhormat beritahu bahawa memang ada yang sedang dijalankan dan dipohon tetapi belum dapat duit seperti Jalan Donggongon tadi.

Itu yang – Hal ini sebab kita sangat khuatir ini Yang Berhormat. Jalan-jalan raya yang berlubang seperti Yang Berhormat Kinabatangan juga bersetuju tadi. Jalan Telupid sebagai contoh, Mile 32 di Sandakan itu, memang berlubang-lubang, memang keadaan kemalangan berlaku dan memang tidak boleh lagi *direhabilitate* dan perlu dibina semula. *Estimate*– saya difahamkan daripada JKR Sabah sudah pun dibuat untuk membina ini semua, tetapi peruntukan tidak diberikan di sini, diberikan RM100 sahaja Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: RM100 yang saya katakan tadi hanya spesifik projek Papar-Donggongon itu yang saya katakan. Untuk makluman kita semua, sebenarnya dalam perancangan...

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: RM100 Yang Berhormat, satu memulihkan jalan Butiran 08270 itu pun RM100, yang satu lagi Jalan-jalan besar di Sabah itu pun RM100 juga. Ada dua butiran RM100 Yang Berhormat. Jadi

mana satu yang Donggongon-Papar itu? Butiran 05100 ataupun yang Butiran 08270, mana satu Jalan Donggongon-Papar Yang Berhormat?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Kan saya sudah katakan tadi Donggongon-Papar di bawah Butiran 05100, yang disediakan untuk projek menaik taraf Jalan Donggongon-Papar, Butiran 05100. Itulah yang diperuntukkan yang itu sebabnya...

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Akan tetapi, Yang Berhormat, itu adalah projek Pan Borneo dan Pan Borneo itu sudah pun diberi peruntukan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Tidak, tidak, duduk dulu. Ia ada Jalan Donggongon-Papar dulu di bawah projek khusus. Ia bukan sahaja Pan Borneo sebab Pan Borneo yang dimaksudkan hanya sejumlah 35 buah pakej yang telah diumumkan dulu.

Jalan Donggongon-Papar adalah projek yang di bawah peruntukan *development*, bukan di bawah Projek Pan Borneo sebab itu ada VO dan sebagainya yang perlu kita selesaikan. Banyak masalah yang timbul di tapak, sama ada pengalihan *utilities* dan sebagainya. Oleh sebab itulah peruntukan ini kita sudah sediakan RM100, so untuk dibawa ke tahun 2021 nanti.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat, saya ada soalan spesifik. Ini berkenaan Jalan Bulatan Berungis-Bulatan Mengkabong. Ia memang sudah diluluskan dan mahu dilaksanakan tetapi ada pertikaian di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan sama ada jalan itu mahu diserahkan kepada Persekutuan ataupun tidak.

Akan tetapi, peruntukan memang sudah dibuat dulu dan memang mahu dilantik pelaksanaannya. Saya ingin tahu sama ada projek seperti ini mahu disediakan peruntukan atau macam mana. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya akan menjawab secara spesifik sebab ini adalah soalan yang spesifik dan saya perlukan notis.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Berhubung kait dengan kaedah untuk...

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat, Taiping.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Sekejap biar saya selesaikan dahulu Yang Berhormat Tuaran. Berhubung kait dengan Projek Pan Borneo Sabah – diluluskan di bawah pemerintahan Barisan Nasional dulu sebanyak 35 *packages* untuk fasa 1. Daripada sejumlah 35 *packages* diputuskan bila peralihan kerajaan di bawah Pakatan Harapan, maka kaedah pelaksanaan melalui PDP telah dibatalkan.

Yang mana PDP dibatalkan, dulu ada dua kaedah pembiayaan untuk Pan Borneo Sabah dan Sarawak. Pertamanya, ialah melalui kaedah dana pembangunan daripada kerajaan. Keduanya, ialah melalui pinjaman DanaInfra. Untuk Sabah

DanaInfra sudah pun dibatalkan. Oleh sebab itu, hanya diputuskan untuk dilaksanakan sebanyak 20 pakej daripada 35 *packages* yang telah diluluskan.

Daripada 20 *packages* itu, 15 sudah pun ditender, satu dibatalkan dan ditamatkan disebabkan ketidakupayaan kontraktor untuk menyelenggarakan dan akan ditenderkan semula. Satu lagi telah pun diluluskan di bawah Pakej tahun 2021 ini iaitu laluan Serusop ke Pituru. Jadi, ini keseluruhannya sebanyak 16 daripada 20 yang telah diluluskan, 16 akan dilaksanakan.

Menjawab apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan dan juga Yang Berhormat Kalabakan yang memohon supaya ia dapat disiapkan, kita bersedia untuk berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah yang baharu ini tentang kaedah pelaksanaan yang baharu. Adakah ia boleh dilaksanakan secara PMI dan sebagainya ia kita kena bincang dan melihat bagaimana kedudukan kewangan kerajaan. Kalau dulu tidak dibatalkan DanaInfra, *insya-Allah* 35 *packages* ini akan dapat dilaksanakan. Sabah keseluruhannya perancangan ialah tiga *packages*.

Pakej pertama 35 dan yang lain-lain itu sebenarnya masih banyak lagi yang perlu kita laksanakan untuk menyiapkan keseluruhan Pan Borneo di Sabah ini. Kita akan berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah tentang bagaimana *the way forward* lah *insya-Allah* untuk kita laksanakan Pan Borneo Sabah ini.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Okey Yang Berhormat, soalan terakhir. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam anggaran perbelanjaan ini terdapat tidak ada ketelusan daripada segi bagaimana peruntukan itu diagih-agihkan. Tiada ketelusan di peringkat Kementerian Kewangan.

Saya pun berasa kasihan dengan Yang Berhormat sebagai Menteri Kerja Raya, bagaimana hendak agih-agihkan menyelesaikan pelbagai masalah yang ada di Sabah ini. Akan tetapi, apabila Yang Berhormat menjawab ia tidak dapat mencerminkan apa yang dalam anggaran ini sebab tidak ada ketelusan, tidak telus.

Kita tidak tahu peruntukan RM100 Jalan Donggongon-Papar dan sebagainya. Kemudian kita tertanya-tanya pula keadaan jalan-jalan raya memang perlu diselenggarakan tetapi sudah diisytiharkan oleh JKR Sabah sebagai *unmaintainable*, tidak boleh lagi diselenggarakan sebab perlu dibina semula. Ia tidak dinyatakan di sini. Sepatutnya itu diberi keutamaan daripada segi peruntukan.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dalam hal ini? Memang kami Ahli Parlimen di Sabah, kami mahu menyokong dan membantu Yang Berhormat untuk mendapatkan kelebihan peruntukan daripada Kementerian Kewangan untuk kementerian Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Tuan Pengerusi, masa saya sudah habis. Adakah saya diberikan masa untuk menjawab.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri jawab ini sahaja selepas itu Yang Berhormat Menteri *wrap-up* lah.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Sebenarnya ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain saya belum...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Bagi jawapan bertulislah sebab saya ada banyak lagi saya hendak selesaikan, semua kementerian.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Baik, Tuan Pengerusi.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, Taiping minta jawapan bertulis.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ya, ya.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Okey, terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ada berapa lagi yang saya jawab? Nanti secara bertulis, saya akan jelaskan kepada Yang Berhormat Tuan apa segala peruntukan kekusaran yang dibangkitkan tadi...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Sebagaimana kita sedia maklum bahawa kita terpaksa mengagihkan berdasarkan apa yang diluluskan dan kelulusan ini berdasarkan permintaan di peringkat negeri. Agensi Pusat akan menilai apakah keutamaan-keutamaan projek yang akan dilaksanakan dan diluluskan dalam semua aspek termasuk penyelenggaraan dan sebagainya.

Akan tetapi, disebabkan waktu Tuan Pengerusi, saya akan memberi jawapan bertulis kepada semua yang telah membangkitkan isu yang telah dibahaskan tadi. Saya kira jawapan semua...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Yang Berhormat Menteri kalau boleh sedikit, terkait dengan getah beku tadi atau CMA...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Hal ini sebab ia melibatkan kalau kita boleh..

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Untuk getah sebenarnya kita memang berbincang dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, memang ada kerjasama MoU di antara JKR dengan Lembaga Getah Malaysia. Berapa projek rintis sudah pun kita laksanakan daripada segi projek baharu dan juga penyelenggaraan.

Insyallah workshop antara LGM dan JKR dan berapa pakar akan duduk untuk *finalizekan report*. Apakah arah tuju daripada segi menggunakan kaedah *cup lamp* ini? Adakah ia akan memberi lebih banyak kebaikan ataupun adakah kekuatannya sama dengan kedudukan konvensional pada masa ini.

Insya-Allah kita akan kemukakan laporan kepada Kabinet hujung tahun ini dan tahun hadapan kita akan tahu arah tuju setakat mana *cup lump* dapat digunakan.

■1220

Akan tetapi untuk getah sahaja sebenarnya ada tiga. Ada *crumb rubber*, ada *latex* yang digunakan dan juga *cup lump*. *Cup lump* memang sudah ada kajian untuk buat dua-dua perkara ini. *Report* sudah pun ada. *Insya-Allah* akan dimuktamadkan. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Yang Berhormat Menteri, sedikit. Tadi tidak sempat bahas. Saya hendak tanya sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Minta maaf. Saya sudah, Tuan Pengerusi. Jadi, saya ucap terima kasih. Saya akan memberi jawapan bertulis kepada semua yang terlibat. Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sedikit sahaja. Tadi tidak sempat bahas. So, saya kena tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, duduk sahajalah Yang Berhormat. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,260,407,200 untuk Kepala B.27 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.27 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.27 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.27 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

**Kepala B.28 [Jadual] –
Kepala P.28 [Anggaran Pembangunan 2021] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk di bahas. 15 minit. Maaf, 45 minit kemudian Yang Berhormat Menteri 15 minit. Ada bersama saya belah tidak menyokong kerajaan 10 orang, penyokong kerajaan enam orang dan kita cuba sedaya upaya untuk selesaikan semua dalam masa 45 minit. Jadi, semua Yang Berhormat, saya minta dan berdoa dengan penuh harapan tolong ikut masa lima minit yang diberikan. Yang Berhormat Seremban silakan.

12.22 tgh.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan cuba ikuti masa yang ditetapkan. Pertama Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Butiran 010200 - Maritim. Saya meneruskan ataupun mengekalkan pendirian saya bahawa keputusan kerajaan untuk membatalkan pengecualian kabotaj kepada kerja-kerja pembaikan kabel dasar laut adalah satu keputusan yang salah, satu keputusan yang merugikan negara daripada segi kepentingan strategik dan memberikan kesan yang amat negatif terhadap usaha Kerajaan Malaysia dan juga negara untuk membangunkan sektor ekonomi digital dalam negara kita. Kita tahu bahawa ekonomi digital itu adalah satu agenda yang sangat penting untuk meneruskan kesinambungan ekonomi dalam negara kita. Saya hendak merujuk kepada satu laporan daripada sebuah agensi kerajaan yang memetik bahawa, saya *quote*, Tuan Pengerusi.

'Impact of revocation of cabotage exemption to the Malaysian digital economy and foreign investment'. Salah satu perenggan berbunyi seperti berikut, *'As a result of the cabotage exemption in 2019, several OTTs including Facebook and Google have landed new cables into Malaysia and continue to plan to do so. It is understood that such plan are now under review and that at least two cables plans for Malaysia landing are now potentially being rerouted to Singapore resulting in the direct loose of FDI and harping for Malaysia.'*

Kesimpulan dalam laporan ini ada empat muka surat. Saya baca. *'Submarine cable and data centre investment by OTT content provides represent components of the digital infrastructure necessary for Malaysia to support the digital economy and for IR plans. This submarines cable invesment must be kept fully operational and be restored quickly in the event of submarine cable failures. Malaysia currently does have not sufficient capacity of cable repair ships to support the necessary capacity and capability of submarine cables invested by the OTT content providers. The revocation represents a barrier for the restoration of submarine cable failures and indirectly indicate Malaysia's effort to attract foreign investment into the country.'*

Tuan Pengerusi, laporan ini bukan dicakap oleh saya. Laporan ini daripada sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia iaitu Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC). Yang Berhormat Ayer Hitam saya rasa tahu siapa pengerusinya. Pengerusi MDEC itu Datuk Rais Hussin, orang kuat kepada Yang Amat Berhormat Pagoh, pengerusi ataupun pengarah strategi kepada Parti BERSATU dahulu, orang kanan kepada Yang Berhormat Pagoh. Beliau menyatakan pandangan ini dalam satu laporan dan Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab berada di belakang. Saya tahu bahawa banyak agensi, banyak kementerian yang tidak bersetuju dengan keputusan daripada Kementerian

Pengangkutan ini. Ini kerana ini memberikan kesan yang negatif kepada daya saing negara daripada segi untuk mendapatkan pelaburan dari luar.

Yang Berhormat Gombak yang berada dalam Dewan yang mulia ini saya rasa beliau pun tidak setuju. Yang Berhormat Indera Mahkota juga tidak bersetuju, Yang Berhormat Rembau, Kementerian Sains dan Teknologi juga tidak bersetuju. Akan tetapi mengapa kah Yang Berhormat Ayer Hitam begitu berkeras untuk mengekalkan satu pendirian yang langsung merugikan negara walaupun keputusan itu seolah-olah hanya untuk mempertahankan kepentingan sebuah syarikat sahaja. Bukan kepentingan untuk negara. *[Tepuk]* Yang Berhormat Pekan mungkin pun boleh bersetuju dengan pandangan ini. Ini bukan untuk kepentingan negara. Jadi, saya minta supaya Yang Berhormat Ayer Hitam boleh mengambil satu pendirian untuk kepentingan negara supaya membatalkan hasrat itu dan mengekalkan pendirian untuk memberikan pengecualian kepada kabotaj untuk satu sektor sahaja. Ia tidak merugikan sektor perkapalan negara. Hanya satu sektor sahaja iaitu untuk pembaikan kabel dasar laut.

Oleh sebab kekangan masa Tuan Pengerusi, ada dua tiga perkara yang saya secara pantas iaitu 031600 - Insentif Pas Bulanan yang hanya diperuntukkan RM115 juta dalam buku belanjawan ini. Akan tetapi pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah RM300 juta dan memang diperlukan RM300 juta untuk memastikan MY30 itu berjalan kerana setiap pengguna, pelanggan yang menggunakan MY30 itu perlu ada subsidi RM170. Akan tetapi hanya diperuntukkan RM115 juta. Seterusnya, saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan VEP Selatan RM6 juta, apa kegunaan itu? Juga operasi caj jalan dan permit kenderaan asing utara, adakah itu VEP Utara iaitu mengambil perbelanjaan RM10.6 juta? Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah VEP Utara itu telah dilaksanakan? Kalau sudah dilaksanakan, siapa syarikat yang bertanggungjawab?

Akhirnya, untuk kod 60000 - Pengangkutan Awam Bandar. Peruntukan untuk tahun 2020 hanya RM13 juta tetapi tahun depan dinaikkan sehingga angka RM521 juta. Satu kenaikan yang sangat mendadak. Saya hendak tanya, apakah projek-projek di bawah pengangkutan awam bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kuala Krai.

12.27 tgh.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *Bismillaahir rahmaanir rahiim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020300 - Pengangkutan Jalan. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) merupakan antara agensi yang sangat diperlukan dalam menyelesaikan masalah cukai kenderaan, pembaharuan lesen dan sebagainya. Saya mencadangkan supaya sebuah kaunter untuk penduduk

Kuala Krai. Penduduk Kuala Krai kini terpaksa ke Machang yang jarak sekitar 30 kilometer atau ke Gua Musang yang jaraknya 110 kilometer untuk menyelesaikan masalah berkaitan. Selain itu, masa yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah memerlukan masa yang panjang. Saya difahamkan sehingga ada yang terpaksa menunggu sehingga tiga jam.

Tuan Pengerusi, merujuk butiran yang sama. Saya mencadangkan kerajaan mengadakan promosi besar-besaran untuk mereka yang mempunyai saman melebihi 10 tahun. Mungkin boleh dikurangkan sehingga 10 peratus bagi menarik golongan ini membayarnya. Jika promosi ini berjaya dilakukan, manfaat akan di kecapi oleh kedua-dua pihak iaitu pengguna yang dapat melunaskan tunggakan saman mereka dan juga sudah tentu pihak kerajaan kerana dapat menambah hasil negara berbanding saman yang tergantung begitu sahaja. Saya juga ingin bertanya, apakah terdapat garis panduan untuk penunggang basikal yang menggunakan jalan raya utama? Apakah perancangan kerajaan untuk menjadikan mereka lebih selamat dan tidak mengganggu kenderaan-kenderaan bermotor?

Saya juga ingin mendapatkan maklumat, adakah pemandu motosikal GrabFood diberi kursus atau hanya dipilih oleh syarikat? Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk memberi kursus khas kepada mereka agar pemanduan mereka lebih teratur dan selamat untuk mereka sendiri dan juga pengguna jalan raya yang lain?

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 030400 - Subsidi Train Tidak Ekonomik (KTMB). Ada kenaikan. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, kenaikan melebihi RM62 juta. Fenomena Train To Dabong yang menyebabkan daerah Dabong menjadi perhatian seluruh Kelantan, bahkan seluruh negara. Setiap hujung minggu, lima gerabak tambahan untuk menampung pelancong domestik ini untuk ke Dabong khususnya dalam tempoh pandemik COVID-19 dan pergerakan yang terhad ini.

■1230

Saya mencadangkan kepada pihak KTMB agar dapat mengadakan promosi yang lebih meluas untuk menaikkan minat pengguna bagi menggunakan perkhidmatan kereta api ke lain-lain laluan termasuklah ke stesen Kuala Krai atau sebagainya. Ini kerana di sini juga terdapat tempat-tempat yang boleh menarik pelancong. Misalnya, adakan cabutan bertuah, hadiah misteri dan sebagainya. Mungkin boleh buat komponen hadiah ini daripada replika kereta api, kepala kereta api ataupun sebagainya. Promosi ini bertujuan untuk meningkatkan penggunaan kereta api sebagai salah satu pengangkutan awam di samping menaikkan sektor pelancongan domestik.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 030500 – Lintasan Rata Awam. Saya ingin bertanyakan tentang sewa lintasan jalan di dalam kawasan estet kepada pihak pengurusan estet yang meningkat tinggi berbanding sebelum ini yang menyebabkan pihak estet terpaksa menutup jalan kepada pengguna akibat peningkatan

sewa yang terlalu tinggi. Penutupan ini menyebabkan laluan ini tidak dapat dilalui untuk ke seberang kerana terdapat banyak kawasan perkampungan yang telah sedia ada sejak sekian lama. Saya difahamkan isu ini hanya berlaku di negeri-negeri Pantai Timur sahaja.

Merujuk kepada butiran yang sama, apakah status penduduk yang mendiami tanah-tanah kereta api? Adakah benar adanya agen yang mengutip sewa daripada penduduk bagi pihak Perbadanan Aset Kereta Api (RAC)? Ini mengakibatkan sewa tanah itu menjadi mahal kerana terpaksa melalui orang tengah. Saya difahamkan isu ini hanya berlaku di Kuala Krai sahaja. Apakah benar? Mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, Butiran 020100 – Agensi Pengangkutan Awam Darat. Apakah perancangan kerajaan untuk membantu pemandu teksi yang semakin lesu terutama bagi negeri Kelantan? Adakah terdapatnya pemberian khas? Contoh boleh saya sebut di sini ialah bantuan tayar secara percuma dan sebagainya untuk pemandu teksi. Kebanyakan pemandu teksi ini di kalangan warga pencen. Pencen tentera ataupun lain-lain lagi yang terpaksa bekerja untuk mencari sesuap nasi.

Butiran terakhir, Tuan Pengerusi, ialah Butiran 020600 – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam. Soalan saya yang ingin saya kemukakan ialah adakah kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan perundingan dengan pihak syarikat penerbangan awam bagi memperkenalkan takaful penumpang selain insurans konvensional sebagai alternatif untuk pengguna yang menaiki penerbangan awam? Saya rasa sudah sampai masanya pengguna diberi pilihan sebagaimana insurans kereta dan motor. Saya yakin pengguna Muslim akan memilih takaful kerana ia bertepatan dengan syariat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Ledang.

12.33 tgh.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera Yang Berhormat Menteri dan rakan-rakan Ahli Dewan yang saya muliakan.

Saya ingin memfokuskan menumpukan lebih kepada perbelanjaan pembangunan kerana dalam perbelanjaan ataupun Belanjawan 2021, saya lihat ada peningkatan daripada anggaran tahun 2020 sebanyak RM1.85 bilion kepada RM4.17 bilion. Justeru, saya ingin sentuh beberapa perkara berkenaan dengan pembangunan.

Pertama ialah Butiran 01600 – Pembelian Rolling Stock KTMB. Dalam perbelanjaan yang telah ditunjukkan ini, kita ada peningkatan daripada RM164 juta kepada RM340 juta. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Mengapakah peruntukan untuk butiran ini agak besar jumlahnya? Ini kerana seperti yang dilaporkan, KTMB ingin memperoleh *rolling stock* tanpa penggunaan dana daripada kerajaan. Maksudnya, KTMB dikatakan ingin melaksanakan model pembiayaan *private financing initiative*, skim tender terbuka kepada pihak swasta. Jadi apakah sebabnya butiran ini jumlahnya besar?

Kedua ialah berkenaan dengan Butiran 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTMB. Dalam perbelanjaan untuk tahun 2021, ada pengurangan daripada RM3.49 bilion kepada RM2.62 bilion. Saya mohon penjelasan daripada Menteri berkenaan dengan kewajaran peruntukan ini pula dikurangkan. Kita sedia maklum bahawa kerajaan juga pada waktu ini sedang menanggung *funding gap* KTMB dengan peruntukan sebanyak RM150 juta. Namun, minta kerajaan untuk teliti semula peruntukan untuk KTMB.

Saya difahamkan bahawa kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan yang banyak dalam keadaan kewangan KTMB yang dikatakan sekarang kritikal akibat daripada COVID-19. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan mewujudkan satu pelan khusus untuk menangani masalah kewangan memandangkan kerajaan mengeluarkan peruntukan besar untuk KTMB supaya kita dapat memperkasakan perkhidmatan KTMB dan sekali gus boleh membantu rakyat.

Perkara yang ketiga ialah berkenaan dengan Butiran 60000 – Pengangkutan Awam Bandar. Tadi juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Seremban berkenaan dengan perincian berkenaan dengan butiran ini kerana ada pertambahan peruntukan yang besar daripada RM13 juta kepada RM521 juta. Saya ingin bertanya, adakah pengangkutan awam luar bandar ini tidak diberikan perhatian? Ini kerana ini pengangkutan awam bandar tetapi adakah pengangkutan awam luar bandar tidak diberikan perhatian? Ini kerana tiada butiran dalam anggaran kementerian berkenaan dengan pengangkutan awam luar bandar.

Saya ada pengalaman. Saya menaiki Bas Muafakat Johor iaitu di bawah negeri. Saya lihat ada banyak manfaatnya supaya ada juga peruntukan diberikan kepada pengangkutan awam luar bandar terutamanya untuk membantu rakyat yang menghadapi masalah dari segi pengangkutan.

Seterusnya, ingin bertanya juga, adakah peruntukan ini termasuk peruntukan untuk pembangunan pengangkutan awam *e-hailing*? Saya ingin Menteri menjelaskan pendirian kerajaan dalam isu yang telah dibangkitkan kepada saya berkenaan dengan *wrongful termination* pemandu *e-hailing* oleh syarikat *e-hailing*. Ada berlaku perkara ini, untuk makluman Yang Berhormat Menteri. Memandangkan mereka ini tiada medium khusus untuk pemandu membawa masalah ini dan tidak ada usaha-usaha tindakan undang-undang, malah tindakan undang-undang itu akan memakan kos belanja, jadi apakah ruang untuk mereka ini mendapatkan pembelaan?

Perkara yang seterusnya ialah Butiran 031400 – Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti. Terdapat pengurangan dari segi peruntukan ini daripada RM98 juta kepada RM80 juta. Walaupun jumlah pengurangan ini saya lihat tidak signifikan tetapi bukankah kumpulan ini ialah antara yang memerlukan sokongan bantuan kerajaan dalam pemulihan operasi? Saya mohon dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dan yang terakhir ialah Butiran 031500 – Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti. Ini tidak ada penambahan ataupun pengurangan. Peruntukan ini nampaknya sama. So, saya mohon penjelasan juga daripada pihak Menteri. Apakah peruntukan bagi program ini memadai memandangkan tiada penambahan kepada peruntukan? Adakah kerajaan mempertimbangkan perluasan program transformasi ini untuk perkhidmatan bas termasuk untuk kawasan luar bandar? Saya juga kawasan luar bandar. Kawasan Ledang kawasan luar bandar. Adakah disediakan untuk perkhidmatan ini bagi kawasan luar bandar yang ada juga banyak penduduk?

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jelebu.

12.38 tgh.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh Butiran 031300 – Emolumen Kakitangan Kontrak SPAD. Antara perkara terawal, Tuan Pengerusi, yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan dahulu ialah memansuhkan atau membubarkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Pada bulan Jun, SPAD telah dibubarkan dan digantikan dengan APAD atau Agensi Pengangkutan Awam Darat.

Hampir tiga tahun SPAD ini dimansuhkan, masih ada butiran emolumen kakitangan kontrak SPAD ini dalam perbelanjaan mengurus Kementerian Pengangkutan. Bahkan peruntukan yang diberikan pada tahun 2021 meningkat sebanyak lebih RM15 juta.

Persoalan saya, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, mengapakah berlaku peningkatan terhadap butiran ini? Siapakah kakitangan kontrak SPAD yang terlibat dan berapakah jumlah keseluruhan mereka yang terlibat? Apakah status sebenar pemansuhan SPAD ini? Adakah telah selesai 100 peratus ataupun masih dalam tempoh pemansuhan secara berkala?

Daripada keseluruhan, Tuan Pengerusi, jumlah kakitangan SPAD yang terlibat, yang ada dahulu, berapakah jumlah kakitangan yang diserapkan di dalam APAD dan berapakah jumlah kakitangan yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka? Berapakah kos sebenar perbelanjaan yang telah dikeluarkan dalam proses penukaran SPAD kepada APAD ini?

Tuan Pengerusi, Butiran 040600 – Perbicaraan Nasional MH17. Sedikit tentang perbicaraan nasional MH17. Jumlah peruntukan RM23.320 juta. Enam tahun tragedi MH17 mengemparkan negara. Pesawat Malaysia Airlines dalam perjalanan Amsterdam ke Malaysia yang telah ditembak pada 17 Julai 2014 di kawasan bergolak Ukraine dan Rusia.

■1240

Persoalan yang ingin saya timbulkan ialah saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah perkembangan terkini penyiasatan dan perbicaraan kes MH17 ini dan sejauh manakah Malaysia diberikan peluang untuk memainkan peranan dalam penyiasatan dan pendakwaan ini?

Terdapat beberapa dakwaan yang menyatakan bahawa Kerajaan Rusia cuba hendak campur tangan di dalam kes ini dengan menggunakan kuasa veto mereka dalam PBB untuk menggagalkan dan mengganggu proses penyiasatan. Sejauh manakah kebenaran dakwaan ini? Juga, bagaimanakah hubungan antara Kerajaan Malaysia dan Rusia selepas kes ini berlaku dan bagaimana pihak Kementerian Luar Negeri khususnya Wisma Putra memainkan peranan dalam membantu kes ini?

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Jelevu, sedikit. Batu Kawan di sini.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terpulang kepada Yang Berhormat Jelevu hendak bagi masa atau tidak.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sedikit sahaja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: Masa tidak banyaklah. Minta tolong...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sedikit mengenai isu yang sama, Yang Berhormat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: Sekejap, sekejap. Saya habiskan dahulu.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Baik.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: Butiran 050200 – Perolehan Peralatan Penguatkuasa. Tuan Pengerusi, dalam Butiran ini, hanya RM500,000 diperuntukkan untuk *enforcement* atau pegawai penguat kuasa. Saya hendak jelaskan, berapa banyak sangat perkara atau pembelian yang boleh dibenarkan dengan jumlah peruntukan yang begini kecil.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya kesemua pegawai penguat kuasa Kementerian Pengangkutan, JPJ ini, dilengkapi dengan *bodycam* seperti mana yang dilakukan oleh banyak penguat kuasa di negara-negara barat. Ini kerana *bodycam* ini, Tuan Pengerusi, boleh dijadikan sebagai satu bahan rujukan apabila adanya dakwaan-dakwaan daripada pihak *netizen* ataupun pihak *public* yang mempertikaikan kes-kes yang melibatkan integriti pegawai-pegawai penguat kuasa.

Butiran 60000 – Pengangkutan Awam Bandar. Tuan Pengerusi, peruntukan dalam Butiran ini sebanyak RM521 juta. Saya ingin mengemukakan tentang beberapa rungutan pengusaha-pengusaha bas pelancongan, pengusaha-pengusaha bas persiaran yang mengalami tekanan ekonomi yang sangat serius sekarang kerana mereka terlibat dengan *loan* dan juga tempoh pinjaman dengan pusat-pusat kredit yang tidak terlibat dengan moratorium yang dibenarkan oleh kerajaan.

Jadi saya hendak minta, apakah tindakan kementerian untuk membantu mereka? Yakni kalau boleh saya cadang supaya *loan* mereka ini, pinjaman mereka ini dipindahkan daripada pusat kredit kepada SME, umpamanya, di bawah kementerian yang lain. Ataupun adakah perancangan daripada pihak Kementerian Pengangkutan mengadakan kolaborasi untuk mengubahsuai atau menyelaraskan *loan-loan* mereka bagi membantu pengecilan tekanan ekonomi yang dialami oleh pengusaha-pengusaha bas ini, Tuan Pengerusi?

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sedikit, sedikit.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ya, Yang Berhormat Jempol. Cepat-cepat.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih, Yang Berhormat Jelebu. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Jelebu, adakah kementerian bercadang untuk memperkenalkan elaun sara hidup bantuan bulanan RM500 kepada teksi, kereta sewa di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak? Ini kerana mereka ini terjejas teruk. Oleh kerana yang dahulunya masa pakej PENJANA, mereka dapat RM600 pada 33,000 pemandu teksi, kereta sewa dan pelancongan.

Jadi yang keduanya, mereka ini pinjam kereta di syarikat kredit pun terlibat secara langsung dalam soal ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, dimasukkan dalam teks ucapan saya.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh tentang Butiran 020600 – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia. Untuk rekod, Tuan Pengerusi, AirAsia telah menamatkan 10 peratus kakitangan daripada 24,000 kakitangan mereka. Malindo juga telah menamatkan kakitangan mereka sekitar 2,200.

Pertanyaan saya kepada pihak kementerian, apakah bentuk bantuan ataupun langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan segala kebajikan mereka-mereka yang telah diberhentikan daripada syarikat penerbangan ini untuk mereka meneruskan kehidupan mereka? Ini kerana ramai di kalangan mereka adalah golongan muda yang telah tidak mempunyai punca pendapatan.

Kedua, Tuan Pengerusi, adakah segala bentuk pampasan yang harus mereka peroleh telah dilaksanakan dan ditunaikan serta dilunaskan oleh syarikat-syarikat berkenaan? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Sepang.

12.44 tgh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan terus kepada Butiran 031400 – Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti (ISBSF). Kita tahu dalam peruntukan ini dikurangkan sebanyak RM18 juta daripada RM98 juta kepada RM80 juta sahaja.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Kita tahu bahawa syarikat bas henti-henti ini ketika tidak ada COVID-19 pun mereka sudah berasa susah kerana banyak persaingan daripada *e-hailing*, daripada LRT dan sebagainya. Jadi sekarang ini dengan dikurangkan peruntukan kepada mereka, adakah Yang Berhormat merasakan ini satu penderaan kepada mereka?

Sebab kalau kita lihat, sebagai contoh, laporan *Harian Metro* 28 Januari 2020, "*Perkhidmatan bas henti-henti di Kelantan lumpuh*". Dalam keadaan kebetulan di Kelantan Kerajaan Negeri Kelantan boleh naikkan gaji kepada para Exco di sana, syarikat bas henti-henti lumpuh. Jadi macam mana Yang Berhormat merasakan bila diturunkan kepada RM80 juta ini, adakah mereka tidak akan merana?

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Sepang.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Silakan Yang Berhormat dari Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat ini, apa kaitan soal dana bas henti-henti ini lumpuh dengan kenaikan gaji ADUN dan juga Exco di negeri Kelantan? *[Tepuk]* Apa kena-mengena Yang Berhormat *dok* kait ini? Nanti nak kena maki pula. Nanti mereka kata mabuk minum sebotol, mabuk tiga pula. *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Ketawa]* Saya jadikan ucapannya sebagai ucapan saya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Sepang, boleh saya mencelah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Akan tetapi, saya rasa kaitannya beginilah. Dalam keadaan orang susah, kenapa ada orang boleh dapat gaji naik? Itu sahaja sebenarnya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Siapa?

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Izinkan Simpang Renggam.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Simpang Renggam, silakan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tuan Pengerusi, berkaitan dengan bas henti-henti yang mengalami masalah, saya juga ingin menarik perhatian kementerian terhadap satu lagi golongan yang menghadapi masalah di kala pandemik ini iaitu pengusaha kereta sewa dan juga teksi.

Saya telah sempat bertemu dengan persatuan kereta sewa dan sebagainya terutama yang berada di pekan, di desa dan di luar bandar. Mereka amat terkesan. Jadi, mereka minta disampaikan kepada kementerian supaya adanya diusahakan *one-off* insentif kepada mereka seperti mana diberikan kepada nelayan dan juga pihak-pihak lain. Itu yang pertama.

Kedua, mereka juga minta agar diusahakan bersama di antara Kementerian Pengangkutan dengan Kementerian Pelancongan, kerana pelancongan sekarang sedang menggalakkan pelancongan lokal, supaya adanya usaha bersama dengan pengusaha-pengusaha teksi dan kereta sewa supaya insentif boleh diberikan kepada mereka yang di waktu ini begitu tersepit. Terima kasih, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih, Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya mohon supaya ucapan beliau itu dijadikan sebagai sebahagian ucapan saya.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, dalam *website* portal rasmi APAD ataupun Agensi Pengangkutan Awam Darat tentang bas henti-henti ini, dikatakan, "*Diwujudkan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bas dan menggalakkan rakyat menggunakan bas sebagai mod pengangkutan yang berkesan*". Jadi, Yang Berhormat, saya hendak tanya, adakah dengan kita mengurangkan bantuan ini, kita boleh mencapai matlamat yang digariskan dalam portal rasmi ini?

Saya rasa, Yang Berhormat, memang bas pengangkutan henti-henti ini sebenarnya merana. Bukan sahaja bas ini, sekarang ini umumnya mana-mana syarikat bas, bas sekolah kah, bas pelancongan, secara umumnya semuanya mengalami masalah. Jadi dalam kaitan bas henti-henti ini, lagilah mereka mengalami masalah yang paling besar.

Jadi, saya mengharapkanlah kalau boleh, Yang Berhormat, saya tidak tahulah sama ada adakah boleh ditambah lagi atau tidak, tetapi bermakna sesuatu harus dibuat untuk membantu pengusaha bas henti-henti ini kerana mereka memang menghadapi masalah, Yang Berhormat. Mereka akan berjumpa dengan Ahli Parlimen untuk bertanya macam manakah cara untuk mereka ditolong. Jadi saya harap Yang Berhormat mengambil prihatin yang lebih ke atas nasib mereka ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Sibuti.

12.49 tgh.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus pergi ke Maksud Bekalan 28 Butiran 010200 – Maritim. Saya ingin membangkitkan berkenaan isu dan juga keluhan dari Sarawak berkenaan Notis Perkapalan Malaysia (MSN) 16/2020 yang menyatakan bahawa kapal tangki *single hull single bottom* yang berdaftar di bawah bendera Malaysia adalah tidak dibenarkan membawa minyak sebagai kargo tanpa mengira umur kapal.

■1250

Pemain industri seperti *Sarawak Association of Marine Industries* (SAMIN) dan juga *Sabah Shipowners Association* telah menyatakan kerisauan sebanyak 119 buah kapal yang terlibat di bawah persatuan memandangkan kerajaan telah mengenakan larangan untuk *single hull, single bottom ship* ini untuk membawa kargo-kargo terutama sekali minyak di sungai-sungai dan juga di kawasan persisiran pantai.

Saya berharap agar pihak kementerian menyatakan satu pandangan ataupun pendirian untuk memberi pengecualian kepada pemain-pemain industri perkapalan ini kerana mereka membawa bekalan kargo untuk keperluan masyarakat terutama sekali bekalan minyak dan juga terlibat di dalam industri sawit.

Selain daripada itu, saya ingin pergi ke butiran pembangunan iaitu Maksud Pembangunan 28, Butiran 60000 – Pengangkutan Awam Bandar. Beberapa tahun yang lepas Kerajaan Negeri Sarawak bermula dari tahun 2017, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak menyatakan hasrat untuk Sarawak membangunkan sistem pengangkutan awam berdasarkan *rail* ataupun LRT.

Telah diputuskan oleh kerajaan Sarawak untuk membangunkan ART sebagai teknologi yang akan diguna pakai. Walaupun demikian, saya merasakan pihak Kerajaan Persekutuan tidak memberi fokus yang khusus bagi membantu Kerajaan Negeri Sarawak untuk membantu pembangunan pengangkutan awam *rail* di Sarawak.

Walaupun demikian, saya telah menyemak di bawah peruntukan Perlembagaan di bawah Artikel 74 dan juga *Ninth Schedule, list 10(b)* telah menyatakan bahawa pembangunan *railway* ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa yang penuh untuk memutuskan bagi pembangunan dan juga penyelidikan pembangunan *railways* ini dengan izin di Sarawak, dengan peruntukan kuasa di bawah Akta Railway 1991 di bawah seksyen 1(1).

Dengan ini saya memohon agar pihak kerajaan melalui peruntukan yang besar saya lihat di bawah pengangkutan bandar ini supaya kerajaan negeri Persekutuan dapat membantu Kerajaan Negeri Sarawak untuk serba sedikit berkongsi maklumat ataupun teknologi-teknologi dan juga memberi peruntukan bagi menambah peruntukan yang telah disediakan oleh kerajaan negeri.

Ini akan meningkatkan lagi industri pengangkutan awam di seluruh negara dan juga saya berharap dengan Butiran 60000 ini tidak memberi fokus hanya untuk pembangunan awam bandar ataupun terlalu Kuala Lumpur *centric*. Saya berharap agar peruntukan bajet ini dapat disalurkan ke pembangunan awam bandar dan juga luar bandar seperti apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Ledang.

Selain daripada itu, saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Jempol berkenaan tentang Butiran 031400 – Program Dana Bantuan Sementara Bas Berhenti-henti (ISBSF) ini. Saya banyak menerima keluhan daripada pemandu-pemandu teksi dan juga bas-bas sewa daripada kawasan luar bandar berkenaan tentang keperluan kerajaan sekurang-kurangnya memberi *one-off* bantuan di dalam Belanjawan 2021 ini. Seperti apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam sebentar tadi.

Kebanyakan mereka yang baru-baru sahaja membeli van sewaan ini terpaksa menanggung bebanan untuk membayar bulanan bas ataupun van-van sewaan ini. Maka, saya menyeru sekali lagi kerajaan mempertimbangkan agar dapat satu bantuan *one-off* kepada pemandu teksi ini.

Terakhir sekali adalah berkenaan tentang Butiran 031500 – Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti (SBST). Terdapat peruntukan sebanyak RM48 juta. Walaupun demikian, saya ingin bertanya berkenaan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan berkenaan tentang sokongan terhadap bas hidrogen di Sarawak. Adakah peruntukan ini dapat diguna pakai bagi membantu pembangunan gas hidrogen di Sarawak? Itu sahaja terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kalabakan.

12.54 tgh.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020400 – Lembaga Pelesenan Kendaraan Perdagangan Sabah. Julai lepas anggota polis dari Balai Polis Kalabakan dan Batalion Ke-14 Kompeni B telah memberkas seramai 11 orang pendatang tanpa izin yang diangkut oleh sebuah van sekolah melalui jalan laluan tikus.

Pendatang yang tidak mempunyai dokumen pendaftaran diri tersebut disyaki diangkut dari sebuah ladang kelapa sawit di Kalabakan, dua warga tempatan diberkas. Penglibatan dua pemandu van sekolah tersebut dikhuatiri berpunca daripada tekanan kehidupan mereka untuk mencari sumber kewangan.

Susulan daripada kejadian tersebut, soalan saya apakah bentuk pemantauan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Lembaga Pelesenan Kendaraan Perdagangan Sabah dalam mengekang kegiatan memperdagangkan pendatang tanpa

izin yang sudah tentu didalangi oleh pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan atas kesempatan hidup pengusaha dan pemandu bas sekolah yang berlesen?

Dengan wujudnya Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang membolehkan mereka bekerja di sektor perladangan dan pembangunan, apakah strategi penguatkuasaan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah bagi menghalang sebarang bentuk *invisible mobility* pendatang tanpa izin yang tidak mengikut prosedur-prosedur tertentu yang ditetapkan oleh Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tersebut untuk bekerja di ladang sawit dan getah di seluruh Sabah?

Apakah bentuk penguatkuasaan bersepadu antara LPKP Sabah dan ESSCOM serta pihak-pihak penguat kuasa tempatan lain yang akan diberi penekanan dalam menghalang penglibatan pengusaha-pengusaha mahupun pemandu-pemandu kenderaan penumpang seperti van kilang yang dipergunakan oleh pihak tertentu khususnya tauke ladang untuk mengangkut PATI dari sempadan perairan?

Di samping bantuan sebanyak RM600 BPN yang memanfaatkan kepada kira-kira sebanyak 350 pemandu bas di Sabah, apakah pelan perancangan LPKP untuk tahun 2021 dalam memastikan penutupan sekolah dan kesuraman sektor pelancongan disebabkan COVID-19 bukanlah penamat kepada kelangsungan pemandu kenderaan awam. Khususnya van sekolah dan bas pelancong?

Selanjutnya, saya ingin menyentuh Butiran 031200 – Penyelenggaraan Sistem AwAS. Sejak Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AwAS) mula-mula diperkenalkan ketika zaman pemerintahan Barisan Nasional, tiada satu pun kamera AwAS dipasang di jalan raya Sabah. Seperti yang diakui oleh bekas Menteri Pengangkutan Yang Berhormat Seremban, kos pemasangan sebuah kamera AwAS dianggarkan sekitar RM250 ribu.

Tiada pemasangan kamera AwAS baharu dibuat semasa Kerajaan Pakatan Harapan. Perjanjian MOT ketika zaman Barisan Nasional dengan syarikat yang dipilih untuk kerja-kerja pemasangan AwAS adalah diragui. Adakah penurunan sebanyak RM1.04 juta bagi peruntukan itu bermaksud kamera AwAS yang sedia ada akan dikurangkan?

Jika ya, adakah kementerian berhasrat untuk membuat pemasangan kamera AwAS di jalan-jalan bandar di negeri Sabah khususnya yang kerap direkodkan kes kemalangan? Jika tidak, apakah sistem berteknologi yang akan dilaksanakan oleh kementerian dalam mewujudkan sebuah pemantau trafik yang bersifat automatik seperti AwAS di jalan-jalan bandar di negeri Sabah?

Siapakah pihak yang akan mengaudit setiap kerja penyelenggaraan kamera AwAS? Apakah jaminan kementerian, pengauditan yang dijalankan oleh pihak tersebut

betul-betul terus dan tidak dipengaruhi oleh Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri atau mana-mana pihak yang berpengaruh?

Bagaimanakah pemilihan atau pelantikan pelaksana atau kontraktor penyelenggara dibuat dan apakah proses-proses pemilihan yang perlu dilalui oleh mana-mana kontraktor yang ingin menamatkan khidmat dalam kerja-kerja penyelenggaraan?

Selanjutnya saya ingin menyentuh Butiran 01400 – Projek Pembaikan Keretapi Negeri Sabah. Peningkatan peruntukan sebanyak RM13 juta berbanding tahun 2020, disebabkan banjir besar di Sabah Jun lalu, laluan kereta api dari Tenom ke Halogilat ditutup sementara disebabkan kerosakan landasan yang teruk.

Ada perancangan daripada Kerajaan Negeri Sabah pimpinan Warisan pada waktu itu untuk membina laluan kereta api dari Kota Kinabalu ke Kudat. Apakah bentuk penambahbaikan landasan-landasan kereta api Sabah yang akan dilaksanakan pada tahun 2021? Lebih-lebih lagi dalam meningkatkan aspek keselamatan dan *operational efficiency* supaya tidak lagi berlaku kerosakan landasan seperti yang terjadi ketika banjir besar pada pertengahan tahun lalu?

Apakah perancangan strategi kementerian dalam menjadikan sistem kereta api yang sedia ada di Sabah mampu beroperasi, bukan sahaja untuk membawa penumpang malahan muatan kargo khususnya produk-produk perkilangan yang mengalami kesukaran untuk dibawa melalui pengangkutan darat? Apakah bentuk sokongan daripada kementerian bagi menjayakan pembinaan kereta api Kota Kinabalu ke Kudat seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Sabah sebelum ini?

■1300

Adakah kementerian akan memanfaatkan peruntukan bagi butiran ini untuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan sebelum apa jua projek pembinaan landasan kereta api Sabah dimulakan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Rompin.

1.00 tgh.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan Butiran 06000 – Pembaikan dan Pembinaan Jeti di pulau-pulau dan juga di muara-muara sungai. Kita dapati di pulau-pulau, jeti merupakan kemudahan pengangkutan yang sangat penting. Bukan sahaja kepada orang awam, tetapi juga kepada pelancong-pelancong yang datang ke pulau-pulau, terutamanya dalam kawasan saya di Pulau Tioman.

Saya ingin tahu kedudukan projek-projek yang telah diluluskan dahulu dan dalam proses tender tetapi telah dibatalkan bila kerajaan Pakatan Harapan berkuasa, iaitu pembinaan jeti di Kampung Salang, Pulau Tioman, pembaikan jeti di Kampung

Juara dan pembinaan jeti di Kampung Mukut. Pulau Tioman, industri pelancongan adalah sangat penting bagi masyarakat Pulau Tioman. Jadi kalau tanpa pembinaan jeti yang mempunyai standard piawaian yang baik, ia boleh menyebabkan keselamatan bukan sahaja kepada masyarakat setempat, tetapi juga pelancong-pelancong. Pernah beberapa kali pelancong-pelancong tersepit kakinya ataupun keadaan disebabkan oleh penyelenggaraan jeti yang begitu lemah.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Saya mencadangkan supaya semua jeti-jeti di pulau-pulau di seluruh negara harus diselaraskan semuanya harus di bawah Jabatan Laut. Jangan ada jeti negeri, jeti majlis daerah dan kemampuan untuk negeri menyelenggarakan jeti memanglah terhad. Kalaulah semua pembinaan jeti-jeti diletakkan di bawah penyeliaan Jabatan Laut, ia akan memudahkan Kementerian Pengangkutan untuk membuat peruntukan penyelenggaraan bagi setiap tahun.

Kalau kita lihat pada tahun hadapan, hanya RM16 juta sahaja diperuntukkan untuk menyelenggarakan jeti di seluruh Semenanjung. Gambarkanlah berapa ratus jeti ada dalam seluruh negara? Jumlah RM16 juta adalah satu peruntukan yang sangat-sangat kecil jika dibandingkan dengan kewujudan keseluruhan jeti-jeti.

Di Pulau Tioman sahaja ada lima buah jeti, ini masuk lagi Pulau Rawa dan beberapa lagi pulau-pulau lain. Kedua ialah penyelarasan dari segi kadar tiket pengangkutan laut. Saya ingin tahu sama ada semacam kawalan ataupun semacam kadar yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Maksudnya pengusaha-pengusaha feri tidak sewenang-wenangnya meletakkan harga bagi pengangkutan jeti, pengangkutan laut. Ianya mestilah diluluskan sama ada oleh Jabatan Laut ataupun Kementerian Pengangkutan untuk meletakkan kadar tambang. Umpamanya daripada Mersing ke Pulau Tioman, berapa kadarnya, daripada Tanjong Gemok ke Pulau Tioman, berapa kadarnya. Ia mestilah ditetapkan, sesuai dengan kadar-kadar tertentu umpamanya ke Langkawi dan sebagainya. Jadi saya harap tiket-tiket tambang ini mestilah sentiasa di bawah kawalan Jabatan Laut ataupun Kementerian Pengangkutan itu sendiri. Itu sahaja yang saya hendak bangkitkan dalam Butiran 06000. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tanjong. Sila Yang Berhormat Tanjong.

1.05 tgh.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang B.28 – Agensi Pengangkutan Awam Darat iaitu khususnya berhubung dengan projek LRT Bayan Lepas yang mana Yang Berhormat Menteri pun ada pengetahuan. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas kelulusan bersyarat bagi jajaran Komtar ke Lapangan Terbang Bayan Lepas.

Akan tetapi masih ada beberapa isu teknikal untuk dimuktamadkan. Apakah dasar pengangkutan awam negara pada hari ini? Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjawab iaitu berhubung dengan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek *rail* yang kita nampak banyak projek *rail* di Lembah Klang dibiayai atau disokong oleh Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi, di negeri Pulau Pinang projek LRT Bayan Lepas, tidak pula dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri, apakah syarat untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan membiayai projek berkenaan? Apakah pendirian kementerian tentang permohonan kerajaan negeri untuk melaksanakan projek ini di bawah RMKe-12, yang mana banyak kali dalam *stakeholder engagement* kerajaan negeri dengan kerajaan-kementerian di Persekutuan perkara ini telah pun dikemukakan.

Tambahan pula berhubung dengan permohonan kerajaan negeri untuk mendapat sokongan Kerajaan Persekutuan bagi membenarkan kerajaan negeri mendapat pinjaman atau mengeluarkan bon bagi tujuan *bridging finance* bagi projek ini. Akan tetapi, tidak disokong oleh Kerajaan Persekutuan.

Di satu tangan Kerajaan Persekutuan tidak membiayai tetapi dalam tangan yang lain tidak memberi sokongan kepada kerajaan negeri untuk membiayai dengan sendirinya melalui *bridging finance* dan juga tambakan pulau-pulau di bahagian selatan, Pulau Pinang. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat juga memberi jawapan kepada isu ini.

Satu lagi isu Tuan Pengerusi, P.28 Butiran 60000 – Pengangkutan Awam Bandar. Saya melihat perkhidmatan feri negeri Pulau Pinang pun satu jenis pengangkutan awam bandar. Kita sedia maklum bahawa Kerajaan Persekutuan telah memutuskan bahawa perkhidmatan feri di ambil alih oleh Penang Port Sdn. Bhd.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri ada mesyuarat dengan pihak kerajaan negeri dan juga mewajibkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Penang Port Sdn. Bhd. untuk *engage* dengan pihak kerajaan negeri tentang perkembangan terakhir rancangan untuk perkhidmatan feri yang baharu bagi menggantikan feri yang sedia ada. Untuk makluman Dewan, pihak berkenaan telah pun memberi makluman dan taklimat kepada pihak kerajaan negeri pada minggu yang lepas dan isu yang dibangkitkan ialah

feri yang ikonik itu akan ditamatkan dan digantikan oleh katamaran sahaja yang tidak ada ruang untuk kenderaan-kenderaan seperti sedia kala.

Jadi ini akan menimbulkan satu isu yang besar yang mana kenderaan yang sedia ada menggunakan feri perlu menggunakan Jambatan Pulau Pinang. Cuma motosikal *trishaw* dibenarkan dalam perkhidmatan *transporter* yang akan dilaksanakan mulai pertengahan tahun 2022.

■1310

Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri akan menilai semula dan membenarkan feri yang sedia kala dibina semula dengan baharu supaya kenderaan yang menggunakan feri itu dapat menggunakan feri yang baharu yang bakal dipesan oleh kementerian ataupun Penang Port Sdn. Bhd. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Yang Berhormat sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab selama 15 minit, sila Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

1.10 tgh.

Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada sembilan orang Ahli Yang Berhormat serta tiga orang lagi yang telah mencelah semasa perbahasan berkaitan dengan bidang kuasa dan perbelanjaan Kementerian Pengangkutan. Untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah diberi kepercayaan untuk terus menjadi pemangkin pembangunan negara dengan memperkasakan sistem pengangkutan bagi sektor darat, udara dan maritim berteraskan teknologi.

Oleh itu melalui Bajet 2021, MOT telah diperuntukkan bajet sebanyak RM6.052 bilion yang meliputi perbelanjaan mengurus yang berjumlah lebih kurang RM1.877 bilion atau 31 peratus dan perbelanjaan pembangunan yang berjumlah lebih kurang RM4.175 bilion atau 69 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan. Peruntukan yang diluluskan dalam Bajet 2021 meningkat sebanyak 67.5 peratus berbanding Bajet 2020 yang berjumlah RM3.614 bilion. Bagi perbelanjaan mengurus, peruntukan yang diluluskan meningkat sebanyak 6.7 peratus iaitu daripada RM1.758 bilion kepada RM1.877 bilion. Manakala, perbelanjaan pembangunan meningkat sebanyak 125 peratus iaitu daripada RM1.855 bilion kepada RM4.174 bilion.

MOT percaya peningkatan Bajet 2020, MOT ialah untuk selaras dengan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 yang telah dilancarkan yang menjadi teras pembangunan pengangkutan yang mampan dan efisien. Teras dua, Dasar Pengangkutan Negara iaitu mengoptimumkan pembangunan, membina dan menyelenggarakan infrastruktur rangkaian perkhidmatan untuk memaksimumkan

kecekapan bertujuan mewujudkan kemudahan rangkaian pengangkutan pelbagai mode dan mengukuhkan rejim penyelenggaraan infrastruktur pengangkutan.

Di bawah perbelanjaan mengurus, lebih kurang RM729 juta atau 38.8 peratus diperuntukkan untuk pengoperasian agensi-agensi MOT dan juga pelaksanaan subsidi-subsidi. Sebanyak RM597 juta atau 31.8 peratus untuk tujuan perkhidmatan dan bekalan. Lebih kurang sejumlah RM547 juta atau 29.2 peratus bagi pembayaran emolumen dan baki selebihnya digunakan untuk pembelian aset dan lain-lain pembayaran seperti cukai dan sebagainya. Sejumlah RM514 juta atau 27.4 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan mengurus MOT telah diperuntukkan bagi subsidi pengangkutan awam yang meliputi pengangkutan awam darat, rel dan udara antaranya Subsidi Perkhidmatan Luar Bandar (RAS) dan Subsidi Tren Tidak Ekonomi (TTE) seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai.

Subsidi ini bertujuan memastikan ke saling hubungan antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar untuk meningkatkan *accessibility* mobiliti dengan izin rakyat dan juga sebagai *catalyst* perkembangan aktiviti sosial ekonomi negara. MOT mendengar keluh kesah dan jerih perih rakyat mendepani cabaran kos hidup yang semakin mencabar. Subsidi pengangkutan awam juga bertujuan untuk mengurangkan beban kos hidup yang ditampung oleh rakyat dengan memastikan perkhidmatan pengangkutan tetap disediakan di kawasan-kawasan yang tidak menguntungkan syarikat pengendali melalui pelaksanaan Tren Tidak Ekonomik (TTE) berjumlah RM45 juta.

Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti (ISBSF) berjumlah RM80 juta. Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti (SBST) berjumlah RM48 juta. Insentif pas bulanan tanpa had My100, My50 berjumlah RM115 juta. Perkhidmatan tren Skypark Link berjumlah RM15 juta dan Pas Mutiara untuk warga Utara berjumlah RM2 juta. Di bawah perbelanjaan pembangunan pula, kementerian ini memastikan matlamat strategi Belanjawan 2021 akan dapat dicapai iaitu matlamat kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi. Khusus untuk projek pembangunan dalam Rolling Plan Pertama (RP1) tahun 2021 Rancangan Malaysia Ke-12, kementerian telah menerima peruntukan RM4.175 bilion.

Peruntukan tersebut adalah bagi pelaksanaan SEBANYAK 78 projek pembangunan yang merangkumi 20 projek baharu dan 58 projek sambungan. Sejumlah RM766 juta atau 18.35 peratus telah diperuntukkan untuk sebanyak 20 projek baharu dan RM3.409 bilion atau 81.65 peratus diperuntukkan untuk sebanyak 58 projek sambungan bagi memastikan semua projek pembangunan yang dirancang dan sedang berjalan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Melalui peruntukan ini pembangunan infrastruktur pengangkutan dapat diteruskan khususnya menyediakan sistem pengangkutan awam yang cekap dan berkesan.

Rakyat akan mendapat menggunakan perkhidmatan pengangkutan yang selesa dan boleh percaya (*reliable*) untuk semua sektor pengangkutan iaitu darat, udara dan maritim. Sehubungan itu, peruntukan perbelanjaan pembangunan di bawah kementerian ini sebanyak RM4.175 bilion terbahagi kepada lapan kategori seperti berikut; Pertama, projek rel kereta api telah diperuntukkan paling tinggi iaitu RM3.21 bilion 76.9 peratus bagi pelaksanaan projek-projek rel kereta api merangkumi kerja-kerja membaik pulih dan mengukuhkan Landasan Kereta Api Pantai Timur, meningkatkan keupayaan KTMB, Projek Pembaikan Kereta Api Negeri Sabah dan pembelian *rolling stock* KTMB.

Pengangkutan awam bandar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban dan beberapa orang lagi Yang Berhormat yang diperuntukkan sebanyak RM521 juta atau 12.48 peratus ialah untuk kerja-kerja pembinaan infrastruktur seperti RTS Link yang baharu sahaja dimeterai dengan pihak Singapura iaitu peruntukan sebanyak RM500 juta untuk tahun hadapan dan di samping itu bakinya 21 peratus adalah penyediaan fasiliti *park and ride* yang memberi keselesaan kepada pengguna pengangkutan awam yang mana projek itu sedang berjalan. Projek pengangkutan udara diperuntukkan sebanyak RM195 juta adalah bagi kerja-kerja pembinaan dan menaik taraf infrastruktur lapangan-lapangan terbang serta pembangunan dan menaik taraf sistem kawalan dan pengurusan trafik udara, komunikasi dan radar.

Projek pengangkutan laut telah diperuntukkan sebanyak RM148.5 juta untuk kerja-kerja pengerukan, untuk laluan pelayaran, kerja pembaikan, pembinaan jeti Jabatan Laut Malaysia, pembaikan pembinaan kompleks pejabat dan sistem peralatan Jabatan Laut Malaysia. Jadi seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rompin tadi yang mana peruntukan untuk kita menyelenggarakan jeti hanya RM16 juta dan di samping itu salah satu komponen yang paling besar ialah pengerukan. Saya memberi contoh kalau di Kuala Perlis kita memperuntukkan RM17 juta untuk kita buat kerja pengerukan (*dredging*) kerana disebabkan *siltation*.

Kalau tidak jeti itu tidak boleh digunakan. Begitu juga di jeti Kuala Kedah dengan RM19 juta, di Lumut dengan RM50 juta dan – RM39 juta dan di Sarawak RM50 juta. Ini ialah antara kerja-kerja pengerukan yang perlu kita buat disebabkan *siltation* yang begitu kerap sekali. Kelima, bangunan dan pentadbiran Kementerian Pengangkutan di peruntukan sebanyak RM55.8 juta menampung bayaran pembangunan kementerian agensi. Projek pembangunan jalan diperuntukkan RM25 juta untuk menaik taraf atau membina pejabat peralatan dan sistem pengkomputeran Jabatan Pengangkutan Awam, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Penyelidikan dan pembangunan kejuruteraan diperuntukkan sebanyak RM18 juta bagi projek cadangan pengguna *high speed weight emotion* untuk pengumpulan data kenderaan dan penguatkuasaan ke atas kesalahan lebihan muatan kenderaan berat secara automatik dan berterusan di pelbagai negeri.

■1320

Industrial Collaboration Programmed (ICP) Management Unit (IMU), Kementerian Pengangkutan diperuntukkan RM1.2 juta. Kementerian Pengangkutan akan mengenal pasti kaedah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek sambungan dan memastikan projek baharu dapat dilaksanakan pada tahun hadapan. Bagi menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat saya akan— satu persatu.

Yang Berhormat Seremban ada membangkitkan tentang RCVEP iaitu di bahagian utara. Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya untuk Zon Utara, kita memperkenalkan tetapi ia tidak dibuat secara *direct nego*. Ia akan dibuat secara RFP tender terbuka. Jadi, dalam kerja-kerja perancangan dan pelaksanaan akan dibuat pada tahun hadapan dan inilah peruntukan yang disediakan untuk kita memulakan RCVEP di peringkat utara. Mengenai peruntukan sebanyak RM6 juta RCVEP fasa satu selatan, ia adalah untuk bertujuan pembelian tag RFID untuk VEP iaitu pendaftaran VEP kenderaan Singapura.

Yang Berhormat Kuala Krai pula bangkitkan tentang CAAM. Perundingan takaful penumpang untuk penumpang penerbangan.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat. Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sekejap ya. Cadangan pengambilan insurans takaful atau konvensional adalah keputusan penumpang itu sendiri. Kerajaan menggalakkan semua penumpang untuk mencarum atau membeli insurans mengikut kemampuan dan jenis perlindungan yang dikehendaki.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ada soalan yang saya bangkitkan belum jawab lagi.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sekejap, sekejap. Saya tidak— sebab ia datang ini berlainan, saya akan jawab dalam Butiran dahulu, ada masa saya akan jawab yang lain. Yang Berhormat Jelebu ada bangkitkan tentang MH17. Oleh sebab dalam Butiran kita ada RM23.32 juta untuk kes perbicaraan yang sedang berlangsung. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita telah menanggung sebanyak 30 peratus daripada kos bicara iaitu berjumlah RM23 juta. Kita mahu memastikan siapa yang bersalah itu akan dituduh di mahkamah. Proses mahkamah ini masih berjalan dan ia pada mulanya pihak berkuasa Belanda melakukan penyiasatan melalui *Dutch Safety Board* untuk teknikal dan kemudian JIT untuk elemen jenayah. Kedua-dua ini sebenarnya dalam proses mahkamah. Tujuan kita untuk membelanjakan kos ini ialah kerana ini pesawat Malaysia. Kita hendak pastikan mereka yang melakukan kesalahan ini akan dihadapkan ke muka pengadilan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kemudian...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, boleh sikit Yang Berhormat?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Boleh.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, cuma mengenai MH17 tadi, saya hendak minta penjelasan kementerian tentang perbelanjaan RM23.320 juta ini untuk apa Yang Berhormat? Kedua Yang Berhormat Menteri, sekejap kerana tadi Yang Berhormat telah jelaskan tentang SPAD tadi. Ada atau tidak perancangan kementerian Yang Berhormat untuk mengecualikan bayaran PUSPAKOM, GDV, lesen untuk pemandu *e-hailing* ini? Mereka kehilangan pendapatan hampir 80 peratus Yang Berhormat. Kalau dapat kementerian bantu mereka yang terlibat, *e-hailing* dan sebagainya ini untuk diberi percuma PUSPAKOM, GDV dan sebagainya ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sekejap ya Yang Berhormat. Saya belum sampai yang itu Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri. Seperti juga isu *e-hailing* tadi, saya bawakan juga isu pemandu teksi dan kereta sewa, terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, tebal lagi ini. Saya cuba hendak jawab tadi fasal MH17 di Belanda. Jadi, ini APAD di Malaysia, selesaikan bab ini, RM23 juta ini kos guaman dan juga mahkamah. Seperti mana yang saya kata, 30 peratus itu ditanggung oleh Malaysia, inilah kos yang patut ditanggung oleh pihak Malaysia. Itulah peruntukan untuk tahun hadapan bagi tujuan ini.

Yang Berhormat juga membangkitkan soal bagaimana kita boleh membantu pengusaha atau pengoperasi pengangkutan awam. Kita mencuba sedaya upaya, pertama kita memperjuangkan mereka dapat bantuan *one-off*. Kalau pada mulanya hanya pemandu teksi dapat sebanyak RM600 dan kemudian kita perluaskan kepada pemandu *e-hailing*, mereka juga dapat RM500 dan kita bagi kepada semua. Selepas itu, kita dengar juga rayuan daripada pemandu bas, bas sekolah dan sebagainya. Ini kesemuanya juga kita beri secara *one-off*. Ada rayuan yang mana melalui wakil rakyat supaya ia dapat diberi secara bulanan seperti nelayan, saya rasa perkara ini perlu diangkat kepada pihak Kementerian Kewangan. Jadi, bukan pihak kementerian yang mampu kita boleh bagi sebegitu. Ini kerana kita ada cara lain, macam Kementerian Pengangkutan kita bantu macam mana? Kita telah meluluskan satu undang-undang COVID, di mana kita benarkan kenderaan ini diubah membawa barangan. Tidak ada masalah. Jadi, bukan sekadar membawa penumpang tetapi sebagai satu pengangkutan yang boleh membawa barangan untuk meringankan beban mereka. Itu tidak menjadi masalah.

Jadi, dari segi pemeriksaan PUSPAKOM, ia adalah satu badan yang telah diberi konsesi. Jadi, kalau mereka hendak buat secara CSR, saya tidak ada masalah.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Akan tetapi ini adalah...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: ...antara pihak PUSPAKOM dengan pihak *e-hailing*.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat, fasal bayaran PUSPAKOM, GDV dan sebagainya, lesen PSV sebagainya. Walaupun sudah diberi konsesi tetapi saya mencadangkan supaya pihak kementerian buat satu dasar supaya mereka yang terlibat dengan *e-hailing* dan sebagainya diberi pengecualian, Yang Berhormat. Oleh kerana ini merupakan satu perkara yang melibatkan ramai di kalangan mereka.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya ingin umumkan, untuk tempoh Covid ini, usia kenderaan-kenderaan awam saya lanjutkan secara automatik selama satu tahun. Bermaksud apa? Kalau dahulu, 10 tahun luput umur, tidak boleh pakai lagi, sekarang boleh dilanjutkan setahun. Kita akan melihat keadaan, ini sebagai satu contoh. Kalau tidak, mereka kena tukar, mereka tidak ada duit. Jadi, inilah kemampuan kementerian yang ada kita boleh buat, kuasa yang ada pada kita untuk lanjutkan usia ia. Kalau tidak dahulu, tertakluk kepada pemeriksaan yang lebih ketat tetapi sekurang-kurangnya kita lanjutkan usia untuk membantu mereka.

Saya rasa ramai pengusaha teksi faham dan saya kena beritahu Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai saman tadi. Sebenarnya ramai mungkin tidak tahu, kita telah memberi potongan diskaun sebanyak 70 peratus selama dua bulan. Kita lanjutkan sebanyak dua kali. Jadi, nampaknya sambutannya okey. Kenapa kita buat begitu? Saya sudah maklumkan Dewan yang mulia ini. Sebelum itu, saya dapati ada 300,000 orang, saman dia, dia tidak mampu bayar. Dia kata, 'saya hendak hantar barang makanan tetapi saya memohon *GrabFood* tidak boleh, lesen saya tidak boleh diperbaharui'. Apabila melihat keadaan ini semasa MCO, tidak mengapalah, kita bagi dia 70 peratus, kalau dahulu kena bayar saman sebanyak RM500, sekarang tinggal RM150, dia bayar, dia boleh menyara hidup. Jadi, atas dasar itu kita bantu. Jadi, dalam keadaan susah, kita membantu mereka, kita memberi pelepasan kepada mereka. Yang Berhormat minta 10 peratus iaitu diskaun 95 peratus, itu belum pernah kita buat. Akan tetapi kalau ada kes tertentu yang mendesak, kita akan bincang macam mana membantu tetapi kes *by keslah*. Kecuali, kes ini adalah dimasukkan ke mahkamah, itu tidak boleh. Jadi, saya rasa dalam keadaan ini, kita sedia membantu, kita mendengar rintihan mereka tetapi

biarlah satu kes yang *genuine* untuk kita bantu setiap pengusaha pengangkutan awam dalam kes ini.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, tambah sedikit.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Berkaitan dengan pengusaha bas tadi.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Saman, saman.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Pengusaha bas persiaran. Pengusaha bas pelancongan yang terlibat dengan *loan credit* tadi.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri .

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya minta Yang Berhormat— bersabar itu sebahagian daripada iman. Biar saya baca cepat-cepat. Supaya kita faham.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya sabarlah ni. *[Ketawa]*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, isu *e-hailing*.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey, Yang Berhormat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, sedikit... *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri saya— masa sudah tamat, perlu tambahan masa? Lima minit lagi. Saya boleh tambah masa.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, mengenai saman, bagi sedikit.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, sedikit mengenai *e-hailing*.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tidak mengapa. Kalau Yang Berhormat— saya tidak lari, selepas itu habis pun, bila-bila masa boleh cari saya.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bukan apa...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Cuma saya hendak baca mereka yang membahaskan...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, mengenai...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: ...kalau tidak beri jawapan, tidak elok.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: ...syarikat *e-hailing* yang menjalankan *business* mereka tanpa lesen perniagaan. Mereka ini merompak daripada duit halal syarikat *e-hailing* yang sah. Jadi, seperti kita lihat tahun lepas JPJ telah memberkas satu syarikat...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, ini tidak bangkit dalam perbahasan tetapi saya faham, Yang Berhormat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yes.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Bagi syarikat *e-hailing* yang melakukan kesalahan sebegitu, kita sedang ambil tindakan. Baru-baru ini tindakan telah diambil di bahagian utara, di Kuantan, kita sudah ambil tindakan terhadap syarikat-syarikat ini. Ini sangat penting...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, langkah pencegahan, saya hendak tahu langkah pencegahan. Oleh sebab JPJ memang mereka buat *road block* dan mereka cuba untuk...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sekejap, sekejap. Biar saya habiskan, Yang Berhormat. Saya hendak habiskan ini.

■1330

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta supaya Menteri habiskan dahulu jawapan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Padang Serai, tunggu Yang Berhormat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Ledang bangkitkan fasal RTS telah saya kata. Tadi yang kata *wrongful termination* ini, perkara ini boleh dirujuk kepada Kementerian Sumber Manusia. Sudah ada *precedent* sekarang dan yang mana kes itu dibawa ke mahkamah.

Kemudian Yang Berhormat Ledang ada membangkitkan tentang— perkara yang sama juga jawapan yang telah saya berikan kepada Yang Berhormat Seremban.

Kemudian, emolumen kakitangan kontrak SPAD, lanjutan kontrak dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022 selama dua tahun untuk 596 orang kakitangan yang terlibat.

Kemudian Yang Berhormat Jelevu juga bertanya fasal kes. Kes ini sudah dibincangkan tadi yang kes Belanda.

Kenapa peruntukan ISBSF dikurangkan? Ia dikarang berdasarkan kepada prestasi tuntutan dan pembayaran kepada syarikat pengoperasi ataupun *operator* ISBSF tahun 2019 hingga tahun 2020. Bermaksud trendnya, semakin menurun. Jadi apabila dibincangkan dengan Kementerian Kewangan, ia adalah satu trend yang mana kita menggunakan unjuran itu untuk kita berikan tuntutan berdasarkan kepada apa yang telah kita unjurkan.

Kemudian larangan untuk *single hull* dan *single bottom*. Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat Sibuti, perkara ini telah pun diselesaikan. Ya, memang benar. Apabila ada satu siaran daripada MSN 16, ia menghadkan supaya

kita tidak boleh untuk mencegah masalah pencemaran minyak di kawasan-kawasan seperti Selat Melaka dan lain-lain. Kita kena menghindar. Oleh sebab itu kita sudah lama menggunakan kaedah iaitu *double hull double bottom* supaya langgar itu tidak bocor terus, minyak itu tidak tumpah. Oleh sebab itulah asas itulah yang kita hendak pertahankan supaya tidak ada pencemaran.

Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan Sarawak ada berbincang dengan saya. Mereka juga ada Ordinan Perkapalan Saudagar Negeri. Jadi apabila saya dengar kenyataan mereka, dia kata, kebanyakan sungai itu membawa diesel-diesel. Akan tetapi apa yang kita hendak hindarkan ialah *high grade oil*. Itu yang sangat mencemarkan. Jadi satu keputusan telah dibuat. Perbincangan telah dibuat iaitu untuk Sarawak, di sungai-sungai pengangkutan barang-barangan ini tidak menjadi masalah. Akan tetapi ia tidak boleh dibuat di hab pelabuhan iaitu di Bintulu. Kalau di laut yang luas ini, kita tidak benarkan. Begitu juga Selat Melaka, Laut China Selatan, semua ini tidak boleh. Ia kalau di kawasan pengangkutan sungai, terbatas kepada diesel dan juga ada yang menghantar makanan, barang keperluan. Itu tidak menjadi masalah. Jadi perkara ini telah kita *clear*-kan.

Yang Berhormat Kalabakan tadi ada sebut tentang LPKP, pantau PATI ini. Saya hendak beritahu, kalau ada mana-mana operator yang mendapat lesen daripada APAD Sabah dan mereka terlibat dalam gejala pemerdagangan manusia, lesen itu boleh ditarik balik. Kalau ada unsur-unsur jenayah, kita boleh terus ambil tindakan dan minta polis menyiasat. Saya rasa ini adalah satu perkara yang begitu *direct* sekali, tidak menjadi masalah.

Satu lagi perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu mengenai Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tadi ada bangkitkan. Saya hendak beritahu Yang Amat Berhormat bahawa dasar, kita mengalu-alukan pihak kerajaan negeri berbincang dengan pihak UPEN dan juga pihak berwajib untuk membincangkan daripada segi penggunaan DE ataupun peruntukan pembangunan. Jadi saya rasa kerajaan negeri telah berbincang. Apabila direstui oleh pihak UPEN, akan diserahkan kepada kementerian kita sebagai satu kementerian teknikal. Tidak menjadi masalah sama ada PFI ataupun ada yang menggunakan dana melalui DE atau apa cara sekalipun. Kita sebagai agensi pelaksana. Jadi itu tidak menjadi masalah.

Mengenai bon ini, saya rasa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah jawab tempoh hari tentang bon yang diminta oleh kerajaan negeri. Saya tidak berulang.

Akhir sekali Yang Berhormat tanya tentang perkhidmatan feri. Seperti mana yang saya telah bincangkan dengan Yang Amat Berhormat, feri yang ada sekarang ini usianya 47 tahun. Hendak cari alat ganti *spare part* pun sudah tidak ada. Jadi terpaksa kita gunakan katamaran. Ini pun zaman Yang Berhormat Bagan jadi Menteri Kewangan pun pada tahun 2019 pun telah putusgunakan katamaran.

Jadi saya hendak beritahu Yang Berhormat, jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan feri adalah 1.5 juta penumpang setahun yang mana 1.2 juta adalah orang dan cuma tidak sampai 200,000 adalah kereta. Jadi saya rasa dalam soal ini oleh kerana kita sudah ada jambatan pertama dan kedua, perkara ini dapat kita redakan melalui sistem yang ada, habis sini.

Jadi kepada Ahli Yang Berhormat, banyak lagi isu saya tidak dapat ceritakan satu persatu ...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Buat secara bertulis.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Jadi saya berikan secara bertulis. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbincangan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sedikit, sedikit Yang Berhormat Menteri. Melibatkan saman.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sekian, terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Saman, saman.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masa sudah tamat untuk perbincangan ini.

Ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa wang sejumlah RM1,877,499,100 untuk Kepala B.28 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan]

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk minta belah bahagi kerana Yang Berhormat Menteri tidak jawab soalan.

[Lebih 15 orang Ahli bangun minta diadakan belah bahagian]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiasa, sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, sebelum saya tempohkan Dewan ini, saya ingin menyebut siapa dia blok mana penghitung undi dan pemerhati. Blok A – Yang Berhormat Kota Bharu, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Tanjong Malim. Blok B – Yang Berhormat Rembau, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Batu Gajah. Blok C – penghitung undinya ialah Yang Berhormat Tasek Gelugor, pemerhatinya ialah oleh Yang Berhormat Kangar. Blok D1 – penghitung undinya ialah Yang Berhormat Arau, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Hulu Langat. Blok D2 – penghitung undinya ialah Yang Berhormat Kluang, pemerhatinya ialah Yang

Berhormat Sabak Bernam. Blok E1 – penghitung undinya ialah Yang Berhormat Muar, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Pasir Mas. Blok E2 – penghitung undinya ialah Yang Berhormat Lumut, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Jempol. Blok F – penghitung undinya ialah Yang Berhormat Permatang Pauh, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Pontian dan Blok G – penghitung undinya ialah Yang Berhormat Sungai Petani, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Sibuti.

Ahli Yang Berhormat, seperti petua yang dipetuakan pada 5 November 2020, saya menempohkan mesyuarat Dewan selama 10 minit.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.40 petang]

■1340

■1350

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 1.50 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Dijemput ketua-ketua penghitung mengambil tempat masing-masing. Saya juga ingin menjemput pemerhati-pemerhati supaya mengundi dahulu sebelum memerhatikan di sebelah ketua-ketua penghitung yang telah ditetapkan. Diminta Ahli-ahli Yang Berhormat pemerhati mengundi sekarang.

Kalau semua sudah bersedia, undian dijalankan sekarang.

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

■1400

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undian adalah seperti berikut;

Bersetuju 109. *[Tepuk].*

Tidak bersetuju 94. *[Tepuk].*

Tidak hadir 17.

Ahli-ahli Yang Bersetuju:

1. YAB. Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin (Pagoh)
2. YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
3. YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob (Bera)
4. YB. Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof (Petrajaya)
5. YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan (Kota Bharu)
6. YB. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin (Larut)
7. YB. Datuk Seri M. Saravanan (Tapah)
8. YB. Datuk Seri Mohd Redzuan bin Yusof (Alor Gajah)
9. YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
10. YB. Puan Zuraida binti Kamaruddin (Ampang)
11. YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing)

12. YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa (Ketereh)
13. YB. Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican (Kepala Batas)
14. YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah (Lenggong)
15. YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong)
16. YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
17. YB. Dato' Sri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong)
18. YB. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali (Kuala Nerus)
19. YB. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
20. YB. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali (Bagan Serai)
21. YB. Datuk Abd. Rahim bin Bakri (Kudat)
22. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau)
23. YB. Tuan Jonathan bin Yasin (Ranau)
24. YB. Dato' Mohd Rashid bin Hasnon (Batu Pahat)
25. YB. Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)
26. YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
27. YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili (Kota Marudu)
28. YB. Datuk Seri Rina binti Mohd Harun (Titiwangsa)
29. YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli)
30. YB. Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man (Kubang Kerian)
31. YB. Dato' Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
32. YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)
33. YB. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba (Tenggara)
34. YB. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau)
35. YB. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein (Sembrong)
36. YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Kota Tinggi)
37. YB. Dato' Eddin Syazlee bin Shith (Kuala Pilah)
38. YB. Dato' Kamarudin Jaffar (Bandar Tun Razak)
39. YB. Tuan Muslimin bin Yahaya (Sungai Besar)
40. YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Hj. Samsudin (Masjid Tanah)
41. YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)
42. YB. Dato' Mansor Othman (Nibong Tebal)
43. YB. Tuan Ali bin Biju (Saratok)
44. YB. Tuan Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
45. YB. Dato' Rosol bin Wahid (Hulu Terengganu)
46. YB. Datin Mastura binti Mohd Yazid (Kuala Kangsar)
47. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya (Tasek Gelugor)
48. YB. Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad (Lipis)
49. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib (Maran)

50. YB. Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)
51. YB. Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
52. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah (Jasin)
53. YB. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin (Padang Besar)
54. YB. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
55. YB. Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
56. YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang)
57. YB. Tuan Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
58. YB. Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang)
59. YB. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary (Pengkalan Chepa)
60. YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi. (Tumpat)
61. YB. Tuan Haji Awang bin Hashim (Pendang)
62. YB. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
63. YB. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
64. YB. Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan (Keningau)
65. YB. Tuan Che Alias bin Hamid (Kemaman)
66. YB. Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir (Setiu)
67. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni (Sibuti)
68. YB. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi (Igan)
69. YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin (Rompin)
70. YB. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz (Padang Rengas)
71. YB. Tuan Sabri bin Azit (Jerai)
72. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)
73. YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa (Sipitang)
74. YB. Tuan Yusuf bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
75. YB. Puan Rubiah binti Wang (Kota Samarahan)
76. YB. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
77. YB. Datuk Mohamad bin Alamin (Kimanis)
78. YB. Tuan Ramli Bin Dato' Mohd Nor (Cameron Highlands)
79. YB. Tuan Jugah Ak Muyang @ Tambat (Lubok Antu)
80. YB. Tuan Anyi Ngau (Baram)
81. YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datuk)
82. YB. Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu (Tambun)
83. YB. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
84. YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Arau)
85. YB. Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem (Serian)
86. YB. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid (Padang Terap)

87. YB. Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya)
88. YB. Tan Sri Noh bin Haji Omar (Tanjong Karang)
89. YB. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Bachok)
90. YB. Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
91. YB. Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
92. YB. Dato' Sri Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan)
93. YB. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh (Besut)
94. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan (Pontian)
95. YB. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar)
96. YB. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang)
97. YB. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim (Baling)
98. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari (Pasir Mas)
99. YB. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (Dungun)
100. YB. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
101. YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun (Beaufort)
102. YB. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
103. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh (Sabak Bernam)
104. YB. Dato' Haji Jalaluddin bin Alias (Jelebu)
105. YB. Dato' Haji Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Jempol)
106. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria (Parit)
107. YB. Datuk Zakaria bin Mohd Edris (Libaran)
108. YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris (Jerantut)
109. YB. Datuk Robert Lawson Chuat (Betong)

Ahli-ahli Yang Tidak Bersetuju:

1. YB. Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput)
2. YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji (Jelutong)
3. YB. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
4. YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
5. YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)
6. YB. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
7. YB. Puan Hajah Natrah Binti Ismail (Sekijang)
8. YB. Puan Rusnah Binti Aluai (Tangga Batu)
9. YB. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
10. YB. Tuan Teh Kok Lim (Taiping)
11. YB. Puan Noorita Binti Sual (Tenom)
12. YB. Tuan Baru Bian (Selangau)
13. YB. Dr. Maszlee bin Malik (Simpang Renggam)

14. YB. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (Muar)
15. YB. Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah (Kubang Pasu)
16. YB. Datuk Dr. Shahrudin Bin Md. Salleh (Sri Gading)
17. YB. Tuan Su Keong Siong (Kampar)
18. YB. Dr. Azman bin Ismail (Kuala Kedah)
19. YB. Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
20. YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)
21. YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus (Hulu Langat)
22. YB. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)
23. YB. Puan Kasthuriraani a/p Patto (Batu Kawan)
24. YB. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
25. YB. Tuan Wong Kah Woh (Ipoh Timur)
26. YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
27. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Lumut)
28. YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
29. YB. Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
30. YB. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
31. YB. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Segambut)
32. YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor)
33. YB. Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik (Balik Pulau)
34. YB. Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)
35. YB. Puan June Leow Hsiad Hui (Hulu Selangor)
36. YB. Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)
37. YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
38. YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
39. YB. Tuan Noor Amin bin Ahmad (Kangar)
40. YB. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom (Tampin)
41. YB. Tuan Wong Tack (Bentong)
42. YB. Puan Maria Chin binti Abdullah (Petaling Jaya)
43. YB. Tuan Awang Husaini bin Sahari (Putatan)
44. YB. Tuan Mordi anak Bimol (Mas Gading)
45. YB. Tuan Prabakaran a/l M. Parameswaran (Batu)
46. YB. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
47. YB. Datuk Wira Haji Mohd Anuar Mohd Tahir (Temerloh)
48. YB. Tuan Wong Ling Biu (Sarikei)
49. YB. Tuan Karupaiya a/l Mutusami (Padang Serai)
50. YB. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
51. YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Pandan)

52. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)
53. YB. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
54. YB. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
55. YB. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Wangsa Maju)
56. YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
57. YB. Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
58. YB. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
59. YB. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
60. YB. Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
61. YB. Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
62. YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
63. YB. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kapar)
64. YB. Tuan Ong Kian Ming (Bangi)
65. YB. Tuan Wong Chen (Subang)
66. YB. Puan Yeo Bee Yin (Bakri)
67. YB. Puan Nor Azrina binti Surip (Merbok)
68. YB. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
69. YB. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Port Dickson)
70. YB. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kota Raja)
71. YB. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
72. YB. Tuan Lim Kit Siang (Iskandar Puteri)
73. YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail (Kulim Bandar Baharu)
74. YB. Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub (Pulai)
75. YB. Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
76. YB. Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Kuala Langat)
77. YB. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
78. YB. Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)
79. YB. Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
80. YB. Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
81. YB. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
82. YB. Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir (Johor Bahru)
83. YB. Puan Fuziah binti Salleh (Kuantan)
84. YB. Tuan Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
85. YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee (Damansara)
86. YB. Dr. Michael Teo Yu Keng (Miri)
87. YB. Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji (Raub)
88. YB. Puan Teo Nie Ching (Kulai)

89. YB. Datuk Seri Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd Akin (Hang Tuah Jaya)
90. YB. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
91. YB. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
92. YB. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin (Sepang)
93. YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (Tuaran)
94. YB. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu (Batu Gajah)

Ahli-ahli Yang Tidak Hadir:

1. YB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan)
2. YB. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang)
3. YB. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman (Pasir Salak)
4. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan (Papar)
5. YB. Datuk Rozman bin Isli (Labuan)
6. YB. Dato' Masir Kujat (Sri Aman)
7. YB. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Langkawi)
8. YB. Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir (Jerlun)
9. YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor)
10. YB. Datuk Christina Liew Chin Jin (Tawau)
11. YB. Datuk Mohamaddin bin Ketapi (Lahad Datu)
12. YB. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Farkharudy (Kota Belud)
13. YB. Tuan Ma'mun bin Sulaiman (Kalabakan)
14. YB. Datuk Ignatius Darell Leiking (Penampang)
15. YB. Tuan R. Sivarasa (Sungai Buloh)
16. YB. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal (Semporna)
17. YB. Datuk Mohd Azis bin Jamman (Sepanggar)

[Masalah disetujukan]

[Kepala B.28 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah seterusnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.28 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Kepala P.28 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****2.05 ptg.**

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua;

“Tanpa mengambil kira Usul Peraturan 12(1) terdahulu iaitu pada hari Khamis, 5 November 2020 dan mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan Usul Anggaran Pembangunan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 8 Disember 2020”.

Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

**Kepala B.30 [Jadual] –
Kepala P.30 [Anggaran Pembangunan 2021] –**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Kepala Bekalan B.30 dan Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk dibahaskan. Kita mulakan dengan Yang Berhormat Selayang. Silakan.

2.06 ptg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bermula dengan Butiran 00800 - Program Penyelidikan dan Pembangunan R&D, Butiran 83000 - Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) dan Butiran 09000 - Pelbagai Suntikan Ekuiti.

Perkara yang pertama yang saya hendak sentuh ialah tentang pelaksanaan Dasar Sain Teknologi dan Inovasi yang tidak berholistik. Saya setuju dengan kenyataan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam *Malaysian Digitalization Forum* pada 6 Oktober bahawa antara masalah terbesar ialah pelaksanaan teknologi

sains dan inovasi di Malaysia tidak ada pelaksanaan yang holistik dan ini perlu diperbaiki.

Pada tahun 2018, adanya 81 dasar nasional di mana 56 adalah mengenai sains, teknologi dan inovasi dengan 458 agensi yang terlibat dan seperti yang dikatakan bagaimana tidak akan ada silo dan inilah menjadi satu masalah yang besar di mana kita hendak mengadakan satu kementerian, satu agensi yang boleh memantau dan terlibat secara holistik supaya kita tidak ada dasar-dasar yang di implementasi, yang bertindih atau bercanggah.

Perkara yang kedua ialah kalau kita melihat kepada *National Survey of Research and Development Malaysia 2019*, kita memang ada banyak cabaran yang kita hendak hadapi. Kalau kita melihat kepada GERD atau *Gross Expenditure on R&D* pada tahun 2018 adalah RM15 bilion. Ini adalah kekurangan RM2.6 bilion berbanding dengan tahun 2016 iaitu jumlah RM17 bilion.

BERD atau *Business Expenditure R&D* juga kekurangan berbanding dengan RM10 bilion pada 2016. Kalau kita melihat kepada sasaran NSTIP iaitu GERD adalah dua peratus KDNK kita memang jauh daripada objektif kita dan kita hendak mengambil langkah dengan cepat kerana ini adalah satu situasi yang dinamik kalau kita hendak meningkatkan daya saing kita. Kalau kita melihat kepada GERD, perbelanjaan negara-negara di Asia.

■1410

GERD untuk China ialah 2.1 peratus, Jepun 32 peratus, Taiwan 33 peratus dan Korea Selatan 46 peratus. Kalau kita juga bandingkan dengan Singapura dengan paten yang telah didaftarkan di *European Patent Office* (EPO) untuk tahun 2018, Malaysia mendaftarkan 33 paten, dan Singapura 44 paten. Untuk USPTO, Malaysia mendaftarkan 239 dan Singapura 1,071. Bila kita bandingkan Singapura dengan kita, kita jauh di belakang.

Antara masalah R&D di Malaysia, syarikat yang besar adanya yang *outsource* R&D mereka kepada syarikat dan di negara luar. Kedua, selalunya R&D dibuat oleh *parent company* atau syarikat induk dan ada juga banyak syarikat induk telah pindah ke negara yang lain. So, ini adalah cabaran yang besar dan saya harap kementerian boleh mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan lebih R&D, syarikat-syarikat kita melakukan R&D di sini.

Perkara yang ketiga, yang terakhirnya ialah tentang *startup* dengan suntikan yang besar yang diberikan. Perhatian perlu diberikan kepada *startup* bukan tentang *stage commercialization* tetapi daripada mulanya. Ini hendak mengadakan satu *change of mindset* bahawa satu projek tidak dapat mencapai kejayaan bukan adalah satu kegagalan. Ini adalah satu proses untuk mencapainya dan peminjam wang bank-bank, *venture capital*, *NGO financing* juga menggalakkan *mindset*, perubahan ini.

Kalau kita tidak bermula dengan *mindset* untuk *startup* bahawa ia ada wang yang kita kata *to be burnt*. Ini adalah satu proses yang penting kalau kita hendak mengadakan teknologi, sains dan inovasi untuk meningkatkan daya saing kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dungun.

2.12 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Pengerusi yang mengizinkan saya untuk berbahas peringkat Jawatankuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Butiran 020200 – Pembudayaan STI. Saya menyambut baik peruntukan yang diberikan dalam Program Pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) sebanyak RM5.03 juta bagi melahirkan modal insan yang bukan sahaja berpengetahuan, malah berkemahiran tinggi selaras dengan keperluan negara menjelang tahun 2050.

Seperti yang sedia maklum, Program Pembudayaan STI merupakan program yang begitu penting bagi menarik minat dan memupuk kesedaran rakyat terhadap pembudayaan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) dalam semua aspek kehidupan seharian. Program Pembudayaan STI yang dianjurkan dengan kerjasama pelbagai pihak sama ada agensi kerajaan, kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (NGO), institut pengajian tinggi mahupun sekolah, seharusnya dimantapkan lagi.

Oleh itu, sejauh mana pembudayaan inovasi dan kreativiti yang melibatkan semua lapisan masyarakat dipertingkatkan dengan pelaksanaan program, mahupun aktiviti yang berpandukan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan adakah akan wujud program mahupun aktiviti yang baharu. Dalam butiran ini juga saya ingin mengetahui adakah program-program seperti Minggu Sains Negara, Hari Terbuka MOSTI dan Karnival STIE akan diteruskan pada tahun hadapan atau dilaksanakan dengan norma baharu ekoran wabak COVID-19.

Butiran 020300 dan Butiran 020400 – Planetarium Negara dan juga Pusat Sains Negara. Terima kasih diucapkan di atas pemberian peruntukan dalam Planetarium Negara iaitu sebanyak RM6.2 juta, yang mana peranan yang begitu penting dalam meningkatkan kesedaran kepentingan bidang sains angkasa dalam kalangan masyarakat.

Selain mengorak langkah yang pertama dalam membawa Malaysia menceburi bidang astronomi dan sains angkasa. Oleh itu saya ingin kerajaan jelaskan, ke manakah peruntukan ini akan disalurkan? Apakah program atau inisiatif yang akan dilaksanakan bagi memperkasakan dunia sains dan angkasa lepas selain meningkatkan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan pelajar?

Seterusnya, apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kementerian pada masa akan datang bagi menarik minat sekolah-sekolah terutama di kawasan pedalaman atau luar bandar untuk melawat Planetarium Negara dan Pusat Sains Negara. Pembelajaran yang tidak formal dalam dunia sains dan teknologi, sedikit sebanyak menggalakkan penyertaan dan minat pelajar tersebut.

Saya juga ingin untuk menyentuh berkaitan dengan isu mata pelajaran Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan pelajar negara kita yang masih belum mencapai sasaran. Seperti yang semua maklum, perkara ini perlu diberikan penekanan yang serius, yang memerlukan kesiap sagaan semua pihak dalam berhadapan dengan perkembangan global dan Revolusi Industri 4.0.

Oleh itu, apakah usaha dan strategi yang dilaksanakan oleh kementerian dalam bukan sahaja membudayakan tetapi juga menggalakkan lebih ramai pelajar terutamanya pelajar luar bandar menceburi bidang STEM ini. Oleh kerana usaha-usaha untuk mencapai kehendak dan aktiviti yang dilaksanakan untuk melahirkan saintis negara, maka tentulah keperluan kepada adanya usaha-usaha yang bersungguh-sungguh bagi memastikan graduan-graduan STEM yang sedia ada boleh menuju ke arah untuk menjayakan bidang astronomi dan sains angkasa dan melahirkan ramai saintis di kalangan mereka dalam negara kita.

Seterusnya berkait dengan minat pelajar-pelajar bumiputera terhadap sains dan sains tulen adalah sangat rendah. Ramai pelajar dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak tidak mendaftarkan diri dalam bidang sains dan sains tulen walaupun aspek pembelajaran ini penting untuk melahirkan saintis negara.

Maka saya ingin untuk mendapatkan penjelasan. Apakah usaha-usaha untuk menarik minat pelajar-pelajar bumiputera, Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk bersama dalam usaha melahirkan saintis negara melalui bidang sains dan sains tulen? Terima kasih Tuan Pengerusi.

2.18 ptg.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, pertama sekali Bakri ingin merujuk kepada Butiran 09000 - Pelbagai Suntikan Ekuiti. Saya telah memerhatikan bahawa untuk tahun 2020 anggaran dipinda ialah RM14.1 juta. Sebenarnya apa yang diperuntukkan untuk tahun 2020 di bawah Butiran Pelbagai Suntikan Ekuiti sebelum ini adalah RM68 juta untuk tahun 2020.

Bakri ingin tahu, mendapat penjelasan apakah perubahan yang telah berlaku dan perbelanjaan setakat ini mengikut agensi di bawah butiran sama untuk tahun 2020. Untuk tahun 2021 pula, mohon kementerian untuk memberikan pecahan peruntukan sebanyak RM85 juta ini mengikut agensi-agensi di bawah MOSTI seperti Cradle, Kumpulan Modal Perdana, MAVCAP, MTDC, MDEC dan lain-lain lagi.

Apakah strategi kementerian untuk mengoptimalkan pembiayaan? Sebelum ini Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Ogos 2019 telah meluluskan supaya aktiviti pembiayaan pengkomersialan teknologi akan diuruskan oleh tiga agensi sahaja. Khusus kepada pembiayaan melalui geran, ekuiti dan pinjaman. Pembiayaan melalui geran hanya diuruskan oleh Cradle Fund, pembiayaan ekuiti akan dikendalikan oleh MAVCAP melalui struktur *fund of funds* dan pemberian pinjaman terus dilaksanakan oleh MDV.

■1420

Adakah dasar ini akan diteruskan. Saya lihat sekarang juga ada MIGHT, MDEC, MAGIC juga dipinda di bawah MOSTI. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengelakkan pertindihan fungsi antara agensi dan meningkatkan kecekapan supaya ekosistem teknologi *startup* boleh dikukuhkan dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, dalam butiran yang sama Bakri juga ingin membangkitkan sekali lagi isu kabotaj tetapi daripada aspek teknologi *startup* dan juga industri *high tech*. Seperti yang kita sedia maklum, Kementerian Pengangkutan telah menarik balik pengecualian kabotaj untuk kapal berdaftar asing untuk melakukan penyelenggaraan kabel bawah laut.

Dengan dasar kabotaj ini adalah dilaporkan bahawa penyelenggaraan kabel akan memakan masa sehingga 27 hari. Ini adalah sangat membimbangkan. Macam mana syarikat *startup* yang berasaskan digital dan komunikasi boleh berkembang maju jika kualiti internet pun kita tidak dapat dijamin.

Ada juga laporan yang kata syarikat Tech Giants sedang mengkaji semula pelaburan mereka di Malaysia. Ketidakyakinan dan juga ketidakstabilan *Tech Giants* di Malaysia akan memberi impak yang sangat negatif kepada ekosistem pembangunan industri digital secara keseluruhannya dan juga syarikat-syarikat *startup* juga akan terjejas.

Selain itu, Bakri juga bimbang bahawa isu kabotaj ini akan menjejaskan pelaksanaan model *fund of funds* untuk suntikan ekuiti. Model *fund of funds* bertujuan untuk menarik syarikat *venture capital* swasta yang berpengalaman dan mempunyai *supply chain and market network* yang besar untuk bersama melabur dan mengurus pelaburan ekuiti kerajaan bagi meningkatkan ROI.

Isu kabotaj yang jelas tidak *friendly* kepada syarikat *high technology*. Ini akan menghantar isyarat yang sangat negatif kepada bukan sahaja teknologi *startup* tetapi juga syarikat *venture capital* swasta yang kita hendak menarik untuk melibatkan diri dengan *fund of funds* yang dimulakan oleh Kerajaan Malaysia.

Bakri ingin tahu, apakah pandangan dan pendirian kementerian bahawa adakah kementerian MOSTI juga setuju tentang isu kabotaj ini? Ini kerana, akan memberi

implikasi yang sangat negatif dan saya tahu sekiranya semua isu yang saya bangkitkan sebentar lagi tidak dijawab, harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab isu ini.

Ini kerana tadi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan takut hendak jawab isu kabotaj ini. Seterusnya, Tuan Pengerusi saya juga ingin merujuk kepada Butiran 010100 –Pengurusan Am. Bakri ingin tahu apakah penambahbaikan yang akan dibuat oleh kementerian untuk tahun 2021 bagi meningkatkan kecekapan dan pencapaian kementerian. Adakah kementerian akan masih menggunakan sistem *Intelligent Analysis Evaluation and Real-time Solutions* atau pun i-ALERT yang telah pun dilancarkan pada Februari 2020. Ia merupakan sistem atas talian bagi mengurus, memantau dan mengukur prestasi pencapaian inisiatif kementerian dan boleh diakses melalui telefon bimbit oleh para pegawai kementerian untuk meningkatkan kecekapan pemantauan pelaksanaan inisiatif.

Ini sebenarnya adalah inisiatif Datuk KSU. Bakri ingin tahu apakah keberkesanan sistem ini selepas sembilan bulan digunakan oleh kementerian dan apakah penambahbaikan yang akan dibuat untuk tahun 2021. Bakri juga ingin merujuk kepada Butiran 020400 – Pusat Sains Negara. Nampaknya ada penurunan peruntukan sebanyak RM5 juta dan saya ingin tahu apakah penjelasan kerajaan tentang di manakah penurunan ini.

Seterusnya Butiran 020500 – Akademi Sains Malaysia. Bakri ingin tahu apakah perkembangan pelaksanaan i-Connect dan juga Malaysia Open Science Platform (MOSP) yang telah pun dilancarkan oleh MSN pada 7 November 2019. Apakah rancangan untuk tahun 2021?

Akhirnya Bakri juga ingin merujuk kepada Butiran 030600 – Agensi Angkasa Malaysia. Saya ingin tahu, apakah perkembangan dan pembangunan satelit penderiaan jauh (*remote sensing satellite*). Adakah memorandum Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan akan diteruskan di mana pembangunan *satellite remote sensing* akan dilaksanakan melalui konsep *constellation of satellite*. Apakah tarikh sasaran pelaksanaan inisiatif ini jika inisiatif ataupun projek ini akan diteruskan. Itu sahaja yang saya hendak bangkitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Sibuti.

2.25 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sibuti akan terus pergi ke Butiran 020000 – Perancangan dan Pembudayaan STI. Butiran 020200 – Pembudayaan STI. Di sini saya ingin membangkitkan beberapa isu berkenaan tentang apa yang berlaku di negeri Sarawak berkenaan tentang pembudayaan STI.

Pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Sains dan Teknologi di Sarawak akan membekalkan Raspberry Pi iaitu satu gajet ataupun *micro-computer* kepada pelajar-pelajar dan juga anak-anak di sekolah. Sebanyak 10,000 Raspberry Pi akan disediakan. Akan tetapi, saya melihat perkara ini daripada sudut apakah langkah ke hadapan kementerian untuk membantu negeri Sarawak daripada segi menyediakan perkhidmatan profesional ataupun mewujudkan pendidik-pendidik (*educators*) bagi membantu untuk *support* pengagihan Raspberry Pi ini di Sarawak. Ini memandangkan Raspberry Pi ini dapat diguna pakai untuk mewujudkan pelbagai projek kecil dan juga akan memberi inspirasi kepada kanak-kanak di dalam bidang STI ini.

Selain daripada itu juga, kebanyakan program-program sains di Malaysia terlalu tertumpu kepada *urban-centering program*. Saya berharap agar bagi tahun 2021 ini peruntukan yang disediakan ini akan dapat diagihkan kepada negeri-negeri ataupun kawasan-kawasan di luar bandar untuk kita memasyarakatkan sains, teknologi dan inovasi ini kepada seluruh anak-anak kita di Malaysia ini.

Selain daripada itu juga saya ingin bertanya kepada menteri berkenaan tentang Butiran 010100 – Pengurusan Am. Tidak semua kerajaan negeri mempunyai kementerian ataupun Exco Kementerian Sains dan Teknologi. Adakah kerajaan berhasrat untuk membentuk sebuah jawatankuasa ataupun majlis ataupun menggalakkan kesemua negeri di dalam Malaysia ini untuk mewujudkan satu Exco dan juga Kementerian Sains dan Teknologi untuk *accelerate* dengan izin pembangunan sains dan teknologi di peringkat negeri ini.

Selain daripada itu, ada satu isu yang sering saya bangkitkan sebelum ini adalah berkenaan tentang butiran pembangunan teknologi dan perkhidmatan STI iaitu Butiran 030300 – Kimia Malaysia ataupun Jabatan Kimia Malaysia. Isu berkenaan tentang tiada kad pengenalan di Sabah dan juga Sarawak adalah masih lagi berlaku. Di Sarawak terdapat isu-isu kanak-kanak masih tidak mempunyai kad pengenalan dan juga kanak-kanak tersebut ditinggalkan oleh ibu bapa.

Maka, terdapat satu *solution* dengan izin telah dicadangkan oleh JPN untuk mereka mengadakan ujian DNA. Walaupun demikian, ujian tersebut adalah sangat mahal. Saya juga berharap agar kerajaan dapat memikirkan dan juga menawarkan sesuatu pakej untuk memudahkan ujian DNA ini. Akan tetapi, apabila ujian DNA ini telah dikeluarkan, pihak JPN tidak mengguna pakai keputusan tersebut walaupun keputusan tersebut dikeluarkan oleh Jabatan Kimia Malaysia sendiri.

Maka, ini agak menyusahkan terutama sekali penduduk-penduduk luar bandar yang datang ke bandar. Contohnya kalau isu di Sibuti, mereka terpaksa pergi ke *lab* yang terdekat di Bintulu dan juga ini memakan kos tetapi hasil yang diperolehi adalah mereka gagal untuk membuktikan, walaupun ujian tersebut datang daripada ibu bapa ataupun adik-beradik sendiri. *100 percent matching*.

Selain daripada itu, saya ingin mengetahui berkenaan tentang Butiran 00800 – Program Penyelidikan dan juga Pembangunan (R&D). Apakah perincian dan juga apakah bentuk R&D yang sedang diberi tumpuan kepada tahun 2021.

Juga selain daripada itu, saya ingin melihat Butiran 830000 – Malaysia Industry Government Group of High Technology (MIGHT). Ini merupakan sebuah agensi berkenaan tentang *technology foresight*, Saya ingin bertanyakan kepada pihak kementerian, apakah pandangan pihak kementerian berkenaan tentang pembangunan industri hidrogen ataupun *hydrogen technology* yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Adakah kerajaan ataupun di peringkat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan memberi bantuan ataupun menyokong usaha tersebut.

■1430

Juga yang akhir sekali adalah berkenaan tentang Butiran 006004 – Pusat Sains Negara (PSN). Memandangkan penglibatan dan juga pelajar-pelajar ke *science stream* di Sarawak agak membimbangkan. Apakah langkah-langkah ke hadapan pihak kementerian untuk menggalakkan penyertaan ataupun penglibatan pelajar-pelajar untuk meminati semula aliran Sains ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi : Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Selangor.

2.30 ptg.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pertama-tamanya merakamkan bahawa menteri kementerian yang kita bicarakan ini adalah bertanggungjawab memacu antara lainya mencipta kekayaan untuk negara, untuk rakyat, menjana pengetahuan baharu dan sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam *the new growth area*, dengan izin. Pasti untuk melakukan sedemikian, kementerian akan berpaksikan peningkatan produktiviti dan juga akhirnya akan menyaksikan pendapatan yang lebih tinggi untuk pekerja.

Tuan Pengerusi, saya terus menyebutkan, memasuki atas Butiran 040000 - Program Khusus, khasnya Butiran 040300 - MIMOS Berhad, dengan peruntukan RM35 juta atas Kepala pemberian dan kenaan tetap 40 ribu kita saksikan di sana. MIMOS selaku Institut Sistem Mikro Elektronik. Saya ingin bertanya Menteri akan penurunan sumbangan sektor elektronik dan elektrik (*electrical and electronic*) ini kepada KDNK (GDP) yang dahulunya dalam ruang 30 peratus, menurun sehingga kurang daripada 20 peratus, kalau tidak silap saya. Kita memerhatikan ini adalah antara lain disebabkan oleh minat MIMOS tidak lagi kepada *the heartbeat*, nadi strategi untuk memacu bidang semi konduktor ataupun mikro elektronik ini. Akan tetapi beralih kepada *area* dalam bidang IT yang sudah pun dipacu oleh MDEC dan sebagainya. Lalu saya ingin bertanya, apakah kecenderungan ini juga sekali gus menyaksikan MIMOS tidak lagi berminat

untuk memperkasakan *the wafer fabrication technology* yang akhirnya akan menghasilkan *integrated circuit (IC) chips, microchips* dan sebagainya yang merupakan *heartbeat* kepada industri?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Boleh mencelah, Yang Berhormat Kuala Selangor?

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Silakan Yang Berhormat Tuaran. Minat ya?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Adakah Yang Berhormat Kuala Selangor sedar bahawa di MIMOS ini terdapat lebih seribu IP yang telah pun dihasilkan oleh MIMOS selama ini? Adakah Yang Berhormat ingin bertanya juga kepada Menteri, apakah langkah-langkah untuk mengkomersialkan semua IP yang telah dihasilkan selama ini? Apakah IP itu masih lagi relevan sehingga pada hari ini sebab IP itu sudah dibuat sudah sekian lama? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Tuaran. Masukkan sekali dalam ucapan saya. Satu perkara yang sangat penting dan relevan.

Saya teruskan, Tuan Pengerusi. Dalam perkara yang sama itu juga lah saya tekankan betapa pentingnya untuk MIMOS kembali untuk memperkasakan industri ini kerana E and E merupakan satu sumbangan besar dalam KDNK satu masa dahulu. Akan tetapi jelas menunjukkan penurunan itu dan kita akhirnya hanya berlegar melakukan dan melaksanakan kerja-kerja OEM ataupun kontrak *assembly* sahaja. Oleh kerana kita kurang menekankan aspek *wafer fabrication technology* yang diperlukan untuk aspek *design* dan dengan itu dapat melahirkan *products* dan *services* yang lebih bersifat sebagai *value added* ataupun nilai tambah yang lebih tinggi.

Sekali gus dengan itu juga, saya memasuki perkara SilTerra Malaysia Sdn Bhd, Tuan Pengerusi, yang merupakan milik Khazanah sepenuhnya. Sebuah semi konduktor *Wafer Foundry Operator* yang terkini sedang dalam pertikaian untuk dijual oleh Khazanah. Satu yang dahulunya ketika Yang Berhormat Langkawi mencipta ini ataupun menguar-uarkan ini ataupun menggagas ini, ia merupakan satu yang merupakan antara lainnya *the pillars of industrialization, semiconductors industries* dan sebagainya. Akan tetapi hari ini terperangkap dalam kerugian yang selama beberapa tahun sudah dan hari ini sedang mahu dijual kepada beberapa kepentingan luar, Taiwan, German dan sebagainya. Ada juga peminat daripada lokal. Apa yang penting adalah untuk saya hendak tekankan, kalau inilah antara *about the only local champion* yang hari ini bergelut dalam satu kerugian. Namun, apakah kementerian akan juga menjualnya? Oleh kerana itulah antara yang tinggal dari sudut teknologi yang ada pada kita untuk memacu *semiconductors* dan *electronic industry*, Tuan Pengerusi. Apa yang sangat

malang andainya kalau kita terus gadaikan dan jual apa yang suatu masa dahulu merupakan satu kemegahan kita.

Saya ingin juga masuk sedikit Tuan Pengerusi, akan perkara-perkara yang tidak saya dapati tentang vaksin ini yang dalam MOSTI pun tidak ada. Dalam MITI pun tidak ada, dalam MOH pun tidak ada. Akan tetapi kerap kita mendengar pengumuman-pengumuman, laporan-laporan antara lainnya pengumuman tentang pembelian yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pagoh, Perdana Menteri yang menyebutkan tentang pembelian vaksin daripada Pfizer sebanyak 12.8 juta *doses* dan akan melibatkan pemberian vaksin kepada 6.4 juta rakyat ataupun 20 peratus daripada rakyat.

Kalau kita bandingkan pembelian daripada vaksin COVAC itu yang sepatutnya anjuran WHO itu hanya lah 10 peratus. Akan tetapi yang daripada *private manufacturer* ini, Pfizer yang memerlukan *storage* sama umpama *winter* di Antartika itu, minus 70, 80 peratus *degree celsius* itu. Jadi, saya ingin tahu. Kita perlukan lebih *transparency*, urusan *procurement*, *distribution*. Mutakhir pula ada pengumuman tentang MYEG diberikan *sole distributor* ataupun wakil tunggal mutlak untuk mengedarkan vaksin daripada China, yang ini juga merupakan daripada Pfizer tidak silap saya, yang merupakan satu juga menjadi satu kegawatan, menjadi satu kekeliruan, menjadi satu tanda tanya dan persoalan mengurus *procurement*, mengurus perolehan dan bersabit dengan vaksin ini, sangat tidak terkawal. Saya minta untuk Menteri MOSTI menjelaskan semua ini dalam satu tanda tanya yang terus terusan menjadi tanda tanya rakyat. RM2 bilion dibelanjakan kepada Pfizer dan RM1 bilion lagi akan digunakan untuk *storage* nya, minus 70, 80 *degree celsius* itu.

Dengan kata lain, sudah pun memakan RM3 bilion yang diperuntukkan, di mana pun saya tidak tahu dalam Anggaran Perbelanjaan Bajet 2021 ini. Tuan Pengerusi, banyak lagi perkara lain yang ingin saya sebutkan, dalam lima minit itulah yang dapat saya bentangkan. Terima kasih sekali lagi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Dijemput Yang Berhormat Jerai.

2.38 ptg.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 020200 - Pembudayaan STI. Dana yang diperuntukkan sebanyak RM5,031,600. Di antaranya membudayakan sains dan inovasi dalam masyarakat bandar dan luar bandar. Saya ucapkan tahniah atas usaha kementerian untuk membudayakan STI dalam masyarakat. Sehubungan dengan itu, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Adakah dengan dana sebanyak itu, kesannya dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat di seluruh negara dengan program-program seperti Turun Padang dan Minggu Sains Negara.

Seterusnya, Butiran 020500 - Akademi Sains Malaysia. RM12 juta dana yang diperuntukkan. Melihat kepada fungsi butiran ini, satu-satunya ialah membantu meningkatkan teknologi sektor industri di Malaysia. Sehubungan itu, sektor perumahan negara semakin meningkat harganya di pasaran. Rakyat yang berpendapatan rendah semakin ramai tidak mampu untuk membeli rumah yang tinggi harganya.

■1440

Justeru itu melalui Akademi Sains Malaysia dengan fungsi tersebut, saya cadangkan agar teknologi dalam sektor perumahan dapat diusahakan agar dengan teknologi yang dihasilkan dapat menurunkan harga kos rumah untuk membolehkan rakyat memiliki dengan harga mampu milik.

Terakhir, Butiran 040400 – Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) dana yang disediakan RM20 juta. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri adakah program inovasi dan kreativiti termasuk kajian menghasilkan dron untuk petani dengan kata lain, kementerian Yang Berhormat dapat berkolaborasi dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan agar jumlah pesawah yang rata-rata di utara tanah air, B40 dapat menggunakan dron ciptaan tempatan. Dengan dana RM20 juta, saya berpandangan kajian mengenai dron dapat diperuntukkan dengan secukupnya.

Begitu juga dengan inovasi untuk memudahkan pelajar dengan program inovasi yang dicipta oleh MOSTI, sejauh manakah pelajar-pelajar dapat meraih hasil inovasi dan kreativiti pihak kementerian terutamanya dalam membantu proses P&P pelajar. Sekian, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Silakan Yang Berhormat Pasir Gudang.

2.41 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pasir Gudang juga ingin membahaskan tentang Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan merujuk Butiran 040000 Program 040700 – Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT).

Ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, Anggaran 2021 sebanyak RM10 juta itu untuk projek apa yang akan dilakukan? Saya bertanya ini dengan niat yang baik iaitu saya memandangkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sangat penting untuk masa depan negara kita menjadi sebuah negara yang berteknologi tinggi, negara yang maju.

Seterusnya berkenaan dengan MIGHT ini juga Butiran 83000 – Maksud Pembangunan 30 Anggaran Tahun 2021 diuntukkan RM40 juta. Juga minta penjelasan jumlah RM40 juta itu peruntukannya untuk projek apa dapat dijelaskan.

Berkenaan dengan *high technology* ini Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu saya mewakili Pasir Gudang kawasan pusat perindustrian yang besar di Selatan Semenanjung, kawasan industri yang penting bagi ekonomi negara kita. Akan tetapi, industri di Pasir Gudang ini yang sudah lebih empat dekad ini, kebanyakannya industrinya bukannya yang berteknologi tinggi tetapi industri-industri yang tidak mesra kepada alam sekitar, bahaya. Semua orang tahu pencemaran udara awal tahun lepas beribu orang kanak-kanak sekolah dan orang awam terjejas.

Begitu juga pencemaran Sungai Kim Kim iaitu pembuangan toksik-toksik ini. Jadi inilah meminta sudah sampai masanya kita tidak mahulah kilang-kilang industri yang bahaya ini, industri petrokimia misalnya. Pasir Gudang sekarang penduduknya sudah lebih setengah juta orang dan telah diangkat menjadi bandar raya. Jadi mungkin kementerian ini boleh membantu kerajaan iaitu melakukan kajian dan usaha-usaha supaya industri-industri yang *high technology*, yang mesra alam sekitar, yang bersifat *green*, hijau jadi boleh bantu supaya masa hadapan kita dapat keadaan yang lestari di kawasan-kawasan industri kita ini.

Berkaitan dengan *high technology industry* ini juga, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ada kaitan dengan pengeluaran vaksin. Kita anggap negara kita sepatutnya 2020 ini sudah jadi negara maju, tetapi bila berlaku pandemik COVID-19 ini nampaknya kita masih bergantung kepada vaksin, pengeluaran daripada Amerika Syarikat, daripada Eropah, Rusia dan China.

Jadi ini mungkin difikirkan pada masa akan datang, Kementerian MOSTI ini mungkin telah dilakukan usaha ini saya tidak pasti iaitu kolaborasi, kerjasama dengan universiti-universiti kita ini, banyak universiti negara kita ini. Akan tetapi sampai bila kita vaksin kita jadi pengguna sahaja? Jadi mungkin peranan-peranan universiti ini kita fokuskan oleh kementerian ini supaya setiap universiti, kalau universiti itu namanya Universiti Sains, betul-betul dia jadi Universiti Sains yang ada inovasi.

Kalau universiti itu pertanian, walaupun sudah tukar kepada Universiti Putra, buat inovasi teknologi pertanian menghasilkan benih-benih padi. Sampai sekarang isu ini masih kita bahaskan lagi. Jadi begitulah Tuan Pengerusi, saya memang berharap kerajaan bagi peruntukan yang lebih besarlah kepada kementerian ini akan datang. Ini kementerian yang sangat penting. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Silakan Yang Berhormat Kimanis.

2.46 tgh.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada kepala Butiran 040500 – National Institute of Biotechnology Malaysia (NIBM) diperuntukkan RM30 juta

tetapi saya juga macam rakan-rakan yang lain mencari butiran-butiran yang khusus membincangkan soal COVID-19 tetapi saya yakin bahawa COVID-19 itu mungkin kita boleh bicarakan dalam kepala Butiran 040500 ini.

Tuan Pengerusi, Sabah mencatatkan kes positif melebihi 20,000 iaitu tertinggi di Malaysia dan menyatakan memerlukan peruntukan mendesak bagi menangani krisis kesihatan yang berlaku di negeri itu dan kita bicara soal vaksin pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya mengharapkan ada sesuatu yang baik untuk negeri Sabah. Kita tahu bahawa di Sabah kita ada 24 hospital kerajaan dan 300 klinik kesihatan kerajaan di seluruh Sabah. Namun masih tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan rakyat Sabah. Nisbah rasmi doktor, ini fakta cukup penting, nisbah rasmi doktor dengan penduduk Sabah iaitu 1:856. Seorang doktor untuk setiap 856 penduduk.

Kenapa saya bangkitkan fakta ini Tuan Pengerusi? Saya mengharapkan bahawa vaksin yang bakal tiba di negara kita, ini penantian yang cukup berharga, ibarat bulan jatuh ke riba, ibarat menantikan pengantin tiba kerana inilah yang dinanti-nantikan oleh rakyat dan keseluruhannya.

Saya mengharapkan daripada 30 peratus yang katanya akan diberikan kepada seluruh penduduk Malaysia di mana 10 peratus akan dibekalkan oleh COVAX dan 20 peratus lagi oleh Pfizer. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah peratus dan bagaimanakah pengagihan vaksin COVID-19 yang akan diberikan kepada negeri Sabah? Kita tahu Sabah *is the most affected*, antara yang terteruk paling terjejas COVID-19.

Keduanya tentang pengagihan ini, saya juga macam Yang Berhormat Kuala Selangor tadi menyentuh soal *procurement process*. Bagaimana ianya dilaksanakan? Kita tahu barangkali akan dilantik beberapa *suppliers* ataupun *distributors*. Untuk Sabah saya minta agar ia diberikan juga kuota untuk pengedar-pengedar ataupun *suppliers* daripada Sabah. Jangan hanya dimonopoli oleh *suppliers* dan *distributors* daripada Semenanjung Malaysia. Ini kerana apa, untuk mempercepatkan *delivery* ini. Sabah negeri yang cukup luas, jadi kalau ada *suppliers* di negeri Sabah itu sendiri saya yakin akan dapat sampai di seluruh pelosok negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh soal jenama vaksin. Saya tahu vaksin dicipta di luar negara dan mungkin belum ada lagi *trademark* ataupun jenama yang difikirkan sesuai digunakan di negara ini. Cuma barangkali kementerian boleh mengkaji apakah kita boleh menggunakan jenama kita sendiri walaupun ini bukan produk kita, kita hanya memasarkan produk orang lain.

■1450

Akan tetapi, apabila sampai di market negara kita, bagaimana cara untuk kita memastikan bahawa vaksin itu adalah vaksin yang diedarkan di Malaysia sahaja dan

mungkin tidak sesuai diedarkan di mana-mana negara? Jadi, bolehkah satu rundingan dijalankan oleh kementerian dengan pihak-pihak terlibat bagaimana untuk kita *at least* ada identiti vaksin yang dipasarkan di Malaysia itu? Jadi mungkin perlu difikirkan oleh kementerian MOSTI ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan apabila adanya nanti vaksin di pasaran, 30 *percent* untuk pusingan pertama dan 40 *percent* lagi katanya untuk pusingan yang kedua. Jadi itu akan dibincangkan dengan *pharmaceutical company* dan sebagainya dan saya minta bahagian itu biarlah merata. Jangan hanya tertumpu di Semenanjung Malaysia tetapi Sabah dan Sarawak juga harus diberikan peluang untuk mereka terlibat sama dalam industri pengedaran vaksin ini. Mudah-mudahan usaha ini akan dapat kita manfaatkan dan mencapai sasarannya bahawa vaksin itu betul-betul sampai kepada sasarannya apatah lagi *front liners* pada hari ini yang memang terdedah dengan macam-macam risiko.

Jadi, kita mahu nanti bukan sahaja *front liners* tetapi rakyat biasa juga akan diberikan vaksin. Akan tetapi, bayi— saya tahu tadi ada beberapa fakta, bayi berumur 12 tahun tidak akan diberikan vaksin. Akan tetapi, apakah mereka diberikan sesuatu untuk sekurang-kurangnya sama macam vaksin COVID-19 ini?

Jadi itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: *Walaikumusalam.* Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Bandar Kuching.

2.51 ptg.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan terus menyentuh kepada Butiran 020100, Butiran 030100, Butiran 030200 dan juga isu vaksin yang banyak dibawakan oleh rakan-rakan saya.

Saya sebenarnya menyambut baik berita bahawa pihak kerajaan telah menandatangani satu perjanjian dengan syarikat Pfizer untuk membeli 12.8 juta vaksin COVID-19. Namun, saya memang berharap kerajaan akan telus dengan perancangan kerajaan terutamanya dari segi mekanisme pengagihan logistik ekuiti untuk memastikan semua rakyat tak kira latar belakang dan demografi mendapat vaksin tersebut. Juga, kempen kesedaran atau *educational*, dengan izin, untuk memastikan kurangnya berita palsu, *misinformation*, kekeliruan dan juga keraguan atau *hesitancy*, dengan izin.

Persetujuan Pfizer ini, memang kita tadi sudah banyak kali diulangi, akan *cover* 20 peratus daripada populasi kita dan juga COVAX 10 peratus. Jadi pagi tadi saya mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa memang kerajaan berhasrat untuk mencapai 70 peratus ini. Namun, saya ingin bertanya, apakah *progress*

rundingan dengan syarikat lain? Ada syarikat di mana ada *last stage negotiation* dan pentingnya jangka masa di mana kita *target* untuk mencapai *herd immunity* tersebut.

Saya juga mendapat berita bahawa syarikat MyEG di Malaysia telah menandatangani kontrak dengan syarikat vaksin di China, Anhui Zhifei Longcom Biopharmaceutical. Sejak itu, kesannya, saham MyEG telah naik sebanyak 13.26 peratus, paling tinggi sejak Mei 2018.

Jadi isunya adalah MyEG ini bukan satu syarikat *pharma* atau syarikat logistik. Jadi, *on what basis*, dengan izin, syarikat ini mendapatkan tender tersebut? Adakah *track record* tidak penting atau mana-mana syarikat, mana-mana bidang boleh mendapat tender vaksin ini? Bagi saya, ini tidak haruslah berlaku.

Selain itu, Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya bahawa— tadi Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan bahawa syarikat Pfizer akan mengendalikan *shipman distributor*, pengedaran tersebut disebabkan kepakaran *ultra-cold storage* yang diperlukan. Namun, saya ingin bertanya, adakah ini melibatkan pengedaran terus kepada *end targeted user* termasuk di kawasan pedalaman atau cuma pengedaran ke sesuatu lokasi *central* ataupun kawasan bandar mahupun pekan sahaja?

Kita tahu disebabkan iklim atau *climate* tropika di negara kita dan juga demografi terutamanya di kawasan pedalaman Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung Malaysia, ia akan menyukarkan pengedaran vaksin ini. Adakah kita mempunyai kemudahan *ultra-freezing* yang secukupnya di kawasan tersebut?

Saya tahu di pasaran kita, kita ada *ultra-freezer* seperti *TSX Series Ultra-Low Freezer* dan mungkin kerajaan bercadang untuk menyewanya. Akan tetapi, saya ingin bertanya, adakah kos tersebut akan ditanggung oleh syarikat Pfizer ataupun kerajaan kita? Sebenarnya model tersebut juga ada kelemahannya. Adakah kita cukup untuk pengedaran ke seluruh negara?

Pertama, *freezer* tersebut tidak ada *trigger alarm monitoring service*. Kedua, bagaimana fungsi *freezer* tersebut di kawasan pedalaman di mana aliran elektrik tidak stabil, terputus-putus? Ada yang terpaksa bergantung kepada generator. Adakah *freezer* tersebut dapat disambungkan ke generator?

Bagaimana kita dapat pantau suhu dalam setiap langkah, *every steps of the cold storage*? Bagaimana apabila kita hantar vaksin kepada kawasan kampung? Naik Hilux kah, naik bot kah jalan balak? Macam mana kita dapat pantau suhu di setiap langkah *of the cold storage*? Jika benar kita hendak menyewa *this freezer*, berapa yang akan disewa? Berapa untuk Sarawak dan juga seluruh negara?

Kita tahu bahawa walaupun *the understanding is batch* pertama akan diberikan kepada *front liners* dan juga mungkin yang *high risk generation* tetapi kita harus ingat ada juga banyak *front liners* di kawasan pedalaman. Kita tidak mahu vaksin tersebut *been lyse and then not effective in this user* kerana kita ada *analyst* yang menjangkakan

hampir *five to 20 percent of this Pfizer's vaccine*, dengan izin, *could be make ineffective due to inadequate storage condition*.

Kita juga tahu vaksin ini *is a two dose regimen* di mana suntikan pertama *and after that, three weeks*, suntikan kedua. Bagaimana kerajaan bercadang untuk membantu mereka terutamanya golongan tua yang tinggal di kawasan pedalaman untuk datang balik untuk mendapat suntikan kedua? Jika ia disimpan di kawasan pedalaman, *how is it been kept in this kawasan pedalaman?* Vaksin tersebut. Kita tidak mahu mereka mendapat dos pertama, tak balik untuk dos kedua, selepas itu *titer antibody* yang diperlukan *not been induce*.

Jadi, satu lagi isu yang sangat penting. Saya berharap kerajaan akan memulakan *right now*, sebenarnya memulakan komunikasi dan kempen kesedaran tentang pentingnya vaksin ini untuk mengelakkan kekeliruan, *misinformation and hesitancy*. *We have to counter pseudoscience* ataupun hujah-hujah anti vaksin yang mungkin akan bertambah kerana keraguan atau *hesitancy* akan mendatangkan kesan dan keberkesanan pengedaran vaksin tersebut.

Tuan Pengerusi, ini isu terakhir. Negara US dan UK telah jelas menyatakan bahawa ini adalah kempen vaksinasi yang paling sukar dalam sejarah mereka disebabkan kepentingan vaksin ini dan kepakaran yang diperlukan. Dengan izin, *clocks start well before you received the product*.

Oleh itu, saya berharap kerajaan secara jelas dan terperinci membincangkan perkara ini. *National vaccine roadmap* yang dilakarkan haruslah mendapat maklum balas semua *stakeholders* berkenaan termasuk badan-badan kesihatan termasuk swasta, malah Ahli Parlimen daripada kedua-dua pihak supaya ada *whole society approach*, satu *joint collaboration* untuk memastikan vaksin ini diedarkan kepada orang yang memerlukan.

Itu sahaja. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Akhir sekali, Yang Berhormat Arau. Silakan.

2.57 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bincang satu tajuk sahaja dalam masa yang pendek iaitu di bawah Butiran 00800 – Program Penyelidikan dan Pembangunan. Kita tahu pada tahun 2020 diberi RM20 juta dan pada tahun hadapan, kerajaan telah menambahkan kepada RM98 juta. Kita menyambut baik usaha kerajaan untuk menyediakan vaksin COVID-19 ini secara percuma kepada rakyat apabila ia diperolehi kelak.

Persoalan yang timbul di sini, yang kita dengar vaksin ini telah melalui proses *lab* yang sewajarnya dan telah diuji tetapi kita juga mendengar maklumat di peringkat

pertama ujian itu, 80 peratus berjaya. Ini bermakna kalau 10 orang itu, lapan orang berjaya, dua orang lagi tak berjaya, lebih kurang macam itu. Jadi, sekarang ini sudah pasti ia telah melalui satu proses sehingga mungkin 100 peratus berjaya.

Akan tetapi, saya ingin bertanya, apakah mungkin apabila diperkenalkan di Malaysia, kita membuat ujian lagi sekali untuk rakyat Malaysia? Mungkin rakyat Malaysia ini berlain sedikitkan, macam-macam. Kita ini berlain ya. Macam kita ada perkara-perkara yang kita berlain daripada orang lain. Jadi mungkin ada hubung kait kemanusiaan itu dengan ubat yang hendak diuji. Apakah kita akan buat ujian yang kedua bila ia datang ke sini? Ataupun kita terima pakai terus apa yang telah kita terima nanti?

Saya sokong kawan-kawan ini supaya kita bolehlah— saya ingat menjenamakan semula ini mungkin ada masalah tetapi kalau boleh buat, lagi baguslah. Cuma, kita takut nanti berlaku— sudah pasti akan berlaku orang-orang yang akan menjualkan ubat-ubat tiruan dan sebagainya. Jadi, apakah langkah kerajaan untuk menghadapi perkara ini? Sebab, banyak benda yang baik yang kerajaan buat itu mesti ada usaha yang dibuat oleh pihak tertentu untuk mengambil kesempatan seperti ada ubat tiruan.

■1500

Kita perkenalkan EPF sebagai contoh. EPF ini telah pun dibagi lebih daripada yang kita minta. Contohnya, kita minta seramai 4.2 juta pencarum. Akan tetapi, kerajaan bagi lebih daripada lapan juta, malah kerajaan bagi pada semua. Akan tetapi *fake news* ataupun berita-berita palsu yang dikeluarkannya, ianya susah hendak keluarkan EPF dan sebagainya. Ini saya hendak keluarkan berita bahawa kalau sekiranya rakyat Malaysia yang susah untuk mengeluarkan pencaruman mereka, kalau betul-betul susah saya akan tawaran untuk pejabat saya PN BBC untuk memberi khidmat kepada mereka yang susah untuk mendapatkan khidmat mengeluarkan duit daripada EPF.

Demikian juga ubat ini tetapi kami tidak bolehlah menjadi orang atau badan untuk membuat sesuatu lebih dari yang kerajaan tetapkan. Pastikan tidak ada orang yang cuba untuk membuat ubat tiruan dan selepas itu mereka menjual di *black market* dengan harga yang tertentu sehingga dia menimbulkan masalah. Kerajaan mesti betul-betul mengawal benda ini sampai ke akar umbinya supaya tidak ada orang yang ambil kesempatan bila diperkenalkan ubat ini, vaksin ini, *sorry*.

Perkara utama yang saya hendak bahaskan di sini ialah terdapat golongan antivaksin ataupun dikenali sebagai golongan *anti-vak* yang wujud di kalangan, yang amat membimbangkan. Dalam kajian terbaru syarikat penyelidikan global berpangkalan di UK, UGARF. Seramai 82 peratus rakyat Malaysia bersedia untuk divaksinasi berbanding hanya 18 peratus yang menolak vaksin ini. Cabaran untuk berhadapan

dengan golongan antivaksin bukanlah satu perkara yang mudah, bahkan ianya turut dihadapi oleh negara-negara lain di dunia.

Misalnya negara Perancis turut menghadapi masalah untuk meyakinkan golongan anti vaksin bagi mengambil vaksin COVID-19 apabila berdasarkan tinjauan yang dibuat oleh akhbar *Le Journal du Dimanche* pada hujung minggu lalu, cuma 40 peratus rakyat negara itu merancang untuk mendapatkan vaksin. Di Amerika pula, mereka...

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Hebat Yang Berhormat Arau.

Seorang Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya? Oh! *Thank you, thank you.* Saya bahasa Perancis memang tidak betul. Akan tetapi saya sebut sebab semua orang tidak tegur, jadi menjadilah kan? *Le Journal du Dimanche*, tidak tahu, harap-harap betul. Di US pula merekodkan sebanyak 58 peratus penduduknya menolak dan mengesyaki keberkesanan vaksin ini.

Jadi, apakah yang dibuat oleh pihak kerajaan supaya golongan antivaksin ini tidak terjadi negara ini? Oleh sebab kita tahu bahawa vaksin ini, matlamat kita untuk mewujudkan *health immunity* iaitu bila orang yang di vaksin itu berjaya menjadi pelindung kepada golongan orang yang tidak di vaksin.

Selalunya orang kata tajuk ini tidak payah cakap tetapi ini sudah ada gerakan sebab kita mudah terpengaruh dengan pemikiran-pemikiran dalam sosial media dan sebagainya. Bila tengok ada orang Amerika sampai 51 peratus tidak mahu di vaksin, di Perancis hanya 48 peratus sahaja yang mahu di vaksin. Jadi di Malaysia 18 peratus sudah menyatakan bahawa mereka tidak mahu di vaksin. Apakah kesannya kepada masyarakat kalau ada pemikiran-pemikiran ini? Walaupun rakyat Malaysia yang lain kata, "*Biarkanlah, mereka tidak mahu vaksin dia punya hal*". Akan tetapi kita kena ingat, dia ada kesan, orang yang tidak mahu vaksin dengan orang yang mahu divaksin.

Jadi kementerian ini telah diberi peruntukkan yang mencukupi, sudah pasti Menteri yang muda mampu untuk menggerakkan kementerian ini di peringkat yang luar biasa, yang boleh meletakkan kita sebagai sebuah negara yang berada di persada dunia dalam bidang sains dan juga teknologi. Terima kasih, saya menyokong dengan sepenuhnya dan saya ucap terima kasih kepada kawan-kawan yang di bawah belah bahagi tadi, yang menyokong dengan hebatnya.

Kerajaan ini akan terus disokong walaupun ada sedikit masalah di Perak tetapi yang penting di peringkat Federal kerajaan ini tetap kerajaan yang kukuh dan mantap. Tidak boleh diganggu gugat lagi. Akhir sekali satu lagi Yang Berhormat Menteri, saya minta supaya...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa dah tamat Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Kajian dibuat kepada kesan COVID-19 ini. Dari segi pemikiran manusia, bagaimana manusia – terjadi kesan ini dari segi pemikiran, tekanan daya hidup dan sebagainya? *Thank you very much.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Ahli Yang Berhormat sekarang, saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, 15 minit.

3.04 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut menyertai perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Saya akan cuba jawab semua, kalau sekiranya tidak dapat jawab semua saya pohon untuk jawab secara bertulis.

Saya pergi pertamanya kepada Yang Berhormat Selayang. Kita telah mengambil maklum berkenaan dengan penurunan perbelanjaan *gross expenditure R&D* dan juga *business expenditure R&D*. Justeru, di bawah dasar baharu kita menyasarkan peningkatan bagi *gross expenditure R&D* daripada sejumlah 1.04 peratus kepada sejumlah 3.5 peratus. *Business expenditure R&D* ditingkatkan daripada sejumlah 43.9 peratus kepada 70 peratus menjelang tahun 2030 dengan pelbagai inisiatif dan juga insentif diberikan untuk meningkatkan perbelanjaan tersebut.

Manakala penyelidikan pembangunan eksperimen ditingkatkan daripada 24.5 peratus kepada 50 peratus menjelang tahun 2025. Ini sudah pasti akan meningkatkan lagi kadar pengkomersialan teknologi Malaysia.

Berkenaan dengan dasar yang tidak ada, terlalu banyak *silos* dan tidak dilihat holistik, sebab itulah kita sekarang ini telah menyusun semula agensi-agensi di bawah MOSTI termasuk agensi-agensi pembiayaan teknologi, itu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bakri tadi dan juga agensi-agensi yang berkaitan dengan pengkomersialan teknologi.

Kita kena pastikan bahawa agensi-agensi yang ada di bawah MOSTI tidak bertindih dari segi pengkomersialan teknologi. Justeru, sekarang ini saya sedang melihat usaha-usaha untuk memastikan bahawa agensi-agensi ini dapat diselaraskan semula agar kita dapat satu teknologi *commercialization agency* yang tidak ber-*silos*, yang tidak bertindih, yang *fit for purpose technology commercialization agency* dengan izin. Untuk *manage challenge* dan fokus *on R&D for critical areas, that have been identified in our national development plan*.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Selayang bahawa sudah pasti di bawah syarikat pemula, *start-up*, kita tidak hanya menggalakkan mereka

mempunyai mentaliti tidak boleh gagal sebab kegagalan itu adalah perkara biasa terutamanya di peringkat awal. Oleh sebab itu, untuk pembiayaan syarikat-syarikat teknologi ini kita ada dua pendekatan. Satu pendekatan adalah *on commercial basis* dan ini adalah pembiayaan yang dibuat oleh syarikat agensi seperti syarikat MAVCAP.

Di mana kita seperti Yang Berhormat Bakri telah memulakan dahulu, kita fokus kepada pelaburan ekuiti secara *fund of funds model*. Namun demikian, ini bukanlah *the only way we invest*. *We invest also not just for commercial purposes* dengan izin tetapi juga *strategic purposes*.

Oleh sebab itu kita ada agensi seperti MTDC yang mungkin tidak ambil pendekatan *fund of funds* tetapi mengambil pendekatan ekuiti terus untuk memastikan syarikat yang awal ini walaupun kita hendak mereka berjaya tetapi kegagalan itu tidak dianggap sebagai perkara yang menghalang mereka untuk cuba lagi.

Saya pergi kepada Yang Berhormat Bakri, perlukan perincian pengurangan peruntukan PSN. Bermula tahun 2021, PSN diberikan butiran sendiri berbanding tahun sebelum ini di mana peruntukan PSN disalurkan, di satukan dengan Planetarium Negara. Peruntukan PSN bagi tahun 2021 adalah bertambah untuk peruntukan pembangunan dan juga mengurus. Peruntukan pembangunan PSN bertambah sebanyak 7.5 peratus daripada sejumlah RM6 juta kepada sejumlah RM13.5 juta.

Berkenaan dengan MOSP, kita sudah melatih seramai 50 data saintis dan data kurator dan sasaran adalah untuk melatih lagi seramai 150 orang data saintis dan data kurator. Program MOSP akan diteruskan dan sekarang ini garis panduan perkongsian data sedang dimuktamadkan dan akan mula digunakan pada suku tahun pertama tahun 2021. MOSP, platform ini akan dijangka siap pada bulan Mei 2021 dan platform dijangka siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2021. Platform ini sedang dibangunkan dengan kerjasama oleh agensi MIMOS.

Berkenaan dengan i-Alert telah digantikan dengan sistem *power BI* dengan modul yang sama tetapi ditambah baik dengan *dashboard* menggunakan *big data analytics*.

■1510

Berkenaan dengan *I-Connect* kita sudah melantik empat neutral entiti untuk menjadikan penyelenggara empat platform ekonomi iaitu halal bagi *Halal Development Corporation* bagi Industri 4.0, Nano Malaysia bagi *Fintech in Islamic Finance* (INCEIF) di bawah Bank Negara Malaysia dan satu lagi adalah *health and wellness*. Kita akan mula mewujudkan *foundation industry members* untuk setiap platform dan akan mula membuka *broadcast research* pada suku tahun pertama tahun 2021. Dijangka pada tahun 2021, empat hingga lima projek akan dimulakan.

Yang Berhormat Bakri juga telah bangkitkan berkenaan dengan MYSA - Program *Remote Sensing* Satelit dalam program yang dicadangkan dahulu akan

diteruskan. Kita cadangkan tahun ini akan dikeluarkan RFP terbuka untuk kita menerima cadangan-cadangan daripada industri swasta dan cadangan ini adalah supaya dibangunkan sebuah Remote Sensing Satelit Malaysia yang akan menyertai *constellation* antarabangsa.

Berkenaan dengan isu kabotaj yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bakri. Saya pun telah bangkitkan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bakri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang telah diambil maklum oleh Kementerian Pengangkutan dan sedang dirangka satu prosedur yang boleh - pertamanya memberi peluang kepada industri tempatan. Akan tetapi pada masa yang sama tidak akan menjejaskan masa yang diperlukan untuk dibuat kerja penambahbaikan kepada kabel *submarine*.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Tuan Pengerusi...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya banyak lagi Yang Berhormat Bakri. Sikit sahaja.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri yang sekarang *challenge* kita adalah keyakinan *big tech - this giant tech already - they don't have confidence* disebabkan isu ini yang tidak dibincangkan dengan mereka dan kita membuat keputusan ini. Saya hendak satu - sama ada Menteri boleh bincang dengan Menteri Pengangkutan sekali lagi untuk tukar atau ubah isu kabotaj ini ataupun ini adalah muktamad sudah.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Baik terima kasih Yang Berhormat Bakri. Perkara ini masih lagi kita sedang bincang dan juga kita akan melibat uruskan syarikat-syarikat antarabangsa untuk menyampaikan keputusan Kerajaan Malaysia kelak. Yang Berhormat Sibuti telah bangkitkan berkenaan dengan *hydrogen economy*. Saya ingin suka cita maklumkan bahawa kita sedang membangunkan teknologi *road map* untuk mengarusperdanakan inisiatif dan projek berkaitan hidrogen teknologi, memberi hala tuju ekonomi hidrogen dari segi teknologi-teknologi penjanaan dan penyimpanan baru.

Ini termasuklah R&D di peringkat universiti, termasuk projek hidrogen Sarawak dan *partnership* dengan PETRONAS. Teknologi penjanaan hidrogen NanoMalaysia dan potensi bagi PETRONAS untuk menceburi pasaran *blue hydrogen* di Semenanjung. Potensi impak kepada GDP daripada *hydrogen economy* ini kita jangkakan USD2 bilion menjelang 2025 dan satu sektor yang kita akan jadikan sebagai sektor tumpuan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 nanti. Yang Berhormat Sibuti juga telah bangkitkan berkenaan dengan isu JPN dan Jabatan Kimia. Jabatan Kimia Sabah dan Sarawak bersedia memberi khidmat analisis DNA.

Kos *consumable* kita sedang berunding dengan JPN supaya tidak terlalu tinggi kepada mereka yang ingin minta analisa DNA. Saya sedia maklum bahawa di JPN Sabah dan juga ada beberapa tempat yang mereka tidak ikut prosedur persampelan

dan perkara ini kita akan cuba selesaikan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti tadi.

Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Jerai, dan Yang Berhormat Sibuti telah membangkitkan Program Pembudayaan STI, Pusat Sains Negara (PSN) dan Planetarium Negara. Antara inisiatif kementerian adalah dengan menaik taraf infrastruktur dan juga infostruktur Pusat Sains Negara yang meliputi pembangunan fasiliti, penambahbaikan program pendidikan dan naik taraf pameran. Usaha ini bertujuan untuk menjadikan pembelajaran berteraskan STEM lebih menarik melalui pendekatan informal, *science learning* yang lebih interaktif dan informatif seterusnya memberikan keselesaan dan keseronokan berganda kepada pelajar.

PSN turut mempromosikan STEM melalui penganjuran pertandingan di peringkat kebangsaan. Antara pertandingan yang telah dianjurkan adalah pertandingan robotik, pertandingan jet kawalan jauh kebangsaan dan juga *national tinkering challenge*.

Kementerian juga melalui Unit Outreach PSN telah bergerak aktif di seluruh Malaysia bagi menjalankan Program-program Jangkau Luar bagi mempromosikan STEM di sekolah. Program Jangkau Luar yang dijalankan oleh Pusat Sains Negara disusun dengan terancang mengikut zon seluruh Malaysia.

Untuk maklumat Yang Berhormat Dungun, minggu sains negara – COVID-19 tidak menghalang aktiviti pembudayaan sains. Kita telah menjalankan contohnya, Pertandingan Sains Kebangsaan secara maya pada tahun ini dan masih lagi mendapat penyertaan daripada 1,024 pasukan sekolah yang telah mengambil bahagian.

Yang Berhormat Hulu Selangor...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Kuala Selangor, Kuala Selangor.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang Berhormat Kuala Selangor, *sorry* Yang Berhormat Kuala Selangor telah membangkitkan isu Silterra dan juga isu – saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Selangor bahawa semi konduktor ataupun *integrated circuit* ini menjadi nadi kepada pembangunan ekonomi kita untuk masa depan. Yang pertamanya saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Kuala Selangor bahawa Jemaah Menteri sedang menyediakan satu memorandum bersama oleh MOSTI Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Kewangan untuk kita membuat pendirian *national interest* sebelum keputusan dibuat berkenaan dengan masa depan Silterra.

Jadi pihak Khazanah Nasional telah dimaklumkan bahawa sebelum sebuah keputusan dibuat berkenaan dengan Silterra, ia mesti terdahulu dibincangkan di peringkat Jemaah Menteri supaya keputusan *national interest* dibuat berkenaan dengan masa depan Silterra tersebut.

Yang Berhormat Kuala Selangor dan juga Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat Arau telah bangkitkan isu vaksin. Saya hendak ambil sedikit masa untuk jelaskan. Ada banyak lagi perkara tetapi saya pergi kepada perkara ini dan selepas itu kepada Yang Berhormat Pasir Gudang. *Insyah-Allah* selepas itu saya menggulung.

Yang pertamanya berkenaan dengan peruntukan RM3 bilion ini. Jumlah RM3 bilion ini saya akui tidak dapat dalam anggaran perbelanjaan dalam butiran ini sebab ia akan dibentangkan di dalam Tabung Amanah COVID-19 seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi RM3 bilion ini akan datang daripada tabung khas untuk COVID-19.

Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor dan juga Yang Berhormat Bandar Kuching ini berkenaan dengan pengumuman yang dibuat oleh syarikat-syarikat swasta. Saya ingin jelaskan di sini dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan pun ada di kiri saya bahawa pengumuman ini adalah pengumuman berkenaan dengan kerjasama swasta. Ia tidak ada kena mengena dengan perolehan kerajaan. Mana-mana syarikat boleh berunding dengan syarikat-syarikat antarabangsa untuk menjadi agen mereka, untuk menjadi *distributor* mereka dan sebagainya. Kita tidak boleh kawal, sama ada mereka hendak buat *commercial arrangement* dengan syarikat ataupun pengeluar-pengeluar vaksin di luar. Akan tetapi kalau sekiranya mereka tidak dapat kelulusan daripada contohnya, *Clinical Research Malaysia*, mereka tidak boleh *clinical trial* di sini. Kalau sekiranya mereka tidak dapat kelulusan daripada NPRA di bawah KKM, mereka tidak boleh bawa vaksin masuk ke Malaysia.

Jadi bagi pihak kerajaan, MOSTI dan Kementerian Kesihatan Malaysia, kita tidak boleh menghalang syarikat-syarikat ini yang sebenarnya tidak ada kaitan langsung dengan perubatan, dengan logistik dan sebagainya. Mereka mungkin cuba '*pivot*' kepada industri lain, mereka buat *private commercial deals* dengan syarikat-syarikat di peringkat antarabangsa. Akan tetapi saya ingin memaklumkan kepada pasaran pelabur di Malaysia, bahawa pengumuman tersebut tidak bermaksud bahawa mereka dapat perolehan daripada kerajaan. Perolehan daripada kerajaan setakat ini hanya dengan COVAX, 10 peratus daripada populasi dan Pfizer 20 peratus daripada populasi yang dibuat terus dengan Pfizer tanpa diguna pakai sesiapa *middleman* atau pun *third party*. Yang Berhormat Kuala Selangor.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri saya ucapkan tahniah atas komitmen untuk memastikan kepentingan negara dan rakyat atas isu Silterra tadi dilangsungkan sehingga secara tuntas dapat kita selesaikan dengan baik.

■1520

Adapun poin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi saya sangat memahami. Ia merupakan satu transaksi yang merupakan pihak swasta dan itulah adalah di luar kepentingan MOH. Namun, apakah Yang Berhormat Menteri bersedia untuk memastikan demi kepentingan dan kemaslahatan rakyat supaya harga itu apakah boleh kiranya *it's capped at – there shouldn't be any exorbitant*, dengan izin harga yang melampau kerana di situlah berlakunya apa yang dikatakan sebagai mengambil *profiteering* yang melampau Yang Berhormat Menteri. Itu satu perkara yang saya ingin tekankan. Minta Yang Berhormat Menteri jelaskan. Pfizer tadi adalah G2G. Itu yang juga – bagaimana boleh begitu, apakah itu satu keputusan Kabinet? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tambah sedikit.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya cuma hendak tanya, saya faham memang ini bukan itu satu. *I mean private negotiation*, tetapi adakah pihak kementerian bercadang untuk – bagaimana untuk memantau kualiti *the whole distribution chain* walaupun syarikat MyEG yang tanpa *track record*. Adakah kementerian ada mekanisme untuk memantau untuk memastikan kualiti yang sampai kepada *end user* tersebut dijaga? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sila.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Berkenaan dengan...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri hendak tambah berapa minit lagi? Tiga minit, empat minit?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Lima minit kalau boleh.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lima minit. Baik. Lima minit lagi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Berkenaan dengan harga, Yang Berhormat Kuala Selangor. Setakat ini mengikut rundingan kita, kita runding terus dengan syarikat. Jadi, *government to business (G2B) I suppose* dan harga itu harga *ex-factory*. Harga yang diberi oleh syarikat tersebut dan tidak ada harga-harga tambahan.

Kalau sekiranya perlu daripada segi logistik, *transport* dan sebagainya, macam contoh Pfizer saya sudah sebut, bahawa harga itu harga meliputi hantaran, tidak meliputi harga simpanan (*storage*), itu lain. Akan tetapi, mungkin selepas ini akan ada rundingan dan kita akan dapat harga tetapi harga itu tidak termasuk logistik, tidak termasuk...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Maaf Yang Berhormat Menteri, RM2 bilion itu tidak termasuk logistik dan *storage*?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: RM3 bilion *you mean*?

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak, yang disebutkan itu RM2 bilion campur satu. Satu itu adalah *the storage*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *No, No, no*, RM3 bilion itu adalah jumlah keseluruhan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Betul.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Dan kita cuba dalam jumlah keseluruhan itu untuk mengambil kira semua. Perolehan termasuklah *storage* dan termasuklah pengangkutan. Setakat ini kita masih lagi dalam sasaran tersebut.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Hanya untuk Pfizer?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *No, no. Not Pfizer*, semua.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Persoalan saya adalah Yang Berhormat Menteri, Pfizer sahaja saya mendapati bahawa komitmennya adalah sebanyak RM2 bilion kepada vaksin dan RM1 bilion kepada logistik dan *storage*. Apakah itu benar? Itu adalah mengikut laporan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ini kenyataan yang tular hari ini yang kononnya dibuat atas nama Yang Berhormat Gua Musang. Dia kata perolehan harga Pfizer sampai USD2 bilion. Simpanan semua sampai USD1 bilion. *I can categorically state* dalam Parlimen Dewan Rakyat bahawa itu tidak berasas dan tidak betul sama sekali. *[Tepuk]* Saya tidak boleh cakap harga sebenar perolehan dengan Pfizer sebab ia NDA. Ini perkara biasa, Yang Berhormat Kuala Selangor pun tahu. *When you enter into non-disclosure agreement*. Akan tetapi, perjanjian kita dengan Pfizer dan juga dengan COVAC masih lagi *way within our reach of RM3 billion for 70 percent of populations*. Itu yang saya dapat maklumkan.

Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tadi berkenaan dengan kualiti dan sebagainya. Semua yang hendak daftar vaksin mereka di Malaysia mesti melalui NPRA. Semua syarikat yang hendak buat sebahagian daripada pembuatan vaksin pun mesti dapat persetujuan daripada NPRA. Mereka mesti dapat kelulusan daripada *good management practice* dan sebagainya. Oleh sebab ada pengeluar vaksin, contohnya daripada negara China yang minat untuk datang ke sini bukan hanya untuk jual, tetapi untuk membuat proses pembotolan. Apa yang disebut sebagai *fill and finish*. Itu pun memerlukan kelulusan *regulatory* sebelum dapat dilaksanakan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Isu saya bukan pengeluaran atau *manufacturer*. Saya tahu ada kriteria yang diperlukan tetapi *distribution*. Kalau diberi

kepada syarikat MyEG yang tiada *track record*, adakah mereka dapat *keep that quality* yang diperlukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Sebab itu *distribution* juga adalah perkara yang dapat perhatian *regulatory*. Kita tidak akan memberi kepada mana-mana syarikat yang tidak ada *distribution capacity* yang boleh menjaga *stability* vaksin tersebut.

Seorang ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, tapi kita tidak tahu mungkin mereka akan buat pelaburan, saya tidak pasti. Mereka buat *commercial agreement* dan terpulang kepada syarikat-syarikat tersebut. Mungkin mereka akan buat pelaburan, mungkin akan dapat buat JV atau kerjasama dengan syarikat yang biasa membuat *transportation* kepada vaksin.

Saya sebut di sini bahawa, ya, saya tahu, syarikat-syarikat yang tidak ada kaitan pun sedang cuba mengambil bahagian dalam vaksin. Saya dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kita berdiri teguh dengan *regulatory approval*, itu pertama. Kedua, tetapi kalau ada usaha dari syarikat tersebut untuk mendapatkan kepakaran, itu terpulang kepada mereka. *But we must make sure that quality and safety is assured. That, I guarantee I give you.*

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: *Last point*, Menteri...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selama 45 saat sahaja.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: *Last* sekali. *Last* ya. Ini Pfizer. *Price* yang diberikan kepada kita itu adalah dalam kategori *they are low and middle-income countries* (MICs) dengan itu *pricenya* adalah 10 per dos kurang lebih— *does not RM19.50 tier pricing*. Apakah ini benar? Ini perkara saya ingin bangkitkan untuk Yang Berhormat Menteri jelaskan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat Kuala Selangor, saya tidak boleh secara terperinci sebut. Akan tetapi, memang betul Pfizer dia ada harga berasaskan *tier*. Kita berada di *tier* yang pada pandangan Kerajaan Malaysia dapat diterima. Itu yang saya dapat sebut. Itu sahaja Tuan Pengerusi masa yang ada, yang lain saya akan jawab secara bertulis dengan terperinci. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM510,195,600 untuk Kepala B.30 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Kepala B.30 jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.30 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Kepala P.30 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga esok jam 10.00 pagi, hari Selasa, 8 Disember 2020. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat

[Dewan ditangguhkan pada pukul 3.28 petang]